

ANALISA AKTIVITI PERTUBUHAN-PERTUBUHAN
WANITA DI MALAYSIA
(1976 - 1980)

(Satu Kajian Ke Atas 56 Buah Pertubuhan-Pertubuhan)
Wanita Malaysia

Oleh

No. Matrik 36367

Puan Nurul Ihsanah, Universiti Malaya, Sarjana Muda Sastera
Yang Berwala, Bahasa, Tafsir dan Sastra, Jurusan Perancangan
Pengetahuan dan Pengembangan Sosial-Sosial

LATIHAN ILMIAH : Antropologi, Bagi Juga
Bagi Memenuhi Sebahagian
Dari Padam Syarat-Syarat Untuk
Ijazah Sarjana Muda Sastera

Fakulti Sains Sosial, Pusat Pengajian dan Pengembangan
Pengetahuan Sosial, Kuala Lumpur,

Jabatan Antropologi Dan Sosiologi
Universiti Malaya
Kuala Lumpur

Sessi 1982/83

No. Kajian: 36367
Jabatan Antropologi dan Sosiologi
Universiti Malaya
Kuala Lumpur
Disember, 1982.

PENGHARGAAN

Bismillahirrahman nirrahim

Alhamdullillah Syukur Ke Hadrat Tuhan Yang Maha Esa atas selesainya penulisan kajian ilmiah saya ini. Namun begitu segala-galanya tidak akan berhasil tanpa bimbingan, nasihat, tunjuk ajar, dan dorongan yang diberikan kepada saya semasa menyiapkan penulisan kajian ini. Dengan ini orang yang paling layak bagi saya untuk merakamkan penghargaan ucapan ribuan terima kasih ini tidak lain ialah kepada Penyelia saya, Puan Mazidah Zakaria seorang Pensyarah di Jabatan Antropologi dan Sosiologi.

Juga ingin saya tujukan ucapan terima kasih kepada Puan Norani Ibrahim, seorang Pegawai di I.C.U., Jabatan Perdana Menteri yang banyak memberi sumbangan dan kerjasama semasa saya menghadapi masalah untuk mendapatkan data-data yang diperlukan. Begitu juga ucapan terima kasih kepada Pegawai dan Kakitangan di Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia serta Pegawai dan Kakitangan di Perpustakaan, Lembaga Perancang Keluarga, Kuala Lumpur.

Tidak ketinggalan ucapan terima kasih saya tujukan kepada sesiapa sahaja yang terlibat di dalam usaha untuk menyiapkan penulisan saya ini.

Wassalam.

No. Matrik: 36367
Jabatan Antropologi dan Sosiologi
Universiti Malaya
Kuala Lumpur

PERPUSTAKAAN
JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

Perpustakaan Jabatan Antropologi dan Sosiologi Universiti Malaya
bermula pada tahun 1950 dengan jumlah buku kurang dari 1000 jilid.
Pada mulanya buku-buku yang dimiliki merupakan hasil karya penulis
dan penyelidikan sendiri. Selain itu, buku-buku yang dimiliki merupakan
koleksi-koleksi antropologis yang dibeli di luar negara. Pada akhirnya,
perpustakaan ini berada dalam tangan Profesor Dr. Dato' Dr. M. A. K. Ali
sebagai pengalih kepemimpinan.

Pada tahun 1960, perpustakaan ini mempunyai koleksi buku kurang dari 5000 jilid.
Definisi "organisasi", jaringan organisasi, populasi manusia
dalam organisasi, pertumbuhan tentang tokoh ternama Inggeris
maupun dalam organisasi yang membentuk penyebarluasan pengetahuan manusia
dibentuknya sebuah sekolah dan latihan-latihan bagi para pengajar
terhadap perkembangan pengetahuan populasi manusia di negara-negara Barat.

Untuk
ab II jata ketika mewajibkan untuk mendekati
kepada buku di Perpustakaan Universiti
juga diketahui pentingnya buku-buku
yang diperlukan bagi kegiatan
dan kerja-

Ibu dan Ayah tercinta
serta
Abang-abang
Kakak-kakak
dan
Adik-adik sekeluarga

..... dan ini dia dia yang akan membantu kegiatan dan
di mana dia menggunakan akhirnya buku-buku ini
yang ditulis oleh seorang ahli sains atau seorang penulis

SINOPSIS

Kajian ilmiah ini bertajuk "Analisa Aktiviti-Aktiviti Pertubuhan Sukarela Wanita dan Badan Wanita Melalui Agensi-Kerajaan". Kajian ini mengandungi enam bab. Kesemua bab-bab ini secara keseluruhannya menggambarkan sejauhmana penglibatan wanita dalam Pertubuhan Sukarela Wanita dan Badan Wanita Melalui Agensi Kerajaan sejajar dengan pembangunan negara.

Secara ringkasnya, Bab I menerangkan tentang konsep dan definisi "organisasi", jenis-jenis organisasi, penglibatan wanita dalam organisasi. Ditinjau juga tentang fokus terhadap kegiatan wanita dalam organisasi dengan membuat peninjauan penglibatan wanita dibeberapa buah di negara barat dan lain-lain negara serta implikasi terhadap perkembangan pergerakan pertubuhan wanita di negara Malaysia.

Bab II pula melihat sejarah ringkas penubuhan dan perkembangan organisasi wanita di Semenanjung Malaysia. Di samping itu dilihat juga objektif-objektif Pertubuhan Sukarela dan Badan Wanita Melalui Agensi Kerajaan yang dikaji.

Bab III dan Bab IV merupakan inti kepada kajian ilmiah ini di mana cuba menganalisa aktiviti-aktiviti dan program aktiviti yang dirancang oleh Pertubuhan Sukarela dan Badan Wanita Melalui

KANDUNGAN

	<u>Halaman</u>
Tajuk	i
Penghargaan	ii
Sinopsis	iii
Kandungan	v
Senarai Lampiran	viii
Senarai Jadual	ix

PENDAHULUAN:

A. Tujuan Dan Bidang Kajian	1
B. Metode Kajian	7
C. Masalah-Masalah Kajian	9

BAB I: PENGERTIAN KONSEP DAN DEFINISI "ORGANISASI" SECARA UMUM

I. Definisi Dan Konsep "Organisasi"	12
II. Jenis-Jenis Organisasi	18
III. Penglibatan Wanita Dalam Organisasi	24
IV. Fokus Terhadap Kegiatan Wanita Dalam Organisasi: Satu Tinjauan Perkembangannya Di Beberapa Buah Negara Lain Dan Di Malaysia	
a. Perkembangannya Di Beberapa Buah Negara Lain	27
b. Implikasi Terhadap Perkembangan Pergerakan Pertubuhan Wanita Di Malaysia	35

BAB II: PENGENALAN: ORGANISASI WANITA DI SEMENANJUNG MALAYSIA

I.	Sejarah Ringkas Pertumbuhan Dan Perkembangan Organisasi-Organisasi Wanita Di Semenanjung Malaysia	44
II.	Objektif Pertumbuhan/Badan Wanita Yang Dikaji (Badan Wanita Melalui Agensi Kerajaan dan Pertubuhan Sukarela Wanita) Tinjauan Secara Umum	54

BAB III: ANALISA AKTIVITI UNTUK BADAN WANITA MELALUI AGENSI KERAJAAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA
(Kajian Ke atas 16 buah Badan Wanita)

61

I.	Sumber Kewangan Bagi Badan Wanita Melalui Agensi Kerajaan	78
----	---	----

BAB IV: ANALISA AKTIVITI PERTUBUHAN SUKARELA WANITA DI SEMENANJUNG MALAYSIA (Kajian ke atas 40 buah Pertubuhan Wanita)

81

I.	Sumber Kewangan Bagi Pertubuhan Sukarela Wanita	105
----	---	-----

BAB V: MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI DARI SEGI PENGLIBATAN WANITA DALAM PERTUBUHAN-PERTUBUHAN WANITA DI SEMENANJUNG MALAYSIA

a.	Masalah Sikap Dan Nilai Masyarakat Dari Segi Penglibatan Wanita Dalam Pertubuhan Wanita	114
----	---	-----

b.	Masalah Kurangnya Penglibatan Wanita Secara Individu Dalam Pertubuhan Wanita	116
----	--	-----

c.	Masalah Sumber Kewangan Yang dihadapi Oleh Pertubuhan Wanita	122
----	--	-----

BAB VI: RUMUSAN/PENUTUP

126

Nota Kaki

BAB I(I):	Konsep Dan Definisi "Organisasi"	139
BAB I(IV):	Fokas Terhadap Kegiatan Wanita Dalam Organisasi	140
BAB II:	PENGENALAN: ORGANISASI WANITA DI SEmenanjung Malaysia	
² Fatimah Hamidon (Prof.), The Status, Role And Achievement of Women In Malaysia, Kertas Kerja Yang dibentangkan dalam Seminar Peranan Wanita Dalam Seminar Peranan Wanita Dalam Bidang- Bidang Pelajaran Tinggi Dan Implikasinya, 14hb. - 15hb. November, 1975, Universiti Malaya, Kuala Lumpur		140
³ Sejarah Ringkas Perjuangan Wanita UMNO, oleh Penulis Khas Ibu Pejabat UMNO, dalam Buku Cenderamata Jubli Perak Wanita UMNO Malaysia, 25hb. Ogos, 1974, m.s. 7.		140
BIBLIOGRAFI		141

SENARAI LAMPIRAN

<u>Bilangan Lampiran</u>	<u>Keterangan</u>	<u>Halaman</u>
I	Senarai Nama Pertubuhan-Pertubuhan Sukarela Wanita	143
II	Senarai Nama Badan-Badan Wanita Melalui Agensi Kerajaan	145
III	Bentuk-bentuk Soalan Yang Di Hantar Kepada Pertubuhan Sukarela/ Badan Wanita	146
IV	Kegiatan Badan Wanita Melalui Agensi Kerajaan	147
V	Kegiatan Pertubuhan Sukarela Wanita	148
VI	Gabungan NCWO	149
VII	Sembilan Buah Pertubuhan-pertubuhan Yang Mula-mula Bergabung di Bawah NCWO Dalam Tahun 1963	151

SENARAI JADUAL

BAB III

Halaman

A. Bidang Kegiatan Badan Wanita Melalui Agensi Kerajaan	79
B. Projek Kegiatan Badan Wanita Melalui Agensi Kerajaan	79
C. Sumber Kewangan Bagi Badan Wanita Melalui Agensi Kerajaan	80

BAB IV

A. Bidang Kegiatan Pertubuhan Sukarela Wanita	104
B. Projek Kegiatan Pertubuhan Sukarela Wanita	104
C. Sumber Kewangan Bagi Pertubuhan Sukarela Wanita	112

PENDAHULUAN

a. Tujuan Dan Bidang Kajian

Latihan ilmiah ini ialah kajian mengenai pertubuhan-pertubuhan wanita di Semenanjung Malaysia. Pertubuhan-pertubuhan ini dapat dikategorikan kepada dua iaitu:

i. Pertubuhan-pertubuhan sukarela, (40 buah) (Sila lihat Lampiran I)

ii. Badan-badan wanita melalui agensi kerajaan. (Sila lihat Lampiran II)

Tumpuan kajian adalah bergantung kepada data-data yang telah terkumpul.

Pengumpulan data-data tersebut telah dilakukan atau usaha Majlis Penasihat Kebangsaan Mengenai Intergrasi Wanita Dalam Pembangunan (NACIWID). Ini bererti tugas pengkaji ialah untuk menganalisa "secondary datar" tentang aktiviti-aktiviti pertubuhan wanita dan badan-badan wanita melalui agensi kerajaan di Semenanjung Malaysia dalam jangka waktu antara 1977 hingga 1980.

Tujuan kajian ini ialah untuk melihat sejauhmana kejayaan pertubuhan-pertubuhan wanita di Semenanjung Malaysia. Di samping itu tidak ketinggalan untuk melihat sejauhmana pencapaian matlamat pertubuhan-pertubuhan wanita untuk mengetahui setakatmana kejayaan yang dialami oleh pertubuhan-pertubuhan tersebut dalam memenuhi seruan kerajaan untuk mempergiatkan serta meningkatkan pergerakan pertubuhan wanita di Malaysia. Penulis juga membuat penilaian terhadap sumbangan yang diberikan oleh

pertubuhan-pertubuhan wanita serta kesejajaran matlamatnya dengan kehendak-kehendak masyarakat dan negara amnya. Pengkaji juga meninjau dari beberapa aspek seperti sejarah pertumbuhan, perkembangan, peranan, aktiviti, matlamat dan lain-lain aspek oleh ahli-ahli persatuan, pola kepimpinan dalam pentadbiran dan penyelenggaraan persatuan.

Pengkaji cuba melihat persamaan dan perbezaan di antara pertubuhan sukarela dan agensi kerajaan. Ini dilihat dari segi sejauhmana kejayaan serta kegagalan yang dialami oleh pertubuhan-pertubuhan tersebut. Pengkaji cuba membandingkan keaktifan sesuatu projek itu. Dalam penganalisaan ini pengkaji mengkategorikan projek-projek tersebut dari beberapa segi seperti ekonomi, pelajaran, kebijakan, sosial, kepimpinan ugama, pelajaran dan sebagainya.

Seperti yang kita semua maklum untuk menjayakan sesuatu projek atau untuk menggerakkan sesuatu pertubuhan demi menjayakan projek faktor penggerak utama ialah sumber kewangan. Dengan ini pengkaji cuba menganalisa latar belakang sesuatu projek yang dijalankan oleh pertubuhan tersebut dari sumber mana kewangan yang mereka perolehi.

Kajian ini merupakan satu usaha menganalisa aktiviti-aktiviti pertubuhan-pertubuhan wanita samada secara sukarela ataupun agensi kerajaan. Pertubuhan-pertubuhan wanita samada sebagai sebuah pertubuhan sukarela atau agensi kerajaan mempunyai matlamatnya yang tersendiri. Berhubung dengan perkara ini, pertubuhan-pertubuhan wanita ini diharapkan menjadi sebagai sebuah tenaga pendorong yang kuat dalam memberi bimbingan

dan galakan khususnya untuk pembangunan serta kesedaran di kalangan wanita selaras dengan cita-cita dan matlamat kerajaan.

Melalui kajian ini diharapkan dapat menunjukkan kepada umum mengenai organisasi dan aktiviti pertubuhan-pertubuhan wanita dengan lebih jelas. Pertubuhan-pertubuhan wanita akan memberikan khidmat-khidmat yang membawa kebajikan kepada semua golongan wanita terutama golongan yang menganggotainya. Ini memperlihatkan pula samada pertubuhan-pertubuhan wanita di Malaysia mempunyai potensi untuk menjadi "pressure group" dan "interest group" yang berkesan di dalam proses pentadbiran negara ini. Melalui penganalisaan ini juga dapat diketahui sejauhmana wanita Malaysia menyedari hakikat kepentingan dan faedah-faedah yang dapat diperolehi dalam konteks "berpersatuan".

Punca-punca perubahan sikap adalah merupakan ciri-ciri modenisasi yang sejagat. Proses modenisasi dirasai dan dilalui juga oleh wanita di negara-negara yang maju dan sedang membangun di dunia ini. Di negara-negara yang telah maju, khasnya di negara Barat, perubahan sikap, peranan dan status di kalangan wanita telah melahirkan corak perjuangan pergerakan wanita yang radikal, yang terkenal dewasa ini dengan konsep Pergerakan Pembebasan Wanita (Women's Liberation Movement). Jadi berkaitan dengan hal ini dapatlah dikatakan bahawa perubahan sikap di kalangan wanita Malaysia terhadap peranan dan kedudukan mereka di dalam masyarakat hari ini, bukanlah satu fenomena sosial yang baru bahkan merupakan salah satu daripada fenomena sosial yang sejagat. Penyerapan idea-idea baru ini mempengaruhi dan bertanggungjawab terhadap perubahan trend perjuangan pergerakan wanita di Malaysia.

Bersabit dengan hal ini, tujuan kajian adalah juga untuk melihat satu kajian perbandingan (comparative study). Ini adalah kerana dengan mengkaji dan menumpukan penghuraian, pemerihalan, penganalisaan dan penilaian ke atas beberapa buah pertubuhan wanita yang dianggap penting dan besar, yang bergerak di kawasan-kawasan bandar dan luarbandar dan di anggotai oleh pelbagai kategori golongan wanita yang secara tidak langsung akan memberi gambaran perbandingan mengenai kejayaan-kejayaan yang telah, sedang dan akan diperolehi oleh tiap-tiap pertubuhan tersebut. Tegasnya, penekanan terhadap aspek kejayaan diutamakan daripada penekanan terhadap aspek kegagalan, ialah kerana aspek-aspek kejayaan akan memberi perspektif tentang perkembangan yang telah dicapai oleh pertubuhan-pertubuhan wanita di negara ini secara keseluruhannya. Jelasnya, berdasarkan faktor-faktor kemajuan dan perkembangan itu, tujuan untuk menilai sejauhmana perubahan yang telah diperolehi oleh pertubuhan-pertubuhan wanita di Malaysia akan dapat dibuktikan.

Di samping itu dapat pula dibuat kesimpulan mengenai reaksi masyarakat Malaysia hari ini, iaitu samada pergerakan wanita di Malaysia mendapat penerimaan dan pengiktirafan masyarakat terhadap peranan, kedudukan dan hak yang boleh dan sanggup dimainkan serta disumbangkan oleh wanita Malaysia. Ataupun sejauhmana pertubuhan-pertubuhan wanita Malaysia dapat meyakinkan dan mempengaruhi masyarakat serta bagaimana taraf, hak dan peranan wanita Malaysia khasnya, dapat dipertahankan.

Kajian mengenai wanita dalam konteks penyertaan dalam pergerakan wanita di Malaysia belum banyak dilakukan secara terperinci dan mendalam. Walaupun terdapat penulisan-penulisan terdahulu mengenai wanita Malaysia,

perbincangan mengenai wanita adalah secara am, iaitu dalam konteks status dan peranan mereka dalam masyarakat tradisional. Persoalan-persoalan yang selalu ditimbulkan adalah kesedaran wanita timbul akibat dari tekanan adat dan pengaruh hukum-hukum ugama yang melibatkan kebajikan wanita, terutama sekali wanita Islam. Walaupun terdapat penulisan-penulisan mengenai wanita di Malaysia tetapi penulisan khas dalam konteks pergerakan wanita melalui pertubuhan-pertubuhan wanita yang ujud di negara ini, ^{tidak} mencukupi.

Penulisan-penulisan yang menyentuh topik dan aspek-aspek ini kebanyakannya berbentuk makalah yang dapat dibaca di dalam majalah-majalah tempatan yang bercorak pendidikan, majalah-majalah khas untuk wanita dan di akhbar-akhbar tempatan. Perbincangan dan penganalisaan ke atas perkembangan pertubuhan-pertubuhan wanita di negara ini secara terperinci dan mendalam, belum pernah dibuat oleh penulis-penulis asing maupun tempatan. Makalah-makalah yang disiarkan tidak pula dapat memberi gambaran yang luas kepada pembaca-pembaca dan kadang-kadang perbincangan hanya terhad kepada satu-satu kegiatan tertentu sahaja. Maka tidak hairanlah, kalau keujudan setengah-setengah pertubuhan-pertubuhan wanita tidak diketahui oleh sebahagian besar wanita di negara ini, walaupun pada "realiti"nya telah tertubuh sebuah majlis bagi menyelaraskan kegiatan-kegiatan pergerakan wanita di Malaysia.

Mengenai bidang atau skop kajian ini boleh dikatakan bahawa skop kajian mengenai wanita adalah luas. Terutama sekali apabila kajian ini boleh didasarkan kepada pelbagai topik yang menyentuh pelbagai aspek kehidupan sosial yang menggambarkan keseluruhan peranan yang dimainkan oleh wanita. Tetapi di dalam kajian ini, penumpuan khasnya dibuat ke atas

ini. Kajian ini juga dihadkan kepada aktiviti-aktiviti yang dilancarkan sepanjang tahun-tahun 1970^{an} hingga 1980. Melalui aktiviti-aktiviti ini dilihat kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh pertubuhan-pertubuhan wanita Malaysia.

Selain daripada itu, kajian ini dihadkan kepada mengkaji beberapa buah pertubuhan wanita yang dipilih sahaja. Berdasarkan kepada pengumpulan data yang dilakukan oleh NACIWID, terdapat ~~semua~~-senarai nama pertubuhan wanita yang dianggap besar dan penting sebanyak 56 buah pertubuhan wanita (40 buah pertubuhan sukarela dan 16 buah pertubuhan agensi kerajaan) yang bergerak di peringkat nasional atau pusat. Tetapi sebahagian daripada pertubuhan-pertubuhan wanita tersebut, mempunyai cawangan-cawangan di peringkat negeri dan daerah di seluruh Semenanjung Malaysia.

Dari itu boleh dikatakan, bahawa terdapat sifat "representativeness" yang memberi illustrasi beberapa kategori golongan wanita dari pelbagai kumpulan etnik, mempunyai latar belakang dan kedudukan sosial yang berbeza. Di samping itu, wanita mempunyai kepentingan yang berbeza serta kebudayaan, kepercayaan dan adat resam yang berlainan di antara satu sama lain. Dari pertubuhan-pertubuhan yang dipilih, meliputi keanggotaan yang datang dari kawasan-kawasan bandar dan luarbandar. Skop kajian ini juga terbuka luas bagi pengkaji-pengkaji akan datang. Selain daripada ketiadaan kajian-kajian terperinci mengenai wanita dalam topik dan aspek-aspek kajian ini, bahan-bahan rujukan yang khusus membincangkan serta memperkatakan wanita Malaysia dalam konteks "berpersatuan" juga tidak didapati. Adalah diharapkan kajian ini dapat mengenal dan menganalisa

mekanisma pertubuhan-pertubuhan wanita Semenanjung Malaysia secara lebih dekat lagi.

b. Metode Kajian

Seperti yang telah dinyatakan di awal penulisan, bahawa segala pengumpulan data-data telah dilakukan oleh pihak NACIWID. Dengan ini proses awalan pengumpulan data-data (Primary datas) telah dilakukan oleh NACIWID sendiri. NACIWID telah menghantar bentuk soalan-soalan (questionnaires) yang sama kepada setiap pertubuhan wanita di Semenanjung Malaysia (Sila lihat Lampiran III). Soalan-soalan yang tercatat dikirimkan kepada pertubuhan tersebut adalah seperti di bawah:

1. Nama agensi
2. Program
3. Projek
4. Objektif projek
5. Kos projek dan Sumber Peruntukan
6. Tarikh mula
7. Butir aktiviti
8. Faedah Kepada Siapa
9. Organisasi dan Pengurusan
10. Cara Penyelaras, Pengawasan dan Penganalisaan
11. Kedudukan Masa Kini
12. Faedah Yang dinikmati

Apabila segala data atau jawapan telah dijawab oleh pertubuhan-pertubuhan wanita berkenaan maka pihak NACIWID telah menyemak semula segala

soalan samada ianya telah diisi seperti yang diharapkan, meninjau jika ada bahagian-bahagian yang tidak mencukupi atau tidak melengkapi ataupun jika terdapat sebarang kesilapan. Sebenarnya NACIWID menghantar dua kali data-data yang telah disemak oleh mereka kepada pertubuhan-pertubuhan wanita tersebut untuk pihak mereka menyemak atau meninjau semula apa yang telah diperkemaskan oleh NACIWID. Dengan kata lain, data-data tersebut dikembalikan kepada pertubuhan-pertubuhan tersebut untuk mengetahui sejauhmanakah kebenaran data-data yang terkumpul itu.

Pertubuhan-pertubuhan wanita itu mengembalikan semula data-data tersebut setelah mereka meneliti data-data itu. Di sini baharulah NACIWID menganalisa sekali lagi untuk membuat penyusunan semula data-data tersebut. Ringkasnya, usaha penganalisaan yang pertama iaitu dalam bentuk rumusan yang ringkas sahaja telah dilakukan oleh Profesor Dr. Fatimah Hamidon. Akhirnya, pengkaji meneruskan usaha dan corak penganalisaan yang lebih terperinci sekali dengan menggunakan cara yang tersendiri pula.

Pengkaji telah membuat penganalisaan ke atas pertubuhan-pertubuhan wanita di Malaysia iaitu empat puluh buah merupakan pertubuhan sukarela (sila lihat Lampiran I) dan enam belas buah badan wanita melalui agensi kerajaan (sila lihat Lampiran II), pertubuhan masing-masing. Untuk mendapatkan pengesahan terhadap kenyataan-kenyataan yang diperolehi daripada data-data terkumpul itu pengkaji terpaksa membuat satu surat pekeliling melalui NACIWID dihantar kepada Setiausaha atau Presiden pertubuhan-pertubuhan wanita untuk mengetahui sejauhmana kegiatan dan perjalanan persatuan. Maka dengan ini dapatlah dilihat satu perspektif mengenai peranan pertubuhan-pertubuhan wanita dan sikap wanita terhadap

perkembangan-perkembangan wanita di negara ini.

c. Masalah-masalah Kajian

Tujuan utama penulis memilih bidang ini bagi kajian bukanlah untuk menambah bilangan kajian mengenai tajuk ini semata-mata tetapi adalah sebagai titik permulaan bagi kajian-kajian selanjutnya. Sebagaimana yang telah dinyatakan bahawa kajian dan penulisan dalam bidang ini secara mendalam dan terperinci belum ada dijalankan di negara ini. Oleh itu, terdapat berbagai-bagai masalah semasa menjalankan kajian ini.

Faktor yang penting dan menjadi masalah utama dalam penganalisaan pengkaji adalah dari data-data terkumpul itu sendiri. Disebabkan pengkaji dikehendaki menganalisa data-data terkumpul itu namun data-data tersebut masih tidak meliputi atau merangkumi bidang analisa yang sepatutnya terdapat di dalam penganalisaan pengkaji. Dengan ertikata lain, terdapat data-data yang tidak lengkap yang tidak dapat memenuhi bidang penganalisaan pengkaji.

Seperti yang telahpun dijelaskan di awal tadi bahawa tujuan pengkaji adalah untuk melihat peningkatan atau perkembangan kegiatan-kegiatan pertubuhan wanita Malaysia di dalam jangka waktu 1970an hingga 1980. Jadi dari data-data terkumpul itu boleh dikatakan data-data itu tidak dikemaskinikan. Pengkaji dapati juga ada di antara data-data mengenai kegiatan pertubuhan wanita terlalu umum. Dengan ini pengkaji menghadapi masalah apabila hendak membuat penganalisaan yang begitu teliti.

Dari data-data itu juga tidak disertakan jumlah keanggotaan sesebuah ahli serta tidak menyatakan sejauhmana pencapaian dan kejayaan ataupun

kegagalan yang dialami oleh sesebuah pertubuhan wanita itu. Dengan itu pengkaji terpaksa membuat surat pekeliling kesemua pertubuhan yang di kaji untuk mengetahui jumlah keanggotaan dan pencapaian sesebuah pertubuhan. Akan tetapi sambutan atau balasan dan kerjasama yang diharapkan tidaklah begitu menggalakkan. Kebanyakan di antara pertubuhan (cuma 9 buah pertubuhan yang menjawab) tersebut tidak memberi apa-apa jawaban yang diharapkan. Namun begitu di antara 9 buah yang memberi kerjasama itu masih tidak dapat memenuhi apa yang dikehendaki oleh pengkaji. Dengan ini sekali lagi pengkaji menghadapi masalah yang serupa.

Walaupun data-data terkumpul ini merupakan bahan-bahan yang "reliable" kemungkinan terdapat "distortion" di dalam mengolah kenyataan-kenyataan disebabkan terdapat perubahan di pihak yang berkenaan untuk membuat "self-justification" atau menutup kelemahan-kelemahan pertubuhan-pertubuhan masing-masing. Dengan ini pengkaji terpaksa menilai berhati-hati di dalam penganalisaannya. Jadi untuk mendapatkan pengesahan terhadap kenyataan-kenyataan yang terkumpul, maka pengkaji seperti yang telah di jelaskan diawal tadi membuat surat-surat pekeliling untuk dihantar kepada setiap pertubuhan-pertubuhan wanita. Tidak ketinggalan juga pengkaji pergi sendiri ke Pejabat Pendaftar Pertubuhan-pertubuhan Malaysia, Kuala Lumpur untuk meneliti fail-fail, memorandum, lapuran-lapuran tahunan, "booklets" dan sebagainya untuk mengetahui sejauhmana perjalanan dan pencapaian sesebuah pertubuhan itu. Malangnya sekali lagi pengkaji menghadapi masalah kerana pengkaji mendapati daripada apa yang terdapat di dalam simpanan fail-fail pertubuhan-pertubuhan wanita tersebut, lapuran yang tidak lengkap dan tidak "up-to-date". Sebagai contoh,

terdapat pertubuhan yang tidak mengirimkan laporan tahunannya setiap tahun kepada Pejabat Pendaftar Pertubuhan malah ada di antaranya tidak menyatakan jumlah keanggotaannya bagi peningkatan bilangan ahli yang terbaharu.

Seperti yang sedia maklum bahawa bahan-bahan rujukan terutamanya mengenai aktiviti-aktiviti pertubuhan wanita masih begitu banyak maka penghuraian dan penganalisaan secara "detail" atau mendalam tidak dapat dilakukan kerana "access" kepada bahan-bahan penulisan yang terhad.

Jadi untuk mengatasi masalah ini terutama untuk mengetahui serta mempastikan samada projek-projek yang dijayakan oleh sesebuah pertubuhan masih bergerak, ataupun dibubar maka pengkaji terpaksa meneliti setiap surat khabar yang mengandungi artikal-artikal mengenai kegiatan wanita. Pengkaji juga terpaksa menggunakan kebijaksanaan dan penilaian sendiri terhadap perjalanan kegiatan-kegiatan pertubuhan-pertubuhan wanita mengenai apa yang telah dinyatakan pada data-data terkumpul. Maka dengan ini dapatlah dilihat satu perspektif mengenai kejayaan dan pencapaian matlamat pertubuhan-pertubuhan wanita di Malaysia.

BAB I

KONSEP DAN DEFINISI "ORGANISASI" SECARA UMUM

i. Definisi Dan Konsep "Organisasi"

Untuk mengetahui fungsi-fungsi sebuah organisasi resmi adalah lebih baik jika dilihat beberapa definisi "organisasi" yang telah diberikan oleh beberapa tokoh sosiologi yang terkenal. Dengan lain perkataan, sebelum pergi lebih jauh untuk membuat pemahaman terhadap konsep "organisasi", perlulah dahulu meneliti secara mendalam apakah dia yang dimaksudkan dengan ungkapan perkataan "organisasi" (Organization) itu.

Talcot Parsons (1961) seorang tokoh sosiologi yang tidak asing lagi mengatakan bahawa:

"..... organizations differ from other social unit by being predominantly oriented to the attainment of specific goals".

Seterusnya beliau (1961) juga mengatakan lagi:

"..... primary of orientation to the attainment of a specific goal is used as the defining characteristic of an organization which distinguishes it from other types of social systems."

Pilip Selznick (1961) mengatakan:

"..... organization is the arrangement of personnel for facilitating the accomplishment of some agreed purpose through the allocation of functions and responsibilities".

Etzioni (1961) pula berpendapat:

"..... organizations are social units oriented toward the pursuit of specific goals".

Chester I. Barnard (1956) berpendapat:

"..... organization **is** a system of consciously co-ordinated personal activities or forces".

Selanjutnya Blau dan Scott (1962) pula menyatakan organisasi itu ialah:

"..... a social unit ... that has been established for the explicit purposes for achieving certain goals".

Cyril Sofer (1972) mendefinisikan seperti berikut:

"..... organizations are associations of persons grouped together around the pursuit of specific goals. Through association, members of society are able to achieve for themselves or for others objectives beyond those they could achieve individually".

Melalui International Encyclopaedia of the Social Science, Jilid II pula menyatakan:

"An organization comes into existence when explicit procedures are established to co-ordinate activities of a group in the interest of achieving specified objectives".

Millett (1966) berpendapat bahawa organisasi ialah untuk perkhidmatan awam itu adalah pekerja-pekerja yang bekerjasama untuk tujuan yang sama.

Peterson (1961) pula mengaitkan organisasi itu kepada tujuan.

tujuan-tujuan yang sempurna.

Akhir sekali Cartwright (1965) dalam bukunya mengatakan:

"Organisasi menyusun, mengatur bahagian-bahagian yang tidak tersusun, tiap-tiap satunya mempunyai fungsi khas terhadap bahagian yang lebih besar".

Melalui pembacaan kita terhadap definisi-definisi mengenai organisasi itu dapatlah kita nyatakan bahawa organisasi atau penubuhan

itu ialah ditubuhkan untuk masyarakat "organised" memberi makna "structured" dan "ordered" oleh itu iaanya dikelolakan dengan rapi, tersusun dengan baik, teratur dengan sempurna, agar tiap-tiap seseorang dapat berhubung bertindak sesama mereka untuk mencapai matlamat atau tujuan yang direstui bersama atau yang telah dirancangkan oleh ahli-ahlinya. Tanpanya, mereka hanya individu sendiri-sendiri terpisah dari tujuan masing-masing.

Manusia yang berkerjasama juga melahirkan semacam satu sistem reaksi iaitu satu corak tingkah laku individu dan perhubungan kelompok. Organisasi dianggap untuk menubuhkan perhubungan antara mereka melalui penentuan kerja, tugas dan tanggungjawab. Di samping itu ia juga menyediakan peluang-peluang untuk menjayakan mereka yang bercita-cita tinggi sekiranya mereka rajin, usaha, tekun dan cekap, sebaliknya ada juga had-had dan putus harapan yang membuatkan seseorang itu berasa kecewa. Lebih-lebih lagi kalau individu itu percaya yang ia sepatutnya mencapai taraf dan kedudukan dalam masa ia menjalankan peranannya.

Aktiviti-aktiviti individu menyatu-padukan untuk mencapai kehendak dan matlamat keorganisasian. Bagi individu yang terlibat secara langsung ini adalah sangat berbeza dalam kemahiran dan kebolehan masing-masing, misalnya tentang latihan yang dialami, pengetahuan, pelajaran, latar belakang kebudayaan serta kehendak-kehendak mereka. Sewaktu mereka di dalam suasana organisasi, mereka menunjukkan sikap boleh diharapkan kerja yang diselaraskan dan juga ko-ordinasi. Di luar organisasi aktiviti mereka diusahakan atau dijalankan secara lebih bebas mengikut kehendak rasa.

Dengan ini tidak hairanlah kalau penggerakan wanita dimanifestasi melalui pelbagai organisasi atau perkumpulan-perkumpulan tertentu. Pemahaman terhadap konsepsi organisasi adalah penting kerana jenis-jenis dan ciri-ciri tiap-tiap organisasi memperlihatkan dan menggambarkan perkembangan yang hendak dituju. Di dalam pembentukan sesebuah organisasi yang resmi, terdapat penyatuan mengenai maksud atau tujuan, matlamat pencapaian dan corak perjuangan. Perkara-perkara ini pula mempunyai kaitan erat dengan ideologi-ideologi yang dipegang oleh sesebuah organisasi itu.

Pemahaman yang jelas mengenai aplikasi konsep dan definisi organisasi amat penting. Ini akan memudahkan analisa yang hendak dibuat mengenai faktor-faktor yang bertanggungjawab membawa kejayaan atau sebaliknya kepada sesebuah organisasi khasnya, dan masyarakat umum terhadap fungsi-fungsi dan peranan sesebuah organisasi terutama sekali di dalam zaman moden ini.

Secara tidak resmi, organisasi boleh diujudkan apabila terdapat sekumpulan individu bersatu dan berinteraksi di antara satu sama lain. Ini disebut sebagai satu bentuk organisasi yang resmi tertubuh apabila terdapat peraturan-peraturan untuk menggerakkan dan menyelaraskan usaha-usaha dan kepentingan "sub-groups" terutama usaha-usaha yang di khususkan untuk mencapai matlamat-matlamat bersama. Organisasi resmi merupakan satu fenomena kehidupan moden yang terutama sekali jelas kelihatan dalam masyarakat negara-negara Barat, implikasi kelahiran pelbagai bentuk organisasi menunjukkan pelbagai pengkhususan yang tinggi di dalam sesebuah masyarakat moden. Tujuan adalah semata-mata untuk menjaga kepentingan-kepentingan bersama yang terdapat di dalam lingkungan institusi-institusi pemerintah. Organisasi-organisasi ini pula mestilah bergerak mengikut kehendak struktur sosial yang lebih besar dan menjalankan tugas-tugas yang dikehendaki dan diterima oleh ahli-ahli masyarakat yang lebih luas. Dari itu, di dalam penggerakan sesebuah organisasi ianya mestilah berada dalam rangka perundangan dan nilai keseluruhan masyarakat yang lebih luas.

Dengan ini dapat dikatakan bahawa faktor penting menyebabkan terbentuknya sesebuah organisasi itu adalah untuk mencapai matlamat-matlamat tertentu yang berdasarkan kepada prinsip-prinsip kepentingan bersama. Jadi, dapat dinyatakan bahawa organisasi-organisasi sebagai senjata atau alat yang mengemukakan cara-cara yang paling rasional sekali untuk menjalankan sesuatu tindakan bagi mencapai sesuatu matlamat yang khusus, tegas dan pada amnya diterima oleh sesebuah kumpulan individu.

Struktur sesebuah organisasi adalah jelas diterangkan di dalam perlembagaannya yang mengandungi peraturan-peraturan dan undang-undang tertentu. Organisasi resmi juga mempunyai satu hiraku kawalan yang ketat di mana terdapat pembahagian kerja yang luas yang dijalankan oleh tiap-tiap ahli organisasi mengikut tugas-tugas yang diberikan kepada individu-individu tertentu. Seperti kata Etzioni: (Smith, 1970)

"They (organisations are planned, deliberately structured, constantly and self-consciously reviewing their performances, and restructuring themselves accordingly. In this sense organisations are like social units, and as the family ethnic group or community".

Anggota-anggota atau ahli-ahli bagi sesebuah organisasi adalah tertakluk kepada satu badan dan cara-cara tertentu yang dimuatkan di dalam perlembagaan sesuatu organisasi itu sendiri. Daripada jumlah ahli tertentu terdapat sebahagian daripada ahli-ahli tersebut ditugaskan sebagai kumpulan pengurusan dan pentadbiran yang khasnya diberikan tugas dan kuasa untuk membuat dan menjalankan undang-undang dan peraturan-peraturan sesebuah organisasi itu demi mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Kumpulan ini juga bertanggungjawab untuk menentukan undang-undang dan segala peraturan yang akan dilaksanakan dan semestinya dipatuhi. Organisasi yang dikatakan sebagai "corporate identity of the organisation" yang bermaksud identiti sesebuah organisasi dikenali melalui pemilikan tempat dan pusat gerakan sendiri, ibu pejabat, modal sendiri, teknologi tersendiri yang bermotif untuk pencapaian matlamat sesebuah organisasi itu.

sebagai sistem bolehlah diuraikan. Seperti organisasi terbina dengan beberapa bahagian-bahagian yang saling berkerjasama, organisasi mempunyai kehendak-kehendak untuk terus hidup dan maju, dan organisasi sebagai sistem-sistem, mengambil tindakan serta melakukan sesuatu. Dengan kata lain organisasi itu sebagai satu sistem yang mempunyai atau mengandungi kehendak-kehendak dan memeriksa sejauhmana organisasi menggunakan segala kemudahan-kemudahan yang terdapat dalam memenuhi sepenuh sesuatu kehendak atau matlamat.

ii. Jenis-jenis Organisasi

Untuk membuat satu penjenisan secara ideal bagi organisasi adalah agak sukar kerana masing-masing tokoh akan melahirkan pendapat yang berbeza-beza. Namun begitu pengkaji telah membuat penelitian ke atas tiga orang tokoh sosiologis yang tidak asing lagi iaitu Everett C. Hughes, Blau dan Scott dan Etzioni yang telah memberikan penjenisan ke atas organisasi yang boleh dianggap baik, tepat dan jelas sekali.

Everett C. Hughes dalam kertas kerjanya yang tidak bercetak bertajuk "Memorandum On Going Concern"(1952) menganalisa pengelasan organisasi yang terdapat dalam masyarakat moden. Beliau membahagikan kepada lima jenis:

1. Persatuan Sukarela, yang ahli-ahlinya adalah samarata dan mereka menjadi ahlinya untuk tujuan seperti kelab-kelab, persatuan iktisas, kumpulan keugamaan

2. Model ketenteraan yang menekankan dan menetapkan hiraki perintah, kuasa dan taraf kedudukan
3. Model "philanthropic" yang termasuk dengan ahli pengawalannya seperti lembaga biasa, kakitangan sukarela, professional, dan "clients" yang diberi pertolongan seperti hospital atau universiti
4. Model koperasi dengan ahli-ahli pemegang sahamnya, lembaga pengarahnnya, pengurus dan kakitangannya, dan
5. Perniagaan keluarga yang melibatkan pemilik-pemiliknya, "service organisations" memberi keuntungan khas untuk "clients"nya. "Commonwealth Organisation", keuntungan adalah untuk masyarakat seluruhnya

Akhir sekali mengikut Etzioni (1968) dalam analisa organisasinya pula memberi tiga jenis organisasi iaitu:

1. Organisasi memaksa (Coercive Organisation) iaitu organisasi yang secara paksaan menjadi lunas utama untuk mengawal peserta-peserta yang di bawahnya. Contohnya ialah "concentration camps", kem tawan perang, penjara, hospital "gila" dan sebagainya.

Apa yang dimaksudkan dengan "paksaan" ialah cara utama digunakan untuk mengawal mereka dalam organisasi-organisasi ini untuk menentukan terlaksananya tugas utama sesuatu organisasi itu, iaitu menjaga penghuni-penghuni, banduan

dan sebagainya. Tugas organisasi ini ialah untuk menjaga tata tertib penghuni atau banduan tersebut yang secara tidak langsung telah menggunakan unsur paksaan. Namun begitu terpulang kepada sesuatu organisasi yang terbentuk melalui undang-undang negara dan dikehendaki oleh masyarakat.

2. Organisasi upahan (Utilitarian Organisations) iaitu organisasi yang gaji atau upahan menjadi satu cara terbesar untuk mengawal ke atas pengambil bahagian bawahan serta penglibatan yang diperhitungkan (calculative). Organisasi seperti ini sering dikaitkan kepada industri-industri yang terkenal dengan Jargon, pekerja kolar putih, pekerja kolar biru dan tenaga profesional.

3. Organisasi Normatif (Normative Organisations) iaitu organisasi dalam mana kuasa normatif menjadi jalan utama untuk mengawal individu di peringkat bawahan.

Ikut perintah (compliance) di dalam organisasi ini terletak di atas sikap kepercayaan dan penerimaan arahan-arahan yang dianggap sebagai sah. Teknik mengawal dalam situasi ini termasuklah seperti kepimpinan, upacara-upacara, manipulasi simbol sosial dan mertabat dan lain-lain.

Contoh organisasi normatif ini ialah organisasi keugamaan, organisasi sukarela yang bergantung pada kuasa dan "commitment" atau penglibatannya. Organisasi keugamaan bergantung kuat pada kuasa normatif iaitu yang diterima baik, betul, benar, oleh masyarakat berkenaan untuk menjaga ianya dapat diterima segala arahannya dan cara-cara dikehendaki untuk pergerakannya, pemilik-pemiliknya, "service organisations" memberi keuntungan khas untuk "client-client"nya. Commonwealth organisation, keuntungan adalah untuk masyarakat seluruhnya.

Selain daripada itu, faedah-faedah lain yang boleh diperolehi melalui keanggotaan sesebuah pertubuhan yang resmi ialah organisasi itu dapat menyediakan identiti bagi ahli-ahli melalui pergaulan dengan beberapa kumpulan sosial tertentu. Dalam kumpulan tersebut ialah seperti "primary membership groups", "reference groups" dan "reference persons". Melalui interaksi dengan beberapa kumpulan sosial yang khusus ini dapatlah seseorang menilai pengalaman-pengalaman hidupnya di antara anggota-anggota lain kumpulan tersebut. Dalam lain perkataan, keujudan sesebuah organisasi dalam masyarakat menjelmakan struktur sosial yang baru dalam masyarakat itu sendiri.

Di samping itu, kajian ke atas organisasi dapat dibahagikan kepada dua corak atau jenis. Pertama, yang bercorak "total organisation" yang kebanyakannya mempunyai taraf "statutory". Kedua, ialah organisasi yang lebih dikenali sebagai "permeable organisation", yang mempunyai taraf "voluntary". Jelasnya ciri yang tersangat penting bagi "permeable organisation" adalah keahliannya secara "sukarela". Dalam konteks kajian

ini, tumpuan utama perbincangan dan penyelidikan adalah ke atas organisasi yang bercorak begini, di mana pertubuhan-pertubuhan wanita yang dikaji termasuk ke dalam jenis organisasi seperti ini.

Di dalam organisasi yang berdasarkan kepada keahlian secara sukarela, penyertaan ahli-ahli ke dalam kegiatan-kegiatan yang dilaksanakan adalah berdasarkan kepada pemilihan ahli-ahli sendiri. Oleh itu tahap penyertaan ahli-ahli mungkin tidak dapat ditentukan dan kepadatan ahli-ahli yang tiba-tiba terhenti daripada menjadi ahli, dan ada pula yang menyertai organisasi yang lain. Seperkara lagi, "permeable organisation" tidak melibatkan kehidupan seluruh anggota keluarga dan rumah tangga ahli-ahli.

Satu kelemahan organisasi yang didasarkan kepada keahlian sukarela ialah strukturnya lemah sekali. Dengan itu walaupun di peringkat pusat, organisasi ini kelihatan teguh tetapi di peringkat tempatan dan daerah keahliannya agak berselerak. Namun begitu sekarang ini keahliannya agak lebih teratur lagi jika dibandingkan di tahun-tahun sebelumnya. Ini mungkin terjadi disebabkan telah timbul kesedaran di kalangan kaum wanita akan faedahnya berorganisasi itu. Kebiasaan organisasi ini mudah menarik ramai ahli kalau kerja-kerja yang dilakukan itu melibatkan kerjasama secara sukarela dengan organisasi tertentu yang lain. Oleh kerana itu, peranan struktur adalah penting sekali, supaya dapat di selaraskan tugas-tugas dan pembahagian tugas-tugas yang menyeluruh kepada ahli-ahli. Ini adalah kerana tiap individu di dalam organisasi ini selalunya bebas untuk merancang kerja sendiri dan mengenepikan kerja-kerja organisasi yang didapati kurang menarik. Di samping itu,

organisasi sukarela adalah satu bentuk organisasi yang paling kurang bercorak birokratik kerana terdapat kekurangan keupayaan yang resmi untuk mengawal ahli-ahli, terutamanya disebabkan mereka adalah sukarelawan. Kawalan yang dikenakan kepada ahli-ahli lebih bercorak kawalan "normative" daripada "coercive".

Akibat daripada kelemahan yang terdapat di dalam "permeable organisation" menjadikan lebih mudah dipengaruhinya kerana tekanan-tekanan environmen sosial. Matlamat atau tujuan utama yang hendak dicapai sering diubahsuai mengikut kehendak zaman dan masa. Akibatnya, keahlian boleh berkurangan atau minat di kalangan ahli-ahli akan beransur-ansur merosot atau sumber pendapatan akan hilang samasekali. Ini akan menjadi lebih buruk terutama sekali apabila organisasi itu tidak dapat perhatian dan sokongan daripada kerajaan, agensi-agensi dan organisasi lain.

Selain daripada itu, kritik-kritik yang diterima boleh menjelaskan perjalanan "permeable organisation" ini. Dari segi kepimpinan, ianya menghadapi beberapa masalah. Ahli-ahli yang memegang jawatan dalam jawatankuasa pusat dan pentadbiran boleh menimbulkan beberapa masalah seperti terdapat persepsi yang berbeza di kalangan pemimpin-pemimpin itu sendiri. Di samping itu, mungkin terdapat ketiadaan struktur kuatkuasa yang resmi. Ini adalah kerana kebanyakan organisasi sukarela merupakan "frontline organisation" di mana kebanyakan insiatif untuk merancangkan kegiatan-kegiatan terletak kepada individu atau kumpulan-kumpulan tempatan.

Pemimpin-pemimpin hanya bertanggungjawab untuk menghadkan kemasukan penting atau tidak tepat bagi hasil kerja yang berlaku. Jantina-jantina

beberapa jenis penerangan dan juga menyibarkan dengan luas maklumat-maklumat tertentu. Oleh itu, pengetahuan ahli-ahli biasa bergantung kepada sikap pemimpin-pemimpin sendiri. Perkara yang paling penting dalam organisasi sukarela dari segi kepimpinan ialah kepimpinan bercorak kerismatik adalah diutamakan untuk menentukan kejayaan sesebuah organisasi. Dengan adanya beberapa kelemahan dalam organisasi sukarela ini, maka selalu terdapat dilemma baik di kalangan pemimpin dan yang dipimpin hingga sering melalui proses peresmian terutama dari segi kepimpinan dan pola-pola pengawalan. Hal seperti ini sering menyebabkan matlamat-matlamat yang hendak dicapai bertukar corak.

Inilah sedikit sebanyak gambaran yang dapat dijelaskan mengenai organisasi yang secara tidak langsung dapat menggambarkan sesebuah organisasi=organisasi wanita di Malaysia.

iii. Penglibatan Wanita Dalam Organisasi

Memang tidak dapat dinafikan sekarang ini bahawa penglibatan kaum wanita di dalam berbagai organisasi begitu ketara sekali terutama sekali selepas merdeka. Namun begitu penglibatan kaum wanita dapat dikategorikan kepada dua iaitu:

i. Penglibatan secara aktif

ii. Penglibatan secara tidak aktif

Apa yang difahamkan dengan penglibatan secara aktif itu ialah apabila didapati ada di antara kaum wanita yang begitu memainkan peranan penting atau lebih tepat lagi bagi mereka yang menjawat jawatan-jawatan

penting dalam organisasi pertubuhan-pertubuhan wanita seperti Jawatan Presiden, Naib Presiden, Setiausaha Agong, Bendahari dan lain-lain Ahli Jawatankuasa tertentu. Apabila mereka menjawat Jawatan-jawatan sedemikian itu maka anggota atau "exco" inilah yang bertanggungjawab dalam menjayakan atau menyelaraskan segala pentadbiran dan perjalanan projek begitu juga dengan perancangan projek yang diharapkan dapat dijagakan dalam usaha untuk meningkatkan perkembangan pertubuhan masing-masing di samping mempunyai hasrat untuk mencapai matlamat pertubuhan sendiri.

Penglibatan yang kedua iaitu penglibatan secara tidak aktif adalah merupakan sebahagian golongan wanita yang menjadi "ahli biasa" kepada pertubuhan masing-masing. Akan tetapi kerjasama dari golongan ini adalah penting kerana apa juga rancangan pertubuhan yang bakal dijalankan memerlukan ahlinya demi menjayakan projek yang dirancang. Tidak ada faedahnya atau agongnya sesuatu pertubuhan maupun di peringkat pusat, negeri atau daerah jua kampung kalau rancangan yang berlambakk lambak atau, dicatit diminit mesyuarat itu tidak dijayakan. Oleh itu penglibatan ahli dalam menjayakan projek yang dirancangkan adalah penting. Jadi dapat dikatakan kejayaan dan perkembangan yang dicapai oleh sesuatu pertubuhan semata-mata bergantung kepada kerjasama, sambutan serta penglibatan ahli pertubuhan sendiri.

Kebiasaan setelah seseorang itu memegang jawatan dalam organisasinya maka secara automatiknya mereka merasakan diri mereka begitu bertanggungjawab ke atas apa berlaku dan perjalanan pertubuhan yang mereka libatkan diri. Golongan ini biasanya akan cuba sedaya

upaya menjayakan akan apa yang telah diamanahkan oleh orang ramai terutama ahli-ahli mereka untuk menjayakan projek yang bakal dijalankan bakal dirancang atau dalam perancangan. Akan tetapi perlu ditegaskan di sini, terdapat juga ahli-ahli persatuan yang merasakan diri mereka juga sama-sama bertanggungjawab terhadap kejayaan pertubuhan mereka. Dengan ini mereka sentiasa ingin mengetahui perkembangan, perjalanan dan masalah yang dihadapi oleh persatuan mereka. Kadang-kadang mereka juga bersama-sama ahli "exco" akan mengorbankan masa dan "material" demi menjayakan apa juga yang telah dibincangkan serta demi untuk menggalakkan pertubuhan dari menghadapi kegagalan walaupun mereka adalah merupakan sebagai "ahli biasa" sahaja dalam pertubuhan yang mereka libatkan diri.

Sebaliknya terdapat juga "ahli exco" sendiri yang tidak bertanggung-jawab dalam memimpin persatuan. Dengan ini mereka gagal menjalankan segala tugas yang diamanahkan kepada mereka. Begitu juga di kalangan ahli-ahli yang masih lagi kurang memberi kerjasama dan penglibatan mereka dalam sesebuah projek apabila diri dan pertolongan mereka jika diperlui. Jika keadaan ini berlaku sudah tentulah apa yang diharapkan pasti mengalami kebuntuan dan kegagalan terutama dalam usaha untuk pencapaian matlamat pertubuhan mereka. Perlu ditegaskan di sini pengkaji hanya lebih menitik beratkan kepada kejayaan. Kejayaan pertubuhan dalam pencapaian matlamat pertubuhan wanita khasnya.

Penglibatan wanita dalam satu-satu organisasi terutama yang terlibat secara aktif adalah disebabkan individu-individu tersebut telah pun dilantik oleh ahli-ahli mereka serta diberikan kepercayaan yang penuh untuk memegang teraju pimpinan sesuatu organisasi itu. Mereka

yang terpilih kebiasaannya ini adalah golongan yang terdidik, berpengalaman, bertokoh, jujur, rajin bekerja dan sebagainya.

Seperti kita semua maklum, bahawa penglibatan wanita di dalam organisasi-organisasi samada secara sukarela ataupun secara agensi kerajaan lebih ditumpukan kepada aspek kebajikan samada untuk diri sendiri, orang ramai, bangsa dan negara amnya. Dengan ini tidak hairanlah kalau kebanyakan golongan wanita cenderong untuk berpersatuan. Dengan ini dapat disimpulkan kepada beberapa aspek atau jenis organisasi yang mana wanita melibatkan diri seperti yang telah dinyatakan di awal penulisan tadi seperti jenis-jenis organisasi bercorak kebajikan, sosial, ekonomi, keugamaan, politik, "unionism" dan sebagainya. Berlakunya penjenisan organisasi-organisasi ini ialah apabila ditinjau dari objektif-objektif dan projek-projek yang telah dijalankan, perancangannya, matlamatnya serta perlembagaan sesuatu pertubuhan itu. Jika sesuatu organisasi itu lebih mirip atau bercorak kebajikan dan aspek yang lain maka organisasi itu akan dikategorikan kepada "organisasi bercorak kebajikan" begitulah penjenisan yang lainnya.

iv. Fokus Terhadap Kegiatan Wanita Dalam Organisasi: Satu Tinjauan

a. Perkembangan Pertubuhan-pertubuhan Wanita Di Negara-negara lain

Pergerakan wanita bukanlah satu fenomena sosial yang baru. Ianya telah lahir sejak zaman purba lagi. Ini dapat dibuktikan melalui penulisan-penulisan Plato dan Plutarch seperti yang tercatit dalam sejarah Greek Purba. Kedua tokoh Greek yang tidak asing lagi ini telah memberikan pandapat dan pandangan yang berbeza terhadap kaum wanita. Plato di dalam bukunya, The Republic telah membentangkan kedudukan wanita di

dalam "The ideal state" yang beranggapan bahawa kaum wanita merupakan sebagai makhluk yang mempunyai daya pemikiran yang rendah. Bagi Plato, kenapa kaum wanita berkeadaan demikian adalah disebabkan kaum ini di halang serta tidak digalakkan untuk memperolehi pendidikan yang sama dengan kaum lelaki yang semata-mata disebabkan oleh ukuran jantina yang berlainan. Ekoran dari ini, Platolah merupakan seorang intelek purba pertama yang berkesedaran menyatakan terdapat "kesamaan" (equality) dan segi moral dan intelek di antara kaum lelaki dan wanita. Dengan ini beliau berpendapat bahawa kaum wanita juga mempunyai tanggungjawab yang sama di dalam menjalankan tugas-tugas awam (public duties) sebagaimana juga kaum lelaki. Akan tetapi, seorang lagi tokoh iaitu Plutarch pula memberikan pendapat yang bertentangan sekali dengan Plato. Beliau dengan tegas mengatakan bahawa sememangnya ada perbezaan di antara kaum lelaki dan wanita baik dari segi fizikal atau sosial yang dapat menentukan pula tanggungjawab yang berbeza di antara jantina yang berbeza itu. Jadi segala tiori, pendapat dan bibit-bibit yang bercanggah itu telah membawa benih-benih punca pertelingkahan utama di kalangan penyokong pergerakan wanita dengan anti pergerakan wanita kemudiannya dan sehingga hari ini.

Ideologi mengenai emansipasi wanita dan dasar perjuangan pergerakan (pertubuhan) wanita didapati telah bermula di Eropah dan di beberapa negara Barat, yang kemudiannya berkembang dan terus berkembang mengikut perubahan zaman dan kehendak semasa. Konsep pergerakan wanita dan kepentingan yang didapati melaluiinya bukan sahaja timbul akibat kesedaran kalangan kaum wanita semata-mata bahkan juga lahir akibat pelbagai faktor sosial politik ekonomi dan budaya dalam per-

akibat kesedaran yang rasional di kalangan setengah-setengah kaum lelaki mengenai hal ini. Sebagai contoh, di abad ke 17, Penelon dan beberapa orang sahabat semasanya yang dikenali sebagai "the moralist" telah menimbulkan supaya permintaan mereka didasarkan kepada perkara iaitu untuk mendapatkan pelajaran yang sama bagi kaum wanita. Ini disebabkan mereka berpendapat betapa perlunya seorang ibu itu diberikan pelajaran untuk mendidik anak-anak bakal jenerasi muda kelak. Timbul juga difikiran mereka bagaimana si ibu dapat mempengaruhi keluarganya serta mendidik anak-anak mereka jika anak-anak lelaki mereka menganggap ibu-ibu mereka sebagai "intellectually inferior".

Sokongan "the moralist" terhadap kepentingan kaum wanita dalam bidang pelajaran telah mendapat sambutan hangat dari ahli-ahli pergerakan wanita dalam abad ke 18 di England. Salah seorang tokoh wanita ketika itu ialah Mary Wollstonecraft sebagai wanita pertama mendakwa bahawa peluang untuk mendapatkan pelajaran adalah hak semulajadi dan tidak semestinya mesti ada diskriminasi antara kaum lelaki dan wanita. Hasil dari perjuangannya ke atas kaum wanita itu menyebabkan beliau diberikan penghormatan pertama bagi wanita di England yang memperjuangkan teori Rousseau yang tidak asing iaitu "The rights of Man" ke atas kaum sejenisnya yang memperjuangkan terhadap prinsip-prinsip "equality" antara kedua jantina itu. Dengan ini sejak berabad-abad yang lalu hingga sekarang, peringkat permulaan yang mencetuskan pergerakan wanita diasaskan kepada kesedaran penting dan perhubungan pendidikan dan pelajaran bagi kaum wanita. Hasil dari perjuangan ini, baharulah di berikan kesempatan untuk menikmati pelajaran yang seiring dengan kaum lelaki. Melalui pelajaran yang ditimba maka telah menimbulkan pula

berbagai aspek kehidupan sehari-hari jika dibandingkan dengan kaum lelaki. Ekoran dari inilah menyebabkan lahirnya konsep untuk "berpersatuan" yang lebih dikenali sebagai pergerakan wanita.

Seperti yang telah dinyatakan di awal Bab I ini bahagian (i) yang ada diterangkan dengan jelas akan pengertian konsep dan definisi "organisasi" (pertubuhan/pergerakan). Maka di sini secara ringkasnya dapatlah dinyatakan bahawa pergerakan adalah suatu keadaan sosial yang mempunyai ciri-ciri yang tertentu sebagai syarat untuk fenomenanya ujud. Dengan kata lain, pergerakan (organisasi) ialah satu usahasama sosial yang tertubuh bersengaja, bertujuan untuk memajukan perubahan ke mana-mana arah dan melalui apa cara sekalipun (tidak ketinggalan dari segi keterluannya terutama di negara-negara Barat) termasuk kekejaman, revolusi, cara-cara yang melanggar undang-undang dan peraturan dan sebagainya.

Pergerakan selalunya dikandungi oleh sesebuah organisasi (Wilkinson, 1971) walaupun kecil, tetapi organisasi itu mungkin berbeza-beza daripada jenis yang agak longgar (tanpa struktur tertentu), tidak formal atau berbentuk separa-organisasi, kepada yang paling berstruktur berbentuk institusi yang sofistikated (bureaucracy). Pergerakan mempunyai komitmen terhadap perubahan dan sebab-musabab ujudnya organisasi yang melambangkan semangat pergerakan itu berasaskan kepada kesedaran yang mendalam, komitmen yang normatif terhadap tujuan atau kepercayaan pergerakan itu serta penglibatan yang aktif daripada ahli atau pengikut-pengikutnya.

Samada dari segi teori atau dari segi praktiknya, dari konsep atau pengertiannya, pergerakan itu berasaskan kepada satu perjuangan

untuk pencapaian satu-satu matlamat. Tetapi dari segi praktiknya, tiap-tiap matlamatnya terpaksa dicapai melalui sesuatu cara dan sesuatu alat. Di sinilah terletaknya kaitan antara pertubuhan atau organisasi dengan pergerakan.

Dalam kebanyakan pergerakan, organisasilah yang menjadi satu jentera yang ulung bagi sesuatu pergerakan memajukan objektifnya dan untuk menyatupadukan tenaga sumber dayanya supaya asas kepercayaan, keyakinan dan falsafah pergerakan itu sendiri tidak mati dan hilang. Organisasi melambangkan keadaan dan kemampuan fizikal yang nyata untuk membantu arus perkembangan reka fikiran (*idea*) dan matlamat pergerakan (Owens, 1975). Tanpa organisasi, perkembangan sesebuah pergerakan itu boleh lumpuh dan mati kerana ketandusan jentera yang boleh menyusun matlamat dan arah tujuannya, mengurus tindak-tanduk strategi dan aktiviti-aktivitinya serta menjayakan proses pencapaian kesedaran, komitmen perubahan dan perubahan sikap. Oleh itu gagal atau jayanya matlamat pergerakan bergantung kepada cara organisasi itu disusun dan dibentuk serta kewibawaan yang ada padanya untuk menjalankan sesuatu termasuk jentera kepimpinan yang dinamik untuk memastikan kejayaan.

Di sinilah umpamanya segala persatuan-persatuan kerjasama yang berbagai bentuk ujud untuk menghidupkan konsep pergerakan kerjasama yang mempunyai matlamat sosial dan ekonomi; di sinilah juga persatuan-persatuan buruh (trade union) tumbuh dengan persetujuan untuk membela hal pihak buruh melalui cara "collective bargaining", dan di sini jugalah terdapatnya parti-parti politik seperti UMNO umpamanya muncul untuk melambangkan semangat pergerakan kebangsaan tahun lima puluhan di

negara kita. Api nasionalisma begitu membara terhadap penghapusan kolonialisma dan usaha pengembelingan tenaga untuk menyuarakan perpaduan dalam pergerakan Nasionalisma di Malaya melambangkan puncak matlamat ini apabila UMNO berjaya mendapat kemerdekaan daripada negara British. Keadaan beginilah boleh diapplikasikan kepada pertubuhan-pertubuhan wanita yang membuat sesuatu tuntutan dan perjuangan yang biasanya mendapat kejayaan akhirnya.

Begitu juga dengan organisasi yang memperjuangkan aspek-aspek keugamaan, perkauman (ras), pergerakan revolusi, intelektual dan pergerakan belia dan pelajar-pelajar. Seperti jugalah dengan pergerakan wanita khasnya ia mesti dipandukan oleh pertubuhan-pertubuhan, khususnya pertubuhan-pertubuhan wanita. Dengan itu bolehlah dibuat kesimpulan di sini bahawa organisasi dan pergerakan itu tidak boleh dipisahkan. Ini disebabkan di setiap sesuatu pergerakan ada dilambangkan oleh sebuah organisasi yang mencerminkan kegiatan, perjuangan dan matlamat sesuatu pergerakan yang terdapat begitu juga dengan pergerakan (organisasi) wanita.

Dalam konteks pergerakan (organisasi) wanita, kepentingan peranan organisasi memang menjadi satu kenyataan. Sejarah perkembangan pergerakan wanita di negara-negara Barat telah menunjukkan kesedaran ini sejak awal tahun 1800 melalui pertubuhan (organisasi) seperti New York Female Reform Society dan Ladies Association for Female Prisoners Newgate (O'neill, 1969). Pendek kata dari awal tahun 1800 hingga ke awal abad 2000, beberapa pertubuhan seperti American Purity Alliance, Women's Christian Temperance Union, National Council of Women, The Young Women Christian Association, The Association of Collegiate Alumnae dan

General Federation of Women's Club mula muncul akibat perkembangan pergerakan wanita. Apa yang diperjuangkan oleh pertubuhan-pertubuhan ini ialah mengenai perlindungan wanita dan undang-undang yang mengorbankan dan mengeksplorasikan hak-hak kaum wanita seperti hal-hal warisan hak milik, perkahwinan, persamaan status pekerjaan, peluang pelajaran, dan lain-lain (Flexner, 1959, Strachey, 1928).

Walau bagaimanapun terdapat perbezaan di antara wanita-wanita di Amerika dan di Britain dari segi perjuangannya. Di Amerika, pemaju perjuangan wanita menggunakan alat organisasi nasional untuk mempengaruhi pengikut-pengikutnya. Tetapi di England, wanita Inggeris terlalu tertindas oleh tradisi "patriarki" (patriarchy) yang lebih rigid dan kurang pula berusaha melalui infrastruktur organisasi. Ini menyebabkan pencetusan kekejaman order sosial kerana issue Emansipasi wanita (Women suffrage) mencapai memuncak melalui kekuatan pergerakan pertubuhan National Union of Women's Suffrage yang bercorak perlembagaan (O' neill, 1969).

Di Indonesia, 22hb. Disember dikenali sebagai Hari Karamat ia itu sempena Hari Ibu (Wanita) yang melambangkan tertubuhnya satu badan wanita nasional yang digelar Perikatan Perkumpulan Perempuan Indonesia (PPPI) di Jogjakarta pada 22hb. Disember, 1928. Tertubuhnya PPPI menandakan niat dan isi perjuangan Wanita Indonesia tidak lagi bercorak kedaerahan, berkelompok atau berpihak-pihak, tetapi lebih bersifat National dan meliputi semua kegiatan wanita (Wanita, September, 1976).

Di negara China, penyusunan order baru untuk memperkuuhkan penglibatan wanita adalah melalui saluran organisasi All China Federation of Democratic Women (ACFDW). Melalui organisasi federasi wanita ini,

telah mengaturkan kempen bagaimana untuk menghubungkaitkan antara menjalankan kerja yang baik di rumah dan memberi sumbangan cemerlang terhadap pembinaan masyarakat sosialisma. Organisation Women's Federation juga telah menyusun supaya keahlian wanita menjadi lebih 100 juta orang/ ahli di Koperatif Pengeluaran Pertanian (Asian Scholer, 1975).

Di India, pertubuhan organisasi oleh kumpulan-kumpulan elit menghasilkan penubuhan Indian Women's Association di samping pertubuhan All Indian's Conference yang merupakan sebuah organisasi Nationalistic dan sosial yang umum. Pada waktu itu wanita India mengambil kesempatan untuk mengadakan konfrantasi wanita khususnya setiap kali ada konfrantasi lain yang selalu berkaitan dengan soal nasionalisma dan kebebasan India dari cengkaman kolonialisme.

Setelah pengkaji mengambil sedikit sebanyak mengenai perkembangan organisasi/pergerakan wanita di negara-negara lain selain dari negara kita Malaysia, dapatlah dirumuskan bahawa jika diteliti akan aktiviti atau program yang dijalankan maka projek (aktiviti) yang dilancarkan itu berbentuk dalam berbagai aspek biasanya khusus untuk kepentingan wanita walaupun secara tidak langsung hasilnya dapat juga dinikmati oleh masyarakat dan golongan lelaki sendiri. Di antara aspek atau ciri-ciri kegiatan yang dijalankan secara serius dan lantang meliputi aspek-aspek seperti kebijikan, ekonomi, sosial, kesihatan, pelajaran, kepimpinan, politik dan lain yang mana kesemua aspek yang diperjuangkan itu untuk kebijikan dan hal ehwal yang berkaitan dengan pembangunan wanita semata-mata. Melalui kepelbagaiannya aspek kegiatan inilah diperjuangkan dan dijayakan untuk pencapaian matlamat sesuatu pertubuhan itu. Pencapaian matlamat sesuatu

pertubuhan itu pula bergantung kepada corak atau inti kepada motif penubuhan sesuatu organisasi itu. Oleh sebab itu tidak hairanlah jika didapati sesuatu pertubuhan itu bercorak pembebasan wanita, "unionism", "interest group," "pressure group" dan sebagainya.

Begitu juga halnya di Malaysia, akan tetapi perlu ditegaskan di sini bahawa pertubuhan-pertubuhan wanita di Malaysia atau dari penubuhan awalnya tidak langsung memperjuangkan hak-hak wanita itu secara serious sekali. Akan tetapi hanya merupakan hal-hal kebijakan dan semasa wanita sahaja. Namun begitu akibat perubahan dan kesedaran yang timbul di kalangan cendikiawan dan pemimpin wanita khasnya, maka lahirlah berbagai-bagai corak pertubuhan wanita di Malaysia seperti yang terdapat pada hari ini. Dengan ertikata lain, kaum wanita telah mula, sedar akan faedah yang didapati dan "berpersatuan".

b. Implikasi Terhadap Pergerakan Pertubuhan Wanita Di Malaysia

Kaum wanita khususnya, telah mula melibatkan diri dalam pelbagai organisasi yang terdapat di Malaysia dewasa ini. Namun setiap perjuangan atau motif pergerakan sesuatu organisasi dapat dikategorikan kepada beberapa aspek. Secara kasar pengkaji dapat bahagikan pertubuhan-pertubuhan wanita di Malaysia kepada dua kumpulan utama iaitu Pertubuhan Wanita Agensi (Badan) Kerajaan dan Pertubuhan Sukarela Wanita. Akan tetapi jika diteliti pergerakan perjuangan dalam pencapaian matlamat sesebuah pertubuhan itu pengkaji dapat melihat ciri-ciri (aspek-aspek) yang dapat membezakan sesebuah pertubuhan itu walaupun pada amnya pertubuhan-pertubuhan itu sendiri terdiri dalam kumpulan yang sama

samada dari kumpulan agensi kerajaan atau dari sukarela.

Pengkaji dapati secara keseluruhannya setiap pertubuhan wanita di Malaysia memang tidak dapat dinafikan dalam melibatkan diri mereka dengan hal-hal yang menyentuh sosial, ekonomi, kebajikan, politik, ugama, pelajaran, kepimpinan dan beberapa aspek lain melalui aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan, sedang dijalankan atau program yang masih dalam perancangan lagi. Seolah-olah berlaku semacam satu keseragaman terhadap aktiviti-aktiviti yang mereka lakukan secara seimbas lalu tetapi apabila diteliti secara mendalam lagi akan kedapatan samada pertubuhan itu bercorak politik, sosial, ekonomi, kebajikan, ugama dan sebagainya. Dengan kata lain, dapat pengkaji membuat kesimpulan iaitu terdapat beberapa pertubuhan yang mempunyai objektif, matlamat dan motif tertentu di antara sesebuah pertubuhan wanita di Malaysia dengan sebuah pertubuhan yang lain.

Sebelum pengkaji menyingkap sesebuah pertubuhan wanita yang mewakili kumpulan tertentu, ada baiknya pengkaji cuba menyorot kembali secara sepantas lalu bagaimana pertubuhan-pertubuhan wanita seiring dengan matlamat dan tujuannya. Bertitik tolak dari sini akan dapat memperlihatkan pula bagaimana pertubuhan-pertubuhan wanita di Malaysia hingga dewasa ini telah mengorak satu era baharu dalam perkembangan dan matlamat mereka seiring dengan negara yang sedang menikmati pembangunan dan kemajuan teknologi.

Jika dilihat perkembangan pertubuhan-pertubuhan wanita di Malaysia, pengkaji dapati pertubuhan-pertubuhan tersebut telah mula bertapak di negara ini sejak sebelum negara ini mencapai kemerdekaan

lagi. Satu manifestasi pergerakan wanita telah lahir dengan tertubuhnya beberapa buah pertubuhan wanita di akhir tahun 1930an dan 1940an. Akan tetapi pertubuhan-pertubuhan wanita di awal itu tidak memperlihatkan satu bentuk perjuangan yang menyeluruh dan berdasarkan isu-isu utama dan bersama. Sebagai contoh, perkara-perkara seperti meninggikan taraf hidup wanita dan lain-lain persoalan yang bersangkutan dengan wanita tidak langsung diperhiraukan atau diambil kira. Apa yang mereka utamakan semata-mata adalah untuk kepentingan ahli-ahli mereka sahaja seperti memperluaskan hubungan sosial sesama ahli sahaja. Ketika ini juga sebahagian besar kaum wanita masih jahil dengan konsep "berpersatuan" dan kepentingan "berpersatuan" itu.

Akan tetapi setelah negara mencapai kemerdekaan serta peluang-peluang pelajaran telah dititikberatkan bersama bagi golongan wanita di samping kaum lelaki serta melalui perubahan fikiran baik di kalangan pemimpin serta di kalangan kaum wanita yang cerdik pandai maka lahir pula beberapa pertubuhan wanita di Malaysia yang berjaya secara beransur-ansur melepaskan belenggu ikatan tradisional di kalangan kaum wanita. Seterusnya pertubuhan-pertubuhan wanita telah mula dengan lantang suaranya dengan memperlihatkan perjuangan yang serius dan secara langsung untuk menaikkan imej kaum wanita. Dalam mencapai usaha dan matlamatnya ke arah itu menyebabkan hingga ke saat ini pelbagai pertubuhan wanita di Malaysia telah melibatkan diri mereka dalam pelbagai aspek serta secara di sedari atau tidak mereka telah menjadi samada golongan sukarela semata-mata yang berbau "interest group", "pressure group", "unionism" dan sebagainya. Di sini selanjutnya pengkaji cuba mengambil contoh beberapa pertubuhan

yang dapat mewakili dirinya sebagai badan-badan tertentu seperti badan politik, ugama, kepentingan bersama, badan kebajikan, sosial, ekonomi "interest group", "pressure group" dan sebagainaya.

Di antara beberapa pertubuhan wanita yang terdapat di Malaysia yang sangat berpengaruh sejak dulu lagi ialah Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita Malaysia atau ringkasnya N.C.W.O. (National Council of Women's Organisations Malaysia). Ianya ditubuhkan pada 25hb. Ogos, 1963 yang merupakan gabungan pertubuhan-pertubuhan wanita yang terdapat di Malaysia. Di antaranya gabungan kaum wanita UMNO, Pertiwi, Pandu Putri Malaysia, YWCA, MIC, MCA, WI, dan banyak lagi pertubuhan wanita yang bergabung di dalamnya. Ianya merupakan sebuah badan perunding dan penasihat serta memainkan peranan sebagai "orang perantaraan" di antara pihak kerajaan dan pertubuhan yang dipelupuri oleh kaum wanita. Dengan kata lain, penubuhannya ini sebagai "pressure group" khasnya demi kemenafaatan kaum wanita sendiri.

Penubuhan NCWO ini merupakan satu langkah yang memberi erti yang mendalam kepada kaum wanita Malaysia kerana penubuhannya juga telah mendapat sokongan daripada beberapa pertubuhan wanita Malaysia termasuk organisasi-organisasi kebajikan, sosial, professional, kesatuan sekerja dan lain-lain yang bergabung semata-mata untuk meningkatkan imej dan memperbaiki status dan kebajikan wanita dengan lebih berkesan lagi melalui gabungan seperti itu. Semangat yang jelas kelihatan ialah untuk bersatu demi mencapai matlamat dan bersatu untuk melibatkan diri di mana N.C.W.O merupakan sebuah majlis kebangsaan yang tidak bercorak politik, keugamaan atau pihak-pihak tertentu untuk satu-satu kaum sahaja. Ini jelas melalui

peranan yang dimainkan oleh N.C.W.O. terhadap pertubuhan-pertubuhan wanita yang terdapat di Malaysia. Di antara peranan yang dimainkan nya ialah memastikan bahawa setiap pertubuhan-pertubuhan wanita Malaysia dapat bekerjasama untuk meninggikan taraf dan status kaum wanita dan bekerja ke arah kebijakan dan kemajuan kanak-kanak dan wanita khasnya. Di samping itu ujud sebuah badan perunding dan penasihat kepada pertubuhan-pertubuhan wanita yang bergabung dalam N.C.W.O. Juga N.C.W.O. sebagai sebuah badan yang tidak bercorak politik serta tidak berdasarkan kepada komuniti-komuniti tertentu dan tidak memihak dalam hal-hal keugamaan.

Sebagai "sebuah badan pengantara" dapat dikatakan sejak penubuhannya hingga ke hari ini banyak langkah-langkah positif yang telah diambil dan dilaksanakan oleh N.C.W.O. yang mana hasil-hasilnya yang patut dihargai oleh kesemua kaum wanita khususnya di Malaysia dan masyarakat amnya. Awal 1970an di dapati banyak hasil-hasil kejayaan ke atas beberapa permohonan dan desakan yang ditujukan untuk perhatian kerajaan dan badan-badan tertentu. Di antaranya taraf dan kedudukan pegawai wanita telah dapat diperbaiki kerana mereka diberikan taraf yang sama dengan pegawai lelaki, mendapat pencen yang sama serta mendapat jawatan tetap walaupun selepas bersalin. Kalau sebelumnya satu situasi yang tidak memuaskan di mana pegawai wanita tidak diberi pencen dan selepas bersalin kaum wanita hanya diberikan sebagai pegawai sementara sahaja. N.C.W.O, juga berjaya memperjuangkan penafsiran cukai pendapatan secara berasingan bagi kaum wanita bekerja yang bersuami.

Seterusnya di antara lain kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh N.C.W.O. ialah:

- a. Wanita dibenarkan ke dalam Perkhidmatan Awam, Perkhidmatan Diplomatik dan Perkhidmatan Perundangan
- b. Wanita telah dilantik untuk mewakili Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam
- c. Wanita dilantik ke dalam Majlis Hal Ehwal Ugama Negeri
- d. Wanita juga diterima sebagai juri-juri
- e. Wanita dilantik untuk menjadi wakil dalam Majlis-majlis Kebangsaan seperti:-
 - i. Majlis Perpaduan Kebangsaan
 - ii. Majlis Untuk Pelajaran Tinggi
 - iii. Biro Narkotik
 - iv. Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan
 - v. Lembaga Penapis

Banyak lagi kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh N.C.W.O. yang mana melalui kejayaan tersebut N.C.W.O. telah memperjuangkan hak-hak wanita yang sepatutnya menerusi perundingan di negara ini memang tidaklah dapat dinafikan. Boleh dikatakan, sebahagian besar dari nikmat-nikmat yang diperolehi oleh wanita dewasa ini adalah dijamin dan dilindungi di dalam Perlembagaan dan Perundangan Malaysia. Hasil yang diperjuangkan oleh badan induk ini majoritinya dinikmati oleh kaum wanita bahkan dewasa ini juga kaum wanita tidak lagi dianggap sebagai wanita tradisi yang serba kekurangan yang penuh batasan-batasan tertentu. Akan tetapi kaum wanita telah mula mengorak langkah keluar dan dianggap setanding, setaraf serta begitu mencabar sekali.

Keputusan terhadap penglibatan wanita yang lebih dalam pembangunan oleh kerajaan merupakan langkah permulaan yang penting untuk mempercepatkan perubahan pembangunan. Malaysia berasas baik kerana ianya adalah satu-satu negara di rantau ini di mana kerajaan telah mengambil langkah terutama dalam usaha untuk melibatkan wanita dalam rancangan-rancangan pembangunan dengan menubuhkan Majlis Penasihat Kebangsaan mengenai Integrasi Wanita Dalam Pembangunan (NACIWID). Majlis ini telah ditubuhkan dengan resminya pada 16hb. Julai 1976.

Dengan penubuhan Majlis seperti ini amat memberi kesan positif terutama kepada kaum wanita di Malaysia yang mana ianya sebagai penyelaras, perunding dan juga badan penasihat kepada kerajaan dan antara kerajaan dengan badan-badan wanita bukan kerajaan. Juga bertujuan untuk menimbulkan kesedaran kebangsaan di kalangan wanita mengenai peranan dan tanggung-jawab mereka terhadap pembangunan negara. Menentukan penyatuan sepenuhnya wanita dalam pembangunan nasional serta membolehkan wanita memajukan potensi kebolehan mereka ke peringkat maksima. Akhirnya untuk menimbulkan kesedaran wanita tentang hak mereka di samping memberi sumbangan terhadap kemajuan perdamaian antarabangsa. (Sila rujuk halaman di bawah tajuk analisa kegiatan pertubuhan agensi kerajaan tentang aktiviti yang telah dijalankan oleh NACIWID sejak penubuhannya hingga ke hari ini).

Seterusnya jika kita lihat Pertubuhan Pergerakan Wanita UMNO MCA dan MIC kelihatan seolah-olah hanya bergerak cergas yang mana sepantas lalu mereka ini hanya bergiat dalam aspek-aspek sosial yang utamanya di samping ekonomi, pelajaran, kepimpinan dan sebagainya. Akan tetapi setelah diteliti sebaik-baiknya bahawa mereka bermatlamatkan

atau memainkan satu peranan politik yang merupakan satu isu yang tidak begitu dikenali oleh kaum wanita. Dengan ini melalui projek atau kegiatan yang dijalankan secara tidak langsung ada menyelitkan atau bercorak unsur politik bersamanya. Sebagai contoh, Pertubuhan Pergerakan Wanita UMNO Malaysia yang memainkan peranan politik dari segi melibatkan lebih banyak kaum wanita menyokong UMNO untuk memperjuangkan Nasionalisme Malayu; begitulah juga halnya dengan MCA dan MIC yang mempunyai kepentingan politik masing-masing.

Walaupun pengkaji dapati bahawa dengan penubuhan N.C.W.O. dan NACIWID bahkan lain-lain pertubuhan memang tidak lain dari segi memberi perlindungan, keselamatan, kebijakan dan sebagainya ke atas keseluruhan kaum wanita. Namun begitu terdapat satu pertubuhan iaitu Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (M.T.U.C) yang cuba menitikberatkan kebijakan pekerja-pekerja khasnya pekerja-pekerja yang terdiri daripada kaum wanita. Ini terutamanya ke atas pekerja-pekerja wanita yang berada di dalam kategori buruh yang mana golongan inilah yang selalunya di eksplotasi oleh golongan majikan yang hanya mementingkan keuntungan tanpa mengira kebijakan pekerja-pekerja wanitanya.

Kalau dulunya mereka ini sewenang-wenangnya ditindas serta tanpa pembelaan oleh golongan tertentu. Akan tetapi sekarang ini golongan pekerja buruh tidak kira lelaki ataupun golongan wanita telah digalakkan masuk menyertai golongan kesatuan sekerja. Melalui kemasukan mereka ke dalam kesatuan ini akan dapat memperbaiki kebijakan, sosial terutama sekali ekonomi mereka di samping memberi kesedaran dan hak mereka sebagai seorang pekerja. Walaupun begitu memang tidak dapat

dinafikan bahawa berlaku lagi beberapa eksplotasi bukan sahaja ke atas golongan wanita tetapi juga ke atas golongan pekerja lelaki. Tetapi ianya tidaklah secara terbuka.

Di sini dapatlah pengkaji rumuskan bahawa sebagai salah sebuah "unionism" yang terdapat di Malaysia sekarang ini. Ini terutamanya melalui kejayaan-kejayaan yang telah diperjuangkan seperti memperbaiki taraf kebijakan pekerja baik lelaki mahupun wanita, memperbaiki tingkat gaji atau pemberian gaji dengan lebih adil dan berperikemanusiaan, masa dan waktu kerja yang tidak lagi memberatkan individu di samping memberi beberapa faedah-faedah terutama kepada para pekerja baik lelaki begitu juga wanita. Kesemua aspek-aspek yang disebutkan itu telah termaktub di dalam satu rang undang-undang dan melalui kongres inilah yang telah menyuarakan hasrat untuk membela kaum pekerja agar tidak ditindas sewenang-wenangnya.

Malaysia bersatu.

BAB II

PENGENALAN: ORGANISASI WANITA DI SEMENANJUNG MALAYSIA

i. Sejarah Ringkas Penubuhan Dan Perkembangan Organisasi-Organisasi Wanita Di Semenanjung Malaysia

Perkembangan Pergerakan Wanita Malaysia adalah berbeza jika dibandingkan dengan Perkembangan Pergerakan Wanita di negara-negara jiran seperti Indonesia dan India. Ianya memakan masa yang lama dan timbulnya itu tidaklah secara tiba-tiba. Berlakunya hal sedemikian adalah disebabkan bahawa idea-idea emansipasi (pergerakan) wanita itu tidak begitu mudah untuk diterima oleh masyarakat terutamanya kesedaran di kalangan kaum wanita sendiri. Ini dapat kita lihat terutama dalam tempoh-tempoh tahun kebelakangan. Akan tetapi setelah tahun demi tahun negara mengalami berbagai perubahan begitu juga dengan kaum wanita yang telah mula mempunyai kesedaran ke arah itu terutamanya dewasa ini. Bertitik-tolak dari sini, dapatlah dilihat satu perkembangan yang sangat mengagumkan bukan sahaja terdapat di peringkat pusat bahkan di peringkat-peringkat negeri, daerah dan kampung. Ini jelas di mana wanita telah begitu gigih memperjuangkan hak-hak asasi wanita yang terdapat di Malaysia hari ini.

Akibat dari perkembangan pembangunan dan teknologi yang pesat di negara kita maka emansipasi dan pergerakan wanita telah mempergerakkan kesempatan yang ada untuk memperkembangkan pengaruh dan perjuangan emansipasi melalui pelbagai media-media massa dan cara baik melalui kegigihan individu ataupun secara kolektif. Gabungan dari usaha-usaha dan tenaga inilah yang telah membawa hasil yang begitu mengagumkan

sekali dewasa ini iaitu apabila suara wanita yang dahulunya tidak mendapat tempat dalam masyarakat tetapi sebaliknya hari ini. Mereka dengan lantang suara telah mula menyuarakan untuk mendapatkan hak-hak yang sama lagi adil dengan menyentuh dari aspek ekonomi, sosial, politik, ugama, undang-undang yang mana kesemua aspek-aspek ini sangat diberi perhatian oleh kaum wanita terutamanya pemimpin-pemimpin wanita begitu juga dengan kerajaan dan badan-badan berkenaan amnya. Disebabkan kaum wanita sedar betapa pentingkan "berorganisasi" itu kerana melalui organisasi itulah mereka dapat menggabungkan kekuatan serta segala kepentingan-kepentingan yang dapat dikumpulkan dan disusun ke dalam badan-badan resmi apa yang dipanggil sebagai pertubuhan-pertubuhan wanita seperti yang terdapat begitu ketara di Malaysia hari ini.

Perkembangan pertubuhan-pertubuhan wanita di Malaysia telah bermula sebelum negara mencapai kemerdekaan lagi. Dari tinjauan didapati telahpun ada beberapa pertubuhan wanita di tahun-tahun akhir 1930an dan 1940an. Akan tetapi pertubuhan-pertubuhan wanita yang awal ini tidak menunjukkan satu bentuk perjuangan wanita yang menyeluruh dan mempunyai matlamat yang sama serta isu yang utama. Pertubuhan-pertubuhan wanita yang awal itu tidak langsung menitikberatkan hal-hal yang bersangkutan dengan wanita seperti meningkatkan taraf kehidupan wanita, kesedaran dan lain-lain. Pertubuhan-pertubuhan tersebut hanya menitikberatkan hal-hal pertubuhan di antara ahli-ahli sahaja terutama perhubungan sosial antara ahli-ahli sahaja. Namun begitu, implikasi dari kelahiran pertubuhan-pertubuhan wanita yang awal itu memberi pengertian kepada kita semua bahawa kaum wanita ketika itu telah mengorak langkah keluar dari satu

lingkungan tradisi. Dengan kata lain, mereka telah mula serta berjaya melepaskan diri dari belenggu ikatan tradisi dan mula mendapat pendidikan di sekolah-sekolah. Kalau dulunya dicapati bahawa hanya anak-anak lelaki sahaja yang mesti diberikan keutamaan untuk menuntut ilmu pengetahuan di sekolah-sekolah kerana mereka kelak merupakan kaum yang akan bertanggung jawab untuk menjaga kerukunan keluarga dan rumahtangga manakala anak-anak perempuan tidak dibenarkan ke sekolah kerana golongan ibubapa berpendapat tidak ada gunanya anak-anak perempuan diberi pelajaran yang tinggi kerana akhirnya mereka akan balik ke dapur juga.

Akan tetapi dekad 20 an ini telah mula berubah sama sekali di mana kaum wanita telah diberi peluang mendapatkan pelajaran **secukupnya** hingga ke saat ini. Jadi tidak hairanlah hasil dari pelajaran dan pengetahuan yang ditimba maka timbul kesedaran di kalangan wanita tentang betapa pentingnya 'berpersatuan' khususnya melalui pertubuhan wanita. Akan tetapi hasil dari penelitian pengkaji dapati dari senarai pertubuhan-pertubuhan wanita yang berdaftar didapati kebanyakannya dari pertubuhan-pertubuhan wanita yang awal itu lebih dipelupuri oleh kaum wanita bangsa China daripada kaum wanita bangsa Melayu dan India.

Sebagai contoh dalam sepanjang tahun 1949, terdapat beberapa buah pertubuhan wanita seperti Selangor Chinese Women Chin Woo Athletics Association (Kuala Lumpur), Persatuan Bekas Murid-murid Tua bagi beberapa buah sekolah menengah perempuan yang besar seperti Convent Old Pupil's Association (Pulau Pinang). Terdapat juga pertubuhan wanita yang keahliannya dikhkususkan kepada kumpulan etnik tertentu seperti Selangor Chinese Women's Lai Chee Association (Kuala Lumpur). Terdapat juga keahlian yang dikhkususkan kepada

wanita dari kelas atasan dan antarabangsa seperti Women's International Club dan pertubuhan wanita yang didasarkan kepada kepercayaan dan ugama seperti Selangor Women's Buddhist Association (Kuala Lumpur). Akan tetapi tidak dapat dilihat atau dihargai apa-apa petunjuk perjuangan pertubuhan-pertubuhan ini yang boleh memberi kesan kepada kesedaran keseluruhan wanita Malaysia ketika itu. Namun begitu pengkaji dapati terdapat sebuah pertubuhan wanita yang benar-benar memperlihatkan perjuangan yang serius dan berkesan serta secara langsung telah menaikkan imej wanita pada masa itu ialah perjuangan pergerakan kaum ibu UMNO dalam pertengahan tahun-tahun 1940-an yang sekarang ini pergerakan tersebut telah ditukarkan kepada Pergerakan Pertubuhan Wanita UMNO Malaysia.

Pertubuhan-pertubuhan wanita di Malaysia pengkaji dapati terus berkembang walaupun perjuangannya masih belum dapat diketengahkan, namun begitu perkembangannya merupakan satu petanda yang baik khasnya bagi kaum wanita sekelian. Pertumbuhan itu telah menambahkan lagi bilangan pertubuhan wanita di negara ini. Pertubuhan-pertubuhan yang muncul lagi seperti Pertubuhan Perkumpulan Perempuan Malaya (Malaysia Barat sekarang) di Kuala Lumpur, Kesatuan Wanita Keristian Malaysia (YWCA), Kuala Lumpur, Young Indian Women's Association (Kuala Lumpur), Penang Malay's Women's League. Dengan pertubuhan ini dapat pengkaji rumuskan bahawa telah kelihatan minat wanita Malaysia untuk melibatkan diri ke dalam pertubuhan-pertubuhan sukarela untuk membuat kerja-kerja kebajikan kepada wanita lain di seluruh negara. Pergerakan wanita mula menembusi ke pelusuk negara melibatkan pelbagai kumpulan etnik, baik yang tinggal di kota maupun di desa. Di samping itu emansipasi wanita dilihat melalui kegiatan-kegiatan

sukan dengan tertubuhnya pertubuhan wanita seperti Penang Women's Hockey Association, Malaysia Women's Hockey Association Pertubuhan Wanita yang lain pula adalah seperti Persatuan Jururawat Terlatih Malaysia (Kuala Lumpur) dan beberapa buah sekolah menengah perempuan di seluruh negara. Kesemua ini memberi implikasi tentang kesedaran wanita Malaysia terhadap pentingnya berkumpul di dalam sesebuah kumpulan yang tersusun demi memajukan sesuatu kepentingan bersama, baik yang bercorak serius atau sebaliknya, baik kepentingan ahli-ahli sahaja ataupun bagi kemajuan wanita seluruhnya.

Tahun demi tahun meningkatnya bilangan pertubuhan wanita yang berdaftar di Malaysia begitu juga di dalam tahun-tahun 1960 an. Dapat dikatakan di dalam tahun 1960 an ini ujud pelbagai corak kepentingan pertubuhan-pertubuhan wanita. Sebagai contoh ujud atau tertubuhnya pertubuhan-pertubuhan wanita yang berkepentingan profesional, kemasyarakatan, keugamaan, kebudayaan, kesukanan, kebajikan, politik dan sebagainya. Di antara ini yang paling kemuncak ialah di tahun 1963 apabila tertubuhnya sebuah majlis yang ditubuhkan demi kepentingan kaum wanita Malaysia khasnya, iaitu Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Malaysia atau lebih dikenali sebagai N.C.W.O. (National Council of Women's Organisations). N.C.W.O merupakan satu badan yang menggabungkan seluruhan tenaga kaum wanita Malaysia untuk memperjuangkan hak-hak mereka yang sewajarnya. Dengan sokongan dan kerjasama yang diberikan oleh sembilan buah pertubuhan wanita yang bergabung bersama pada penubuhannya, termasuk pertubuhan-pertubuhan kebajikan, politik, profesional, kesatuan sekerja dan ugama, maka perjuangan wanita Malaysia dapat diselaraskan dan dapat bertindak

¹ Sila rujuk Lampiran VII

sebagai sebuah badan yang berkesan. Sehingga kini terdapat dua puluh enam buah pertubuhan-pertubuhan wanita yang bergabung dengannya. (Sila rujuk lampiran VI). Majlis ini memperlihatkan pengaruh dan peranan wanita dalam proses membuat undang-undang. Sebagai contoh, hasil dari usul-usul dan permintaan Majlis, Kerajaan telah mengumumkan pada 1hb. Mei, 1970 bahawa ianya menerima dan melaksanakan gaji sama bagi wanita dalam jawatan kerajaan serta banyak lagi kejayaan-kejayaan yang dihasilkan oleh N.C.W.O.

Di dalam jangka waktu itu juga terdapat banyak pertubuhan-pertubuhan wanita di serata negara terutamanya di Semenanjung Malaysia seperti Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Persekutuan Tanah Melayu (Kuala Lumpur), Pertubuhan Tindakan Wanita Islam (Pertiwi), Kuala Lumpur, The Federation of Women's Lawyers of North Malaya (Pulau Pinang), University of Malaya Women's Association (Kuala Lumpur), The Negeri Sembilan Women's Hockey Association (Seremban), Women's Football Association of Perak, Port Dickson's Women's Community Club (Negeri Sembilan), Brigade Putri Malaysia (Kuala Lumpur), Catholic Women's League of Malaya (Kuala Lumpur), Malaysian Nurses' Christian Fellowship (Kuala Lumpur), Malacca Ladies' Hockey Association (Melaka) dan Selangor Netball Association (Kuala Lumpur).

Jika dilihat bahawa penubuhan pertubuhan-pertubuhan wanita sebelum tahun 1970 an adalah mendaftar sahaja tetapi di tahun 1970 an kesedaran wanita Malaysia terhadap kepentingan mereka berkumpul dan bersatu secara lebih tersusun semakin jelas kelihatan. Ini disebabkan mereka menyedari betapa pentingnya 'berpersatuan'. Faktor pendorong bagi wanita Malaysia menyedari hakikat ini adalah disebabkan imej dan

peranan wanita telah mula diterima dan diiktiraf oleh sebilangan besar masyarakat terutama sejak akhir-akhir tahun 1960 an. Ini dapat dibuktikan melalui kejayaan usul-usul dan permintaan N.C.W.O, misalnya:

"The Council was also in the forefront of the several "equal pay" rallies that were held in major towns throughout the country. Equal pay was granted in 1969, and married women became eligible for emplacement in permanent service with the government. Another break through was the admission of women into the Civil Service (which was strictly a male presence) and the Diplomatic and legal service in 1967."²

Dengan bukti-bukti kejayaan yang diperolehi dan dicapai oleh pertubuhan wanita Malaysia khususnya dan wanita Malaysia amnya, kesedaran ke atas perlunya sokongan yang berterusan dirasai oleh semua golongan wanita. Ini telah mengakibatkan lahirnya beberapa buah pertubuhan wanita dalam tahun-tahun 1970 an ini. Di antaranya ialah Persatuan Wanita Petaling Jaya, Persatuan Wartawan Wanita Malaysia/PERTAMA (Kuala Lumpur), Perkumpulan Wanita Keretapi Gemas, Negeri Sembilan, Perkumpulan Wanita Kementerian Pengangkutan Kerjaraya Wanita Petaling Jaya, Persatuan Kebajikan Wanita Melaka, Persatuan Bolasepak Wanita Negeri Sembilan dan Persatuan Jururawat Terlatih Melaka. Di dalam jangkamasa ini terdapat sebuah lagi penubuhan pertubuhan wanita yang sangat memberi erti yang mendalam kepada kaum wanita Malaysia ialah penubuhan Majlis Penasihat Kebangsaan mengenai Intergrasi Wanita Dalam Pembangunan (NACIWID). Majlis ini ditubuhkan dengan resminya pada 16hb. Julai, 1976. Keputusan menubuhkan Majlis ini adalah selaras dengan cita-cita kerajaan menempatkan kepimpinan wanita di negara ini di tempat yang wajar, selain daripada melibatkan mereka dalam semua aspek pembangunan. Penubuhan Majlis ini ternyata sebagai satu lagi langkah yang

berkesan terhadap usaha-usaha pembangunan di negara ini. Di antara salah satu tujuan khas Majlis ini ialah untuk berkhidmat sebagai penyelaras, perunding dan badan penasihat kepada kerajaan dan antara kerajaan dengan badan-badan wanita bukan Kerajaan.

Setelah pengkaji bentangkan secara ringkas sejarah pertumbuhan dan perkembangan pertubuhan-pertubuhan wanita Malaysia, maka dapatlah dibuat beberapa rumusan dan penilaian mengenai pertambahan dan perkembangannya. Telahpun ditegaskan diawal lagi bahawa perjuangan untuk mencapai emansipasi wanita Malaysia tidak sebagaimana yang berlaku di negara-negara jiran seperti Indonesia dan India di mana ianya tidak lahir sebagai pergerakan yang memperjuangkan hal-hal yang serius. Namun begitu di Malaysia yang merupakan kekecualian di dalam hal ini ialah Kaum Ibu UMNO yang mulai awal-awal penubuhan UMNO lagi yang telah memperjuangkan isu-isu yang serius jika dibandingkan dengan isu-isu yang diperjuangkan oleh pertubuhan-pertubuhan wanita yang ada ketika itu. Di antara tokoh-tokoh wanita ketika itu ialah seperti Ibu Zain, Khatijah Sidek dan beberapa rakan seperjuangan beliau. Akan tetapi melalui pertumbuhan pertubuhan-pertubuhan yang mana pengkaji dapat pertumbuhannya boleh dikatakan cepat tetapi apa yang di perjuangkan oleh mereka merupakan isu-isu secara terbuka hak-hak dan kepentingan wanita dari segi untuk mendapatkan persamaan dalam layanan dan masyarakat khasnya kaum lelaki dan jabatan-jabatan kerajaan dan swasta. Ini dapat dibuktikan melalui kejayaan yang dihasilkan oleh N.C.W.O yang baharu sahaja muncul lebih kurang satu setengah dekad kebelakangan ini. Setelah diteliti terhadap perkembangan pertubuhan-pertubuhan wanita, pengkaji dapat perjuangan dalam erti kata yang sebenarnya tidaklah melibatkan pengorbanan

setiap pertubuhan wanita yang ada di Malaysia ini, tetapi tanggungjawab tersebut dipikul oleh sebahagian daripadanya yang benar-benar mahu memperjuangkan emansipasi wanita dengan lebih serius dan tersusun.

Seperti yang telah dinyatakan di awal tadi, perjuangan wanita khususnya wanita Melayu, di dalam bidang politik baru muncul dalam tahun-tahun 1940-an atau lebih tepat lagi dalam tahun 1949. Salah satu daripada pergerakan kebangkitan semangat inilah telah membuka kaca mata wanita Melayu untuk tampil kehadapan atau aktif dalam pertubuhan-pertubuhan wanita serta mendapat manfaat melalui "berpersatuan". Peranan wanita Melayu nampak jelas buat pertama kalinya serentak dengan perkembangan politik yang mencetuskan semangat kebangsaan Melayu. Di sini kaum lelaki mula menyedari peranan yang bakal dijayakan oleh kaum wanita dalam konteks pencapaian kemerdekaan tanah air memang tidak dapat dinafikan. Ini dapat dibuktikan dalam sebuah artikel mengenai **Sejarah Ringkas Perjuangan Wanita UMNO** yang mengatakan:

"..... Pemimpin UMNO pada tahun-tahun permulaan telah memberi perangsang kepada kaum wanita untuk menggerakkan aktiviti-aktiviti politik bersama dengan kaum lelaki"³

Ekoran dari ini maka lahirlah Pergerakan Kaum Ibu UMNO yang ditubuhkan pada 25hb. Ogos, 1949. Pergerakan ini khas untuk memberi pimpinan dan sokongan kepada kaum wanita Melayu dalam pergerakan-pergerakan politik di tanah air. Hasil yang didapati daripada aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh pergerakan ini dengan penuh gigih telah membawa hasil yang berasas di mana secara langsung atau tidak telah menambahkan kesedaran yang meluas di kalangan wanita Melayu untuk menyertai bidang politik yang

sangat penting ketika itu. Setelah mencapai kemerdekaan, Pergerakan Wanita UMNO (namanya pada masa ini) terus lagi bergiat bukan sahaja di dalam lapangan politik, bahkan di dalam kerja-kerja amal dan kebajikan kemasyarakatan. Tumpuan dan motif utama selepas kemerdekaan dan sehingga ke hari ini adalah perjuangan untuk kaum wanita seluruhnya bagi mendapatkan taraf yang sama dengan lelaki di dalam beberapa bidang tertentu. Oleh itu hasrat-hasrat yang dicita-citakan itu telah disalurkan melalui kerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan wanita yang lain di Malaysia. Oleh itu tidak hairanlah kalau didapati sebilangan besar daripada pemimpin dan tokoh-tokoh pertubuhan wanita dan perwakilan wanita adalah terdiri daripada anggota-anggota Pergerakan Wanita UMNO. Sebagai contoh, Tan Sri Fatimah Hashim pemimpin Pergerakan Wanita UMNO yang telah dilantik menjadi Pengurus NCWO hingga hari ini. Begitu juga dengan lain-lain tokoh wanita seperti Datin Paduka Hajjah Aishah Ghani yang diterima sebagai anggota Suruhanjaya Taraf Wanita Bangsa-bangsa Bersatu dalam tahun 1963. Ramai lagi tokoh-tokoh wanita seperti Datin Paduka Rafidah Aziz, Datin Paduka Zaleha Ismail, Puan Sharifah Dora dan ramai lagi.

Setelah pengkaji membuat rumusan terhadap pertubuhan-pertubuhan wanita Malaysia yang berbau politik, maka tidak ketinggalan pula pengkaji cuba merumuskan hal-hal lain seperti sosial ekonomi dan sebagainya. Di awal pertubuhan-pertubuhan wanita lebih mengutamakan hal-hal semasa sahaja seperti hal-hal kebajikan wanita, kelas masak-memasak, bersukan dan sebagainya. Ini dapat dilihat dengan kemunculan pertubuhan-pertubuhan seperti persatuan hoki wanita, bolasepak wanita, badminton wanita, kelab antarabangsa wanita dan sebagainya. Akan tetapi akhirnya kesedaran timbul untuk mencapai hasrat-hasrat yang lebih serius adalah baik melalui "berpersatuan". Ini

dapat dibuktikan melalui definisi "pertubuhan" yang mana ianya diujudkan untuk mencapai matlamat-matlamat tertentu. Begitulah juga halnya dengan lain-lain pertubuhan wanita yang mana setiap aktiviti yang dijalankan mempunyai matlamat atau implikasinya. Salah satu contoh yang baik ialah pertubuhan wanita yang berbau politik. Walaupun didapati aktiviti yang dijalankan bercorak ekonomi, kepimpinan, kebajikan dan sebagainya tetapi jika diteliti ianya mempunyai motif ~~dan~~ matlamat disebalik aktiviti itu dijayakan.

Hingga ke saat ini, pengkaji dapat pertubuhan-pertubuhan wanita yang terdapat di Malaysia sangat aktif dan sangat berpengaruh sekali. Ini dapat dilihat melalui mass media-mass media yang terdapat di negara ini atau yang kita baca sendiri. Ini semuanya ujud akibat kesedaran yang mendalam di kalangan kaum wanita penting dan menfaatnya "berpersatuan" itu.

ii. Objektif Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Yang Dikaji
(Pertubuhan Sukarela dan Badan Wanita Melalui Agensi Kerajaan)
Tinjauan Secara Umum

Dalam bab I, pengkaji ada menerangkan apakah yang dimaksudkan dengan konsep dan definisi "organisasi" maka dapatlah dibuat kesimpulan bahawa penubuhan sesuatu organisasi itu ialah untuk memenuhi sesuatu tujuan atau objektif samada bertujuan peribadi (persendirian) ataupun untuk kumpulan atau masyarakat umumnya. Begitulah juga dengan penubuhan pertubuhan-pertubuhan wanita tidak lari untuk memenuhi tujuan-tujuan yang mana faedahnya akan dapat dinikmati oleh kaum wanita baik di peringkat pusat, negeri atau daerah mahupun kaum wanita di bandar atau di luarbandar.

Di dalam mengkategorikan atau untuk mengklasifikasi sesebuah pertubuhan wanita itu agak sukar dilakukan dalam menganalisa objektif-objektif mereka kerana daripada aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh mereka sangat sukar untuk dipertegaskan kepada kategori-kategori tertentu atau corak sesuatu pertubuhan itu. Ini disebabkan setiap pertubuhan wanita baik sukarela maupun badan wanita melalui agensi kerajaan ada merangkumi semua bidang atau semua aspek kegiatan seperti bidang ekonomi, sosial, pelajaran, kebajikan, ugama, kepimpinan dan sebagainya. Namun begitu masih dapat untuk membuat kategori pertubuhan-pertubuhan mereka berdasarkan kepada objektifnya dengan meninjau objektif dan fokas kegiatan mereka. Dengan ini secara amnya dapatlah dibahagikan kepada beberapa aspek iaitu ada empat: seperti sosial, ekonomi, politik dan ugama.

Daripada keseluruhan pertubuhan wanita yang dikaji didapati 57.5% terdiri daripada pertubuhan wanita sukarela, terlibat dalam aspek sosial manakala 18.75% adalah daripada Badan Wanita melalui agensi kerajaan yang terlibat dalam hal ini. Di antara pertubuhan sukarela yang terlibat dalam bidang ini ialah seperti Persatuan Wanita Universiti Malaya, Persatuan Sosial Wanita-wanita China Melaka, Persatuan Pandu Putri, Persatuan Keluarga Polis (Perkep) dan lain-lain lagi. Manakala Badan-badan Wanita melalui agensi kerajaan yang terlibat di antaranya seperti Kementerian Kebajikan Am, Kementerian Kesihatan dan NACIWID.

Penglibatan mereka di dalam aspek ini ialah tujuan utamanya untuk meningkatkan taraf hidup dan kebajikan kaum wanita yang tidak mengira bangsa dan ugama. Sejajar dengan cita-cita dan hasrat kerajaan untuk memperbaiki dan membangunkan keadaan di luarbandar supaya dapat meninggikan

taraf hidup di kawasan-kawasan tersebut. Memberi peluang kepada ahli-ahli menjalankan bersama-sama rancangan-rancangan pelajaran, sosial dan kesihatan bagi kemajuan dan kebajikan mereka, rumahtangga dan negara. Memandangkan negara kita yang terdiri daripada berbagai kaum maka pertubuhan-pertubuhan wanita sendiri memainkan peranan yang diharapkan oleh kerajaan iaitu menggalakkan persefahaman di antara wanita-wanita di bandar dan di luarbandar dan menjalinkan persahabatan di antara wanita yang terdiri dari berbilang bangsa di samping mengadakan peluang-peluang menggalakkan usaha kerjasama, bantu-membantu di antara satu sama lain.

Sesuai dengan zaman pembangunan, maka salah satu daripada tujuan ialah untuk menolong kaum wanita memainkan peranan yang lebih berkesan dalam pembangunan negara di samping kerajaan sendiri menjayakan perancangan pembangunan kepada kaum wanita khasnya kepada masyarakat dan negara. Kaum wanita juga diberi kesedaran akan peranan, hak dan tanggungjawab sebagai seorang wanita yang mana mereka jua golongan yang boleh dikatakan setanding dengan kaum lelaki terutama di zaman serba moden ini. Kaum wanita jua diberi kesedaran dan galakan agar sama-sama tampil maju kehadapan berganding bahu dengan kaum lelaki dalam menjalani kehidupan sehari-hari.

Jadi tidak hairanlah kalau sekarang ini pertubuhan-pertubuhan wanita lebih memberikan ceramah-ceramah kesedaran dari segi hak dan tanggungjawab, kursus-kursus kepimpinan, seminar-seminar dan kelas-kelas akademik yang sangat-sangat memberi faedah yang tidak dapat diukur akan nilainya itu. Selanjutnya, bertujuan untuk membela nasib kaum wanita terutama yang kurang berpendidikan dan kurang berpeluang agar tidak

tertindas oleh mana-mana golongan yang tidak bertanggungjawab. Dengan ini mereka didedahkan kepada pelbagai ilmu pengetahuan dan sebaran agar mereka tidak tertindas atau ditipu sewenang-wenangnya.

Mengadakan aktiviti-aktiviti yang selaras dengan kehendak Perlembagaan dalam usaha pencapaian matlamat sesebuah pertubuhan. Pengkaji dapati boleh dikatakan keseluruhan (100%) pertubuhan wanita samada secara sukarela ataupun badan wanita melalui agensi kerajaan menghadkan atau menghendaki menjalankan aktiviti-aktiviti yang diselaraskan dengan kehendak Perlembagaan mereka. Ini disebabkan setiap pertubuhan yang ada mempunyai perlembagaan walaupun tersendiri tetapi memberi pengertian yang sama iaitu dimestikan setiap aktiviti yang dijalankan mestilah selaras dengan kehendak ataupun kemahuan yang diharapkan oleh Perlembagaan. Tidak ketinggalan menjalinkan hubungan yang erat dengan lain-lain pertubuhan yang bertujuan sama di dalam atau di luar Malaysia serta bekerjasama dengan Kerajaan Negeri, Kerajaan Pusat dan Badan-badan Berkanun dalam perkara-perkara yang berhubung dengan kebaikan kaum wanita. Sebagai contoh di antaranya ialah Persatuan Kelab-kelab Belia Malaysia, Lembaga Kebajikan Perempuan Islam dan lain-lain lagi.

Daripada keseluruhan pertubuhan wanita yang dikaji didapati 25% terdiri daripada pertubuhan wanita sukarela terlibat dalam aspek ekonomi manakala 50% adalah daripada badan wanita melalui agensi kerajaan yang terlibat dalam hal ini. Di antara pertubuhan sukarela yang terlibat dalam bidang ini ialah seperti Petronita, Perkep, Persatuan Pandu Putri, Gerakan Persatuan Wanita Felda, NCWO dan lain-lain lagi. Manakala Badan

Wanita melalui agensi kerajaan pula seperti KEMAS, NACIWID, Perbadanan Kraftangan, Kementerian Kesihatan dan lain-lain lagi.

Penglibatan golongan wanita dalam aspek ini adalah bertujuan untuk mendapatkan wang yang bakal dijadikan sumber kewangan dalam menjayakan sesuatu projek itu. Oleh itu dijalankan kutipan derma atau apa-apa kutipan yang lain bagi faedah sesuatu pertubuhan itu. Dengan kata lain, ialah untuk meningkatkan taraf ekonomi kaum wanita di bandar maupun di kawasan luarbandar. Untuk mencapai tujuan ini diadakan berbagai kursus kemahiran, kursus perniagaan, bantuan modal dan sebagainya kepada kaum wanita yang memerlukannya. (Sila lihat lampiran IV).

Seperti yang telahpun dinyatakan di awal bab ini tadi adalah agak sukar untuk membuat penentuan atau untuk mengkategorikan sesebuah pertubuhan wanita yang telah dikaji kepada corak-corak tertentu. Ini disebabkan oleh beberapa masalah iaitu setiap pertubuhan itu didapati merangkumi kesemua aspek atau bidang kegiatan. Dari segi kajian yang dibuat hanya 2.5% sahaja yang benar-benar menjelaskannya bercorak politik iaitu Pergerakan Wanita Parti Pesaka Bumiputra Bersatu. (Sila rujuk lampiran I). Akan tetapi pada realitinya setelah dikaji dan melihat fokas aktiviti dan objektif sesebuah pertubuhan itu maka terdapat beberapa buah pertubuhan wanita yang bercorak politik walaupun pertubuhan-pertubuhan tersebut melibatkan diri dengan bidang-bidang kegiatan seperti kebajikan, ekonomi, sosial, pelajaran, ugama dan sebagainya.

Sebagai contoh ialah Pertubuhan Wanita UMNO Malaysia (dulunya sebagai Pergerakan Kaum Ibu UMNO), Pertubuhan M.C.A (Bahagian Wanita) dan

Pertubuhan M.I.C. (Bahagian Wanita). Ini dapat dibuktikan daripada ketiga-tiga buah pertubuhan itu di mana biasanya setiap masa untuk pilihanraya, setiap pertubuhan tersebut akan menghantar ahli-ahli mereka sebagai calon-calon untuk undi dalam pilihanraya. Biasanya didapati juga dan di antara golongan wanita mempopularkan diri mereka di dalam sesebuah pertubuhan yang diceburi untuk mendapat pengaruh dari ahli-ahli pertubuhannya seterusnya masyarakat. Bahkan sejak dahulu lagi Pergerakan Kaum Ibu UMNO bersama golongan nasionalisma menuntut untuk mendapatkan kemerdekaan dari pihak kolonial. Tokoh yang menonjol ketika itu seperti Khatijah Sidek, Ibu Hajjah Zain dan ramai lagi rakan seperjuangannya. Manakala sekarang ini ramai tokoh-tokoh politik wanita seperti Tan Sri Fatimah Hashim, Puan Rose Mary Chong, Datin Paduka Rafidah Aziz, Datin Paduka Senator Aishah Ghani, Puan Syarifah Dora, Puan Rahmah Osman dan ramai lagi.

Penglibatan kaum wanita yang begitu gagah dan berani di dalam lapangan politik sedikit sebanyak merintis perkembangan dan kesedaran kaum wanita agar lebih agresif berganding bahu bersama-sama dengan kaum lelaki. Penglibatan wanita dalam lapangan ini juga sedikit sebanyak menampakkan sifat kematangan kaum wanita sendiri. Melalui ini juga memberi kesempatan kepada kaum wanita umum sebagai tempat menyalurkan kehendak atau permintaan di peringkat perintah (pihak berkuasa).

Daripada keseluruhan pertubuhan wanita yang dikaji didapati 15% terdiri daripada pertubuhan wanita sukarela yang terlibat dalam aspek ugama manakala 6.3% adalah daripada badan wanita melalui agensi kerajaan yang terlibat dalam aspek ini. Tiap-tiap pertubuhan yang berlatar belakangkan

ugama yang berbeza cuba menyebarkan ajaran atau meningkatkan bilangan pengikut-pengikut melalui projek-projek yang dijalankan. Sebagai contoh kita ambil salah satu daripada pertubuhan yang aktif dalam bidang ini seperti Lembaga Kebajikan Perempuan Islam, Perkep, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia dan Pergerakan Wanita UMNO Malaysia (Pertubuhan-pertubuhan Sukarela) dan Fekra (badan wanita melalui Agensi Kerajaan). Namun begitu kalau dilihat penglibatan mereka dalam bidang kegiatan mereka (sila rujuk lampiran I dan lampiran II) didapati kesemua pertubuhan wanita sukarela dan badan wanita melalui agensi kerajaan melibatkan diri mereka dalam bidang-bidang kegiatan seperti ekonomi, politik, sosial, pelajaran, ugama dan lain-lain lagi. Lihat sahaja Lembaga Kebajikan Perempuan, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, Pertiwi dan beberapa buah lagi walaupun lebih cenderung kepada aspek ugama tetapi tidak ketinggalan juga penglibatan mereka dalam bidang kegiatan yang lain dari ugama seperti ekonomi, kebajikan, sosial, dan sebagainya.

Secara keseluruhannya pertubuhan-pertubuhan tersebut mengadakan aktiviti-aktiviti yang diselitkan dengan aspek-aspek dan pengetahuan seperti untuk mempertahankan asas perisyntiharhan hak-hak wanita-wanita Islam. Di samping itu meninggikan taraf kebajikan dan membaiki kehidupan kaum wanita dan anak-anak Islam. Cuba berikhtiar agar dapat memperbaiki perkara-perkara berkaitan dengan nikah kahwin, membantu di dalam kesusahan disebabkan oleh perceraian dan sebagainya terutama sekali kaum wanita di luarbandar. Memberi sumbangan kepada jasmani, akhlak dan rohani wanita dan anak-anak Islam. Tidak ketinggalan juga untuk menjadikannya sebagai pusat bagi menyuarakan hak-hak tertentu bagi wanita Islam mengikut Hukum Syariah dan Ugama.

BAB III

ANALISA MATLAMAT AKTIVITI-AKTIVITI UNTUK WANITA MELALUI AGENSI KERAJAAN DI MALAYSIA

Kajian telahpun dijalankan ke atas lima belas buah pertubuhan-pertubuhan wanita agensi kerajaan di Malaysia, maka pengkaji dapat berbagai bidang-bidang kegiatan telah dilaksanakan oleh pertubuhan-pertubuhan tersebut. Bidang-bidang kegiatan yang dimaksudkan adalah seperti ekonomi, pelajaran, kesihatan, kepimpinan, politik, sosial, ugama dan lain-lain.

Daripada beberapa bidang tersebut didapati bahawa bidang kebijakan adalah merupakan aktiviti yang paling dititikberatkan dalam pertubuhan-pertubuhan agensi kerajaan. Secara keseluruhannya didapati 62.5% daripada kegiatan yang telah dijalankan adalah berkaitan dengan kebijakan. Di bawah ini daripada 15 buah pertubuhan terdapat beberapa buah pertubuhan yang menjalankan bidang kegiatan kebijakan iaitu Kementerian Kebajikan Am dan Bahagian Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Kementerian Pembangunan Negara dan Luarbandar.

Pertubuhan Kementerian Kebajikan Am telah mengadakan projek-projek kegiatan seperti "Wanita Dalam Pembangunan", Bantuan Penyaraan Kanak-kanak, Perlindungan Wanita dan Gadis-gadis dan Kesejahteraan Keluarga. Objektif-objektif projek ialah untuk mencapai penglibatan wanita aktif dalam kegiatan sosio-ekonomi dengan mengadakan pusat-pusat perkhidmatan untuk di luar dan di dalam bandar, menambah pendapatan keluarga, membantu kanak-kanak supaya kanak-kanak tidak akan berpisah daripada keluarga,

mendapatkan pelajaran sebaiknya dan kasih sayang secukupnya, memupuk kemahiran dan membentuk sikap dan nilai yang sesuai dengan norma sosial bagi wanita dan gadis-gadis yang telah terdedah pada bahaya-bahaya moral dan mengukuhkan unit keluarga daripada berpecah-pecah.

Butir-butir aktiviti yang dijalankan bagi wanita dalam pembangunan ialah pusat-pusat perkhidmatan secara "community based" yang memerlukan penglibatan masyarakat keseluruhan dan wanita khasnya yang bertujuan untuk mengurangkan penghijrahan gadis-gadis ke bandar serta untuk menyesuaikan diri mereka dengan keadaan di bandar bagi yang telah berhijrah ke bandar. Bantuan Penyaraan Kanak-kanak pula telah memberi bantuan bulanan dan juga menjalankan "kqunselling" kepada ketuanya yang terlibat serta menjalankan penyeliaan kepada kanak-kanak di dalam keluarga tersebut. "Perlindungan Wanita dan Gadis-gadis" pula telah mengadakan empat buah pusat perlindungan di Semenanjung Malaysia yang boleh menampung 630 orang pada tiap-tiap satu masa. Seterusnya "Kesejahteraan Keluarga" juga mengadakan "kqunselling" dengan tujuan mendamaikan pihak yang sedang menghadapi krisis rumah tangga.

KEMAS juga telah mengadakan projek-projek kegiatan seperti "Pembangunan Keluarga" (Ekonomi Rumahtangga), karyaneka, kraftangan, Taman Bimbingan Kanak-kanak dengan objektif projek untuk mendidik wanita di luarbandar agar dapat menjalankan peranan dengan lebih berkesan lagi, memberi perkhidmatan kebajikan dan kepimpinan pada masyarakat, memberi latihan kemahiran serta menyediakan pasaran bagi barang kraftangan yang telah dikeluarkan. Bagi projek "Ekonomi Rumahtangga" di peringkat permulaan "trainers" dan pemaju masyarakat telah diberi latihan selama

ini dijalankan oleh pemaju masyarakat yang telah diberi latihan di Pusat Latihan Pembangunan Keluarga di Kementerian yang sama. Projek kraftangan ini di bawah pengawasan Penyelia Pembangunan Keluarga. Aktiviti ini adalah berkaitan dengan karyaneka yang telah dihasilkan. Projek ini dijalankan oleh Pemaju Ekonomi Rumahtangga dan Pemaju Taman Bimbingan Kanak-kanak. Projek ini tidak hanya terhad kepada kaum wanita sahaja.

Projek karyaneka telah melatih 200 orang bakal pengeluar kraftangan. Beberapa orang jurulatih telah dihantar keluar negeri untuk menjalani kursus kraftangan. Selain daripada itu beberapa ahli jawatankuasa penasihat serta Pengurus Perniagaan Karyaneka telah melawat sambil belajar ke negari-negeri Asean untuk mengkaji teknik-teknik pengeluaran, pengurusan serta pemasaran kraftangan. Di bidang pemasaran juga Pengurus Perniagaan dan kakitangan lain telah menjalankan ujian untuk menentukan kemahiran-kemahiran yang sedia ada serta jenis-jenis kraftangan yang diusahakan yang boleh dimajukan oleh projek ini. Selain dari itu satu kajian penyelidikan yang lengkap sedang dijalankan oleh sebuah syarikat penyelidikan tempatan iaitu M.I.D.F.I.C. untuk mengetahui keadaan pasaran dengan lebih lanjut dan menggubal satu rancangan perlaksanaan yang lengkap.

Lima puluh peratus daripada kegiatan keseluruhan adalah mengenai bidang kegiatan yang secara tidak langsung berbentuk ekonomi. Di antara pertubuhan-pertubuhan yang aktif dalam bidang ini ialah NACIWID dan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia. NACIWID telah mengadakan projek seperti kursus Pembangunan Usahawan Wanita dengan objektif projek untuk memberi kemahiran asas perniagaan kepada wanita selaras dengan matlamat

kerajaan untuk menjayakan Dasar Ekonomi Baru. Projek ini telah mengambil seramai 42 orang kaum wanita dari seluruh negeri yang mempunyai sedikit pengalaman perniagaan telah diberikan kursus asas perniagaan di Bukit Frazer. Kursus ini dijalankan dalam bentuk latihan "practical", ceramah dan latihan bertulis. Beberapa perkara dipelajari termasuklah motivasi, bentuk-bentuk perniagaan, teknik jualan, aspek-aspek menulis kertas kerja, bantuan infrastruktur, latihan sambil bekerja, ceramah-ceramah dan Pernas Edar, Bank Pembangunan dan lain-lain.

Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia pula telah mengadakan bidang-bidang kraftangan seperti batik, tanduk, logam (perak dan tembaga) tembikar, buluh, rotan, kayu, tenunan, anyaman dengan tujuan mengadakan latihan-latihan kemahiran ini adalah untuk melahirkan tenaga-tenaga mahir di samping itu mengujudkan usahawan-usahawan di kalangan belia-beliawanis di bidang perusahaan kraftangan. Selaras dengan matlamat dan dasar Perbadanan Kemajuan dan Kraftangan Malaysia (P.K.K.M), langkah positif diambil untuk menjayakan aktiviti-aktiviti yang dijalankan di Pusat P.K.K.M. adalah dalam bentuk latihan kemahiran di bidang kraftangan yang dapat dibahagikan kepada 4 peringkat iaitu:

1. Latihan Kemahiran
2. Latihan (Kursus) Sambilan
3. Latihan Tenaga Penganjur
4. Latihan Lanjutan

Aktiviti Latihan Kemahiran Asas akan hanya dijalankan di Pusat P.K.K.M. Cawangan Sabah dan Sarawak di mana kedua-dua pusat tersebut mempunyai kekurangan pengusaha-pengusaha kraftangan. Bagi pusat-pusat

kemajuan di Semenanjung aktiviti Latihan Lanjutan dan Sambilan akan diberi tumpuan yang sepenuhnya. Melalui latihan ini belia-beliawanis yang tamat menjalani latihan akan dapat mengusahakan kerja-kerja membuat barang-barang kraftangan secara kecil-kecilan. Aktiviti latihan sambilan pada dasarnya meliputi latihan-latihan dari segi teknikal dan bukan teknikal di mana ianya termasuk pamiran, lawatan dan kursus-kursus yang berkaitan dengan pengurusan sendiri.

Latihan lanjutan adalah merupakan projek baru, bertujuan untuk melengkapkan lagi belia-belia yang cenderung untuk menjadi pengusaha dan dari segi kemahiran dan pengalaman bagi bekas pelatih yang cenderung dan yang mempunyai pengalaman. Dengan adanya aktiviti ini usaha untuk membentuk seseorang pengusaha akan dapat dijalankan dengan lebih baik. Selepas mereka tamat usaha-usaha untuk membantu, mereka akan diteruskan. Aktiviti latihan "jurutunjuk" adalah merupakan aktiviti baru dan penyusunan program sedang disediakan. Melalui aktiviti ini P.K.K.M. akan menghantar pengusaha-pengusaha untuk mengikuti kursus atau latihan samada di dalam atau di luar negeri bagi mendalami pengetahuan dan kemahiran dalam satu-satu bidang dengan tujuan mereka yang dihantar kelak akan dijadikan sebagai tenaga pengajar kelak. Di samping itu kemahiran yang diperolehi membolehkan mereka membuka perniagaan sendiri.

Di bidang pelajaran juga tidak ketinggalan diberikan perhatian apabila didapati 43.8% daripada peratus keseluruhan daripada bidang kegiatan. Di antara pertubuhan-pertubuhan yang aktif dalam bidang pelajaran inilah Kementerian Pelajaran, Kementerian Penerangan (Bahagian Hal Ehwal Awam, Jabatan Penyiaran) dan Kementerian Penerangan (Bahagian Hal Ehwal Awam, Wisma Radio).

Kementerian Pelajaran telah mengadakan Projek Pendidikan Imbuhan dengan objektif projek untuk membantu kanak-kanak yang menghadapi masalah-masalah perbelanjaan, terutama yang kurang bernasib baik (miskin) di luarbandar. Projek ini telah dibahagikan kepada tiga komponen:

i. Komponen Pra-Sekolah (Kegiatan persediaan untuk pendidikan formal)

ii. Komponen Sekolah Rendah (Kegiatan Pemulihan)

iii. Komponen penglibatan masyarakat (merapatkan hubungan sekolah dengan masyarakat, membantu ibubapa supaya dapat membimbing anak-anak mereka di dalam pelajaran

(Ketiga-tiga komponen di atas mempunyai perkaitan yang rapat).

Mereka yang terlibat adalah kanak-kanak pra-sekolah dan sekolah rendah bawah. Juga terlibat adalah ibu-ibu dan guru-guru pra-sekolah rendah bawah.

Kementerian Penerangan (Bahagian Hal Ehwal Awam) Jabatan Penyiaran telah mengadakan rancangan majalah terbitan talivisyen Malaysia yang diberi nama KESUMA dengan diselitkan berbagai pengetahuan khususnya untuk kaum wanita dengan mengadakan "Rancangan Masakan," "Kerjatangan", "Ruang Pengguna", (Nasihat dan Pakar seperti doktor, peguam, pengguna dan sebagainya) dan "Petra Rumahtangga". Objektif rancangan-rancangan tersebut untuk memberi pengetahuan, penerangan serta tunjuk ajar dan panduan kepada penuntut-penuntut khasnya kaum wanita dalam urusan rumahtangga seperti cara-cara memasak, kerjatangan serta sedikit sebanyak petua dalam kerja-

kerja sehari-an. Di samping itu bertujuan untuk memberi pengetahuan dan panduan mengenai undang-undang dalam nikah cerai, pencen, perkahwinan, insuran, harta benda, tanah, kewarganegaraan serta masalah-masalah pengguna.

Kementerian Penerangan (Bahagian Hal Ehwal Awam), Wisma Radio telah mengadakan program seperti "Apa Khabar Puan" iaitu rancangan khas untuk wanita dengan objektif projek untuk memberi pengetahuan, pendidikan, panduan, petua-petua rumah tangga kepada suri-suri rumah tangga khasnya yang tinggal di kawasan luarbandar. Program ini dijalankan dengan cara untuk mendapatkan panduan ataupun nasihat mengenai kesihatan keluarga, bertemu ramah dengan suri rumah tangga dan juga dengan pakar-pakar kesihatan dan lain-lain. Mefeka ini juga dapat memberi panduan atau nasihat mengenai keselamatan anak-anak, penyakit-penyakit yang selalu dihadapi oleh wanita. Program ini dijalankan sekali seminggu (pada hari khamis) pukul 2.00 - 2.30 petang.

Rancangan "Pilihan Wanita" (Siaran Radio) diadakan dengan tujuan untuk memberi pengetahuan dan panduan kepada suri-suri rumah tangga. Rancangan ini dijayakan dengan memainkan lagu-lagu sukaramai serta diselitkan panduan-panduan atau petua-petua rumah tangga. Ada juga dijalankan temuramah dengan pakar-pakar kesihatan mengenai kesihatan anak-anak serta keluarga juga mengenai kebersihan rumah dan halaman rumah. Temuramah ini mengambil masa selama 5 - 7 minit. Siaran ini diadakan sebanyak 3 kali seminggu. Rancangan "Hiburan Sambil Bekerja" (Rancangan Radio) bertujuan untuk memberi hiburan serta untuk memberi panduan kepada suri rumah tangga yang tidak bekerja. Rancangan ini ditaja oleh Colgate Palmolive Malaysia Sendirian Berhad. Program ini biasanya akan menyiarkan dengan enam buah

lagu di samping itu diselitkan juga panduan atau petua rumahtangga. Siaran ini disampaikan dua kali seminggu iaitu pada hari Isnin dan Rabu pada jam 8.15 - 8.45 pagi. Kementerian Penerangan ini secara tidak langsung menyelitkan rancangan-rancangan berbentuk rekreasi seperti hiburan, teka-teki, bermadah dan sebagainya.

Bidang kesihatan pula didapati 37.5% daripada kegiatan secara keseluruhan. Di antara pertubuhan-pertubuhan yang melibatkan diri dalam bidang ini ialah Kementerian Kesihatan dan Lembaga Perancang Keluarga. Kementerian Kesihatan telah mengadakan projek-projek seperti Rancangan Kesihatan Ibu dan Kanak-kanak seperti "Risk Approach in Maternal and Child Health Care" dan Penglibatan Wanita Dalam Kesihatan Ibu dan Kanak-kanak dengan objektif projek untuk menggalakkan pembangunan keluarga yang sihat, untuk menggalakkan dan mengekalkan kesihatan ibu-ibu dalam golongan yang subur (fertility), untuk menggalakkan dan mengekalkan pembesaran dan pembangunan kanak-kanak sihat daripada kelahiran sehingga tamat sekolah.

Melalui projek "Risk Approach in Maternal and Child Health Care" (Satu projek pengesahan kes-kes bahaya dalam Jagaan Kesihatan Ibu dan Anak-Anak) bertujuan untuk mengesan Wanita dan Kanak-kanak yang mungkin berada dalam keadaan yang merbahaya yang mungkin disebabkan oleh sesuatu keadaan atau penyakit ataupun lain-lain faktor alam sekelilingnya yang membawa akibat buruk. Pengesanan "at risk" atau mereka dalam keadaan bahaya ini boleh ditujukan kepada seseorang individu ataupun segolongan daripada masyarakat. Projek ini juga menerangkan cara-cara praktik untuk menilai kadar-kadar bahaya atau "at risk" dalam individu dan kumpulan-kumpulan individu serta merangkakan strategi-strategi khas untuk mengatasinya.

Penggunaan secara maksima semua sumber-sumber yang boleh didapati termasuk golongan-golongan yang tidak dengan secara resmi terlibat dalam pemberian perkhidmatan kesihatan seperti bidan-bidan kampung adalah merupakan satu daripada tujuan projek ini.

Melalui projek "Penglibatan Wanita Dalam Kesihatan Ibu dan Anak-anak" bertujuan melibatkan secara aktif wanita-wanita dan kumpulan-kumpulan wanita dalam perkhidmatan kesihatan ibu dan anak-anak supaya dapat mereka memainkan peranan dalam meninggikan taraf kesihatan diri sendiri, anak-anak serta keluarga mereka. Ini adalah selaras dengan Rancangan Malaysia Keempat, kesihatan keluarga di mana sambutan dan penglibatan masyarakat adalah diberi tekanan. Dengan ini pendidikan dan nasihat mengenai kesihatan dapat disampaikan ke peringkat keluarga dan dimajukan oleh keluarga sendiri melalui ahli-ahlinya ataupun golongan-golongan wanita tertentu.

Di dalam menjayakan "Rancangan Kesihatan Ibu dan Kanak-kanak", Kementerian Kesihatan mempastikan ibu-ibu mengandung dan yang sedang menyusukan anak mengekalkan kesihatan mereka serta mencapai taraf kesihatan yang memuaskan supaya ibu-ibu menikmati "kelahiran biasa" dengan selamat dan melahirkan bayi-bayi sihat. Strategi yang telah dirancangkan ialah:

- i. Jagaan "antenatal" secara berkesan
- ii. Pendidikan kesihatan untuk membolehkan ibu-ibu memperolehi sikap dan perbuatan-perbuatan positif sebagai sumbangan untuk mengekalkan kesihatan mereka.
- iii. Kelahiran oleh kakitangan terlatih

iv. Jagaan "post-natal" secara berkesan

v. Perkhidmatan Perancang Keluarga untuk menjarakkan kelahiran anak demi kesihatan ibu dan anak-anak

Aktiviti-aktiviti tersebut disediakan dan dijalankan khas bagi ibu-ibu:

Jagaan ibu-ibu mengandung:

- a. Pendaftaran dan mengambil tahu perihal kesihatan ibu
- b. Pemeriksaan "klinikal" termasuk rujukan kepada pegawai pembantu dan pergigian
- c. Pemeriksaan makmal (air kencing, darah untuk haemoglobin, penyakit VD, ujian kehamilan)
- d. Suntikan dengan "Tetanus Toxoid" untuk mencegah penyakit kancing dagu bayi
- e. Pendidikan kesihatan misalnya berkenaan dengan makanan, jagaan semasa mengandung, perancang keluarga
- f. Rujukan ibu-ibu yang didapati mempunyai komplikasi atau berada dalam bahaya kepada pakar-pakar
- g. Pemberian makanan tambahan kepada ibu-ibu yang didapati memerlukannya mengikut kriteria yang ditetapkan seperti mereka yang berkurangan zat makanan, mempunyai anak ramai dan sebagainya.

- h. Lawatan ke rumah secara biasa dan bagi ibu-ibu dalam golongan "prioriti".

Perkhidmatan Bersalin Di Rumah:

- a. Memilih ibu-ibu yang didapati boleh bersalin di rumah mengikut kriteria yang ditetapkan
- b. Menjalankan perkhidmatan bersalin di rumah
- c. Merujukkan kes-kes dengan komplikasi semasa atau selepas bersalin

Jagaan "Pos-natal" (Selepas Bersalin):

- a. Jagaan di rumah untuk semua kelahiran khasnya kelahiran di rumah
- b. Pemeriksaan "pos-natal" ibu-ibu di klinik
- c. Rujukan ibu-ibu dengan komplikasi selepas bersalin

Perancang Keluarga:

- a. Pemilihan penerima-penerima
- b. Pemeriksaan penerima untuk faktor-faktor bahaya
- c. Pendidikan kepada ibu-ibu berkenaan faedah keluarga yang dirancang dari segi kesihatan ibu dan anak
- d. Pemberian kontraseptif
- e. Pemeriksaan lanjutan penerima-penerima setiap tahun
- f. Nasihat kepada penerima-penerima yang mempunyai masalah dan rujukan kepada doktor apabila perlu

g. "Pup-smear" untuk kes-kes tertentu

h. Ujian kehamilan apabila perlu

Bagi "Projek Pengesanan Kes-kes Bahaya Dalam Jagaan Kesihatan

Ibu dan Anak-anak" dimulakan di Daerah Krian, Negeri Perak yang pada awalnya suatu kajian "baseline" secara mendalam telah dijalankan untuk mengetahui masalah-masalah ibu-ibu dan anak-anak khasnya dari segi kesihatan. Pengesanan masalah ibu dan anak-anak dipastikan setelah meneliti kepentingan beberapa kajian iaitu Kajian Kad-kad Kesihatan Ibu-ibu dan Anak-anak, Kajian Mobiliti (penyakit wanita) yang menyebabkan wanita datang ke hospital atau ke pusat kesihatan, kajian sebab-sebab kematian wanita dan penyiasatannya, dan kajian "household" (di rumah) di mana wanita telah disoal-selidik untuk mengetahui kesedaran, pengetahuan, tabiat-tabiat terhadap kesihatan, penyakit dan masalah-masalah yang dihadapinya.

Berasaskan kepada ini, beberapa masalah didapati di kalangan wanita dan kanak-kanak. Di antara masalah-masalah wanita ialah kadar kematian ibu-ibu bersalin yang masih tinggi, kes-kes bersalin oleh bidan kampung yang tidak terlatih (lebih daripada 40%), sakit pucat (kekurangan darah/anaemia), masalah-masalah tekanan darah tinggi samada mengandung dan lain-lain. Juga didapati bahawa wanita-wanita kurang menggunakan klinik-klinik kerajaan dan lebih tertarik kepada cara-cara perubatan dan perbidanan tradisional.

Beberapa strategi kemudiannya dirangkakan untuk mengatasi masalah-masalah yang dikesangkan. Di antaranya ialah:

a. Melatih semua kakitangan kesihatan khasnya jururawat dan bidan-bidan, berkenaan masalah wanita dan kanak-kanak dan faktor-faktor bahaya yang menyebabkan kesihatan mereka terjejas

b. Melatih 96 orang bidan kampung di daerah lain yang

masih mengadakan perkhidmatan perbidanan supaya

mereka dapat mengenal dan mengetahui kes-kes bahaya

yang tidak boleh disambut oleh mereka. Di samping

itu juga bidan-bidan dilatihkan untuk mengenal

faktor-faktor atau keadaan-keadaan bahaya bagi

wanita-wanita dan merujukkan mereka ke pusat-pusat

kesihatan. Terdahulu kepada ini kajian telah di

jalankan untuk mengetahui amalan-amalan bidan

kampung dan mereka ditegaskan supaya jangan meneruskan

amalan-amalan yang membahayakan wanita dan kanak-

kanak.

c. Panduan-panduan telah disediakan untuk membimbing doktor-

doktor, jururawat-jururawat dan bidan-bidan mengenai

caracara rawatan, penjagaan dan "follow-up" yang di

perlukan bagi sesuatu masalah, misalnya "turun darah"

selepas bersalin, "anaemia" dan sebagainya.

d. Rancangan pendidikan untuk masyarakat diaturkan supaya

mereka menyedari keadaan-keadaan bahaya dan datang

segera ke klinik untuk rawatan. Juga penglibatan

masyarakat khasnya wanita dalam rancangan-rancangan kesihatan dan bagaimana boleh mereka sendiri meninggikan taraf kesihatan mereka ditekankan.

Satu lagi rancangan iaitu "Penglibatan Wanita Dalam Kesihatan Ibu dan Anak-anak" telah dimulakan dengan kajian asas yang dijalankan di Mukim Kuang, Ulu Selangor. Kemudahan-kemudahan kesihatan serta sumber-sumber yang didapati dari masyarakat yang boleh memainkan peranan dalam perkhidmatan kesihatan ibu dan anak-anak seperti kumpulan-kumpulan wanita, guru-guru dan sebagainya diasingkan. Bersama ini juga kemudahan-kemudahan masyarakat yang boleh digunakan untuk aktiviti-aktiviti kesihatan ditentukan seperti balairaya, surau-surau dan rumah-rumah persendirian.

Kakitangan kesihatan akan melatih wanita, individu atau ahli-ahli kumpulan wanita dalam aspek-aspek kesihatan supaya mereka diberi pengetahuan yang lebih mendalam mengenai kesihatan diri, anak-anak dan keluarga mereka. Dengan ini dapatlah mereka menyampaikan pengetahuan mereka kepada keluarga dalam kampung masing-masing. Beberapa aktiviti dijalankan terhadap masyarakat. Misalnya, menunjukkan cara-cara memasak makanan seimbang, makanan bagi ibu-ibu mengandung, makanan untuk bayi-bayi dan kanak-kanak dan sebagainya. Diharapkan pendidikan kesihatan ini akan dijadikan sebagai aktiviti-aktiviti biasa kumpulan wanita seperti perkumpulan perempuan.

Projek ini juga menjalankan klinik-klinik kesihatan bagi wanita dan kanak-kanak di kampung-kampung dengan menggunakan kemudahan tempatan masyarakat. Wanita dipilih untuk membantu dalam aktiviti-aktiviti ini

seperti menimbang berat kanak-kanak, mengaturkan sessi untuk kanak-kanak pra-sekolah, menjalankan pendidikan dan "demonstration" makanan, kesihatan dan lain-lain. Ini adalah selaras dengan tujuan projek iaitu untuk mengawal keadaan kesihatan dan pemakanan kanak-kanak "toddler" dan pra-sekolah yang biasanya tidak datang ke klinik kesihatan. Ini akan juga membantu dalam projek pengawasan pemakanan atau "nutrition surveillance" yang sedang dirancangkan.

Bidang kegiatan sosial yang didapati ialah 18.8% daripada kegiatan agensi-agensi kerajaan secara keseluruhan. Di antara pertubuhan-pertubuhan yang aktif dalam bidang ini ialah NACIWID dan unit Penyelarasan dan Perlaksanaan (U.P.P.) Badan ini telah mengadakan projek-projek lawatan dan pertemuan dengan pemimpin-pemimpin dan wanita di peringkat kampung, daerah, negeri bagi dalam negeri serta lawatan keluar negeri (Korea Selatan). Objektif projek bagi lawatan-lawatan ahli NACIWID di dalam negeri ialah untuk mengawal masalah wanita itu sendiri dan mengeratkan hubungan NACIWID dengan kaum wanita. Manakala lawatan ke Korea Selatan ialah untuk mempelajari cara-cara yang dijalankan oleh Kerajaan Korea Selatan dalam menjayakan kegiatan pembangunan masyarakatnya melalui konsep "Saemuel Undang;"

Pada 12 - 15hb. September, ahli-ahli NACIWID telah membuat lawatan pertama ke negeri Sabah untuk menemui pemimpin-pemimpin dan wanita di Sandakan, Kota Kinabalu dan Keningau. Ahli-ahli NACIWID juga akan menemui pemimpin-pemimpin wanita negeri Kelantan pada awal bulan Disember 1981.

Dari segi bidang kepimpinan didapati 12.5% daripada kegiatan agensi kerajaan secara keseluruhan. Di antara pertubuhan yang berkaitan dengan

bidang ini ialah Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan (K.K.B.S.) telah mengadakan projek Latihan Khusus Kepimpinan Wanita. Ianya bertujuan untuk menimbulkan keyakinan pada diri peserta untuk menjadi pemimpin yang progresif, membolehkan peserta berkomunikasi dengan semua peringkat masyarakat serta melatih peserta merancang, melaksanakan dan menilai kemajuan tugas yang dipertanggungjawabkan. (Pertubuhan ini tidak menyatakan butir-butir aktivitinya).

Akhir sekali di dalam penganalisaan pengkaji, didapati 6.3% juga merupakan lain-lain bidang kegiatan daripada kegiatan keseluruhan. Sekali lagi NACIWID telah memainkan peranan dalam aspek ini dengan menjalankan penyelaras projek program penyelidikan dan penerbitan NACIWID di mana di antaranya ialah:

1. Mengkaji dan menyelaraskan aktiviti wanita yang dijalankan oleh agensi-agensi kerajaan dan badan-badan sukarela wanita
2. Menyelaras kajian "access of women to science", Education, Training and Associated Careers" yang dijalankan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia
3. Menyelaraskan projek Kanita iaitu projek penyelidikan kanak-kanak dan wanita yang dijalankan oleh Universiti Sains Malaysia
4. Menyediakan lapuran penganalisaan kepada Lapuran Interim, "Income Generating Skills for Women, 1978

5. Menyediakan satu bibliografi wanita bagi kegunaan dalam dan luar negeri
6. Menyediakan skrip dan penggambaran bagi filem dokumentasi mengenai wanita dalam pembangunan
7. Menerbitkan "profile wanita" satu buku penerangan mengenai wanita dalam semua sektor pembangunan
8. Menerbitkan "Wartanita" buletin NACIWID
9. Menyediakan "package programme" (slide) mengenai wanita

Di antara objektif-objektif projek ialah untuk melengkapkan NACIWID dengan matlamat yang lengkap agar dapat bertindak dengan berkesan sebagai penasihat kerajaan dan penyelaras antara kerajaan dengan badan-badan sukarela wanita. Melengkap NACIWID dengan matlamat-matlamat yang boleh membantu merangka dasar-dasar untuk wanita, menyebarkan matlamat kepada kaum wanita mengenai peluang-peluang yang terbuka bagi mereka melibatkan diri dalam pembangunan negara. Juga bertujuan untuk menjayakan satu pusat penerangan kebangsaan mengenai wanita. Demi menjayakan rancangan-rancangan tersebut maka projek-projek penyelidikan dan penerbitan ini dijalankan samada oleh NACIWID sendiri, ataupun oleh mana-mana badan penyelidik seperti Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Pertanian Malaysia, Universiti Malaya dan juga lain individu-individu tertentu.

Kesimpulannya pengkaji dapati bahawa seperti yang sedia maklum bahawa pertubuhan-pertubuhan wanita adalah diharapkan supaya dapat menyusun

dan melaksanakan rancangan yang boleh memberi faedah kepada kaum wanita di samping memberi nasihat dan tunjuk ajar yang berguna. Melalui konteks ini maka beberapa daripada objektif dan matlamat yang terdapat di dalam penganalisaan ini yang meliputi aspek-aspek sosio-ekonomi, kesihatan, kepimpinan, politik, pelajaran dapatlah dirumuskan bahawa di dalam aspek pencapaian matlamat melalui aktiviti dan projek yang telah dijayakan memang tidak dapat dinafikan akan kejayaannya.

(i)
Sumber Kewangan Bagi Pertubuhan Agensi Kerajaan

Kewangan merupakan faktor penggerak kepada segala projek yang hendak dilaksanakan. Bagi pertubuhan-pertubuhan agensi kerajaan, sumber kewangan pada keseluruhannya setelah dikaji didapati lebih kurang 69% pertubuhan-pertubuhan tersebut menerima bantuan penuh kerajaan sedangkan yang selebihnya mendapat bantuan daripada lain-lain badan di samping bantuan kerajaan. Di antaranya ialah Lembaga Perancang Keluarga mendapat sumber kewangan daripada Jabatan Perdana Menteri dan Bank Dunia bagi menjalankan projek pengubatan penyakit barah, pemandulan dan baka.

Kementerian Kesihatan, Kementerian Pertanian pula pernah dibayai oleh World Health Organisation (W.H.O.) atau Pertubuhan Kesihatan Sedunia sebanyak US\$20,000/- bagi projek-projek yang hendak dijalankan. Pertubuhan Kementerian Pelajaran dibiayai oleh Yayasan Van Leen, Hollan berjumlah \$1 juta bagi membayar gaji pegawai-pegawai dan peruntukan pelajaran. Risda pula mengenakan yuran kepada ahli-ahli sebanyak \$20 - \$0.50 seorang tiap-tiap bulan bagi mendapatkan wang.

KEGIATAN WANITA AGENSI KERAJAAN

A.

Bidang Kegiatan	Peratus Keseluruhan (%)
	50.0
1. Ekonomi	43.8
2. Pelajaran	62.5
3. Kebajikan	37.5
4. Kesihatan	12.5
5. Kepimpinan	12.5
6. Sosial	18.8
7. Rekreasi	6.3
8. Ugama	12.5
9. Lain-lain	25.0

B.

Projek Kegiatan	Peratus Keseluruhan (%)
1. Ceramah/kursus	25.0
2. Seminar Bengkel	12.5
3. Pertanian	6.3
4. Lawatan	25.0
5. Latihan	37.5
6. Kemahiran	33.3
7. S. R. Tangga	33.3
8. Seni Hiburan	12.5
9. Seni Wanita	6.3
10. Bina Klinik	12.5
11. Khidmat Nasihat	37.5
12. Taman Kanak-kanak	12.5
13. Penerbitan Buku	6.3
14. Bantuan Kemudahan	18.8
15. Rawatan	12.5
16. Penerbitan Filem (Dokumentasi)	18.8
17. Ternakan	6.3
18. Pamiran	6.3
19. Lain-lain	12.5

C.

Sumber Kewangan	Peratus (%)
1. Bantuan Kerajaan	68.8
2. Bantuan lain	25.0

Sumber: Lapuran kepada Ahli-ahli Jawatankuasa Penyelidikan
Dan Penerbitan NACIWID Mengenai Maklumat Kegiatan
Wanita
Disediakan oleh: URUSETIA NACIWID

BAB IV

ANALISA AKTIVITI PERTUBUHAN-PERTUBUHAN SUKARELA WANITA DI SEMENANJUNG MALAYSIA (40 buah Pertubuhan)

Seterusnya dari kajian yang telah dijalankan ke atas 40 buah (sila rujuk lampiran I) Pertubuhan Sukarela Wanita di Malaysia, didapati juga berbagai-bagai bidang yang telah dijalankan oleh pertubuhan-pertubuhan tersebut,. Bidang-bidang kegiatan yang dimaksudkan seperti ekonomi, pelajaran, kesihatan, kepimpinan, politik, sosial, rekreasi, ugama dan lain-lain.

Daripada beberapa bidang tersebut didapati bahawa bidang pelajaran merupakan aktiviti yang paling dititikberatkan. Secara keseluruhan didapati 77.5% daripada kegiatan yang telah dilaksanakan adalah berkaitan dengan pelajaran (education). Di bawah ini dijelaskan beberapa pertubuhan daripada 40 buah pertubuhan tersebut yang mengadakan kegiatan mengenai pelajaran. Di antaranya ialah Pertubuhan Wanita Universiti Malaya, Pertubuhan Tindakan Wanita Islam (Pertiwi) dan Malaysian Ceylonese Congress.

Pertubuhan Wanita Universiti Malaya, Kuala Lumpur telah mengadakan program-program akademik melalui ceramah bulanan, Taman Asuhan dan Didikan Kanak-kanak, Universiti Malaya (TADIKUM), Tayangan Wayang Gambar, Bilik Bacaan Wanita dan Seminar Wanita dan Undang-undang dengan objektif untuk memberi khidmat pengetahuan, memberi kesedaran dan kebaikan kepada ahli, untuk menyediakan sebuah pusat asuhan dan didikan kanak-kanak yang memuaskan bagi anak-anak ahli persatuan yang kebanyakannya ialah kakitangan Universiti Malaya sendiri, untuk menambah dan mengumpul buku-buku yang berkaitan dengan

wanita, serta untuk memberi kesedaran kepada kaum wanita Malaysia akan hak-hak dan kewajipan mereka di sini undang-undang.

Di antara tajuk-tajuk ceramah bulanan yang telah diberikan ialah penyakit barah, hak pengguna, didikan kanak-kanak, wanita dari segi undang-undang, cara penulisan dan lain-lain. Tadikum kerap digunakan sebagai sumber penyelidikan dan penyelidikan oleh Fakulti Perubatan dan Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya. Bayaran bulanan untuk seorang kanak-kanak ialah \$60/-. Ini digunakan untuk membayar gaji guru-guru dan membiayai taman asuhan itu. Wayang yang ditayangkan ini selalunya dipinjam dari Kedutaan-kedutaan asing. Bilik tayangan, projektor dan kakitangan berkaitan adalah dipinjamkan oleh Universiti Malaya. Di antara wayang-wayang gambar yang telah ditayangkan ialah "Women On The March", "Margaret Mead", "Hong Kong", dan lain-lain. Bilik Bacaan wanita bertempat di Rumah Universiti di Kampus. Setakat ini kumpulan buku-buku masih kurang bilangannya. Bagi Seminar Wanita dan Undang-undang ini kelak akan diikuti dengan sekim melawat ke serata Wilayah Negeri untuk memberi matlamat lanjut.

Pertubuhan Tindakan Wanita Islam (Pertiwi) pula mengadakan projek-projek seperti kemudahan perpustakaan, kemudahan pendidikan pra-sekolah, biasiswa dan pelajaran, projek anak angkat Pertiwi dan Pusat Rekreasi kanak-kanak dengan objektif untuk menggalakkan semangat gemar membaca di kalangan kanak-kanak dan wanita, mengadakan kelas tabika dan tadika untuk kanak-kanak di peringkat pra-sekolah, memberi bantuan kepada penuntut-penuntut di Pusat Pengajian Tinggi, untuk membiayai perbelanjaan

sekolah kanak-kanak miskin dan anak-anak yatim yang maju dalam pelajaran tetapi tidak mendapat bantuan daripada mana-mana pihak dan mengadakan projek-projek kemudahan pelajaran dan rekreasi yang berfaedah kepada kanak-kanak.

Pertiwi mengadakan perpustakaan di Ibu Pejabat Pertiwi untuk ahli-ahli serta anak-anak ahli pertiwi. Pertiwi juga mengadakan perkhidmatan perpustakaan desa di mana terdapatnya projek Pertiwi. Pertiwi juga telah membuka sebuah Pustaka Kanak-kanak di Masjid Kolej Islam, Jalan Universiti, Petaling Jaya. Bagi kelas-kelas tabika dan tadika telah dikelolakan samada oleh Pertiwi sendiri atau dengan kerjasama Kemas ataupun Persatuan Belia tempat masing-masing. Kelas ini dijalankan samada di Masjid di Dewan Serbaguna atau di Balai Raya. Sehingga kini Pertiwi mempunyai 4 buah tadika iaitu Tadika Pertiwi di Masjid Kolej Islam, Jalan Universiti, Petaling Jaya, di Kampung Kuantan, Kuala Selangor, Selangor, di Shah Alam, di Sungai Nibong Besar, Pulau Pinang. Tiap-tiap kelas terdapat seramai 25 - 30 orang kanak-kanak. Bagi program sekim biasiswa digunakan untuk membantu murid-murid yang kurang mampu untuk membayar yuran peperiksaan S.R.P. sebanyak \$15/- dan yuran peperiksaan S.P.M. sebanyak \$100/- juu yuran penggal untuk penuntut di Pusat Pengajian Tinggi. Projek Anak Angkat Pertiwi pula dengan memberi bantuan kewangan sebanyak \$30/- sebulan kepada murid-murid sekolah menengah dan \$20/- sebulan kepada murid-murid sekolah rendah. Bantuan ini diberi hingga tamat tingkatan 5 (S.P.M.). Pusat rekreasi kanak-kanak ini mempunyai kemudahan-kemudahan tadika, sebuah perpustakaan dan tempat untuk menjalankan kerja-kerja kreatif yang akan mendorong kanak-kanak menjalankan kegiatan serta aktiviti-aktiviti

yang akan memupuk tabiat gemar membaca, menyemai semangat ingin mengetahui dan mengasah bakat yang sedia ada pada mereka. Pusat ini akan dilengkapkan dengan bahan-bahan bacaan untuk pengetahuan umum dan bakat-bakat lain untuk rekreasi yang secara tidak langsung akan menggalakkan kanak-kanak menggunakan fikiran mereka.

Manakala pertubuhan Malaysian Ceylonese Congress pula mengadakan projek-projek seperti kursus kepimpinan, kelas tambahan, Taman Asuhan Kanak-kanak, dan forum dengan objektif untuk membantu wanita dari keturunan Sri Lanka khasnya, dalam pembangunan di negara ini, untuk membantu ibu-ibu yang bekerja dengan menjaga anak-anak mereka dan untuk memberi pengetahuan kepada wanita-wanita.

Kursus kepimpinan yang dijalankan oleh pertubuhan ini telah menjemput beberapa orang penceramah untuk memberi ceramah dalam beberapa aspek. Kursus ini dijalankan sekali dalam tempoh 3 bulan. Kelas tambahan pula ini diberi dengan percuma dan diadakan di rumah guru itu sendiri. Forum dijayakan dengan menjemput penceramah-penceramah untuk memberi ceramah undang-undang perkahwinan.

Bidang kegiatan kedua yang dititik beratkan ialah bidang sosial apabila didapati 57.5% daripada projek kegiatan pertubuhan secara keseluruhan. Di antara pertubuhan-pertubuhan yang terlibat dalam bidang ini ialah Persatuan Pandu Putri Malaysia, Persatuan Sosial Wanita China Melaka dan Bakat (BAKAT).

Persatuan Pandu Putri Malaysia telah mengadakan projek-projek seperti pertukangan tangan dan perusahaan kecil tempatan, menjahit,

mendandan rambut, khidmat-khidmat masyarakat, operator dan lain-lain dengan objektif untuk menolong terutamanya kepada anak-anak gadis dari dalam dan luarbandar dalam mencari pekerjaan setelah tamat pengajian, supaya mempunyai kesedaran dan merapatkan hubungan sesama ahli dan juga masyarakat amnya.

Demi menjalankan projek-projek tersebut, latihan telah diberikan dalam cara menanam, menternak anak-anak ayam dan diberikan pengetahuan mengenai baja-baja, ubat-ubat serangga dan perkakas-perkakas kegunaan juga disediakan. Anak-anak gadis boleh dihantar untuk dilatih dalam menggunting dan menjahit baju. Latihan diberikan kepada mereka yang berminat dalam bidang jururawat, operator talipon di waktu cuti sekolah. Mereka dapat membantu dalam kerja-kerja dihospital dan klinik-klinik apabila diperlukan.

Melalui Persatuan Social Wanita-wanita China Melaka kita dapat projek-projek seperti Hari Wanita, Pertandingan (memasak, mengubah bunga, nyanyi) dan membuat lawatan-lawatan ke rumah-rumah orang tua dengan objektif untuk memberi kesedaran kepada kaum wanita supaya menyedari kedudukan, peranan, tanggung-jawab mereka dalam masyarakat, meningkatkan taraf kemahiran dalam berbagai aspek serta memberi peluang kepada kaum wanita mengambil bahagian dalam kerja-kerja amal dan aktiviti-aktiviti sosial.

Dalam menjayakan program pertandingan-pertandingan, peserta peserta mendaftarkan diri, jawatankuasa menetapkan tarikh, tempat dan cara-cara program ini. Memberi hadian-hadiah kepada peserta-peserta yang berjaya. Bagi rancangan lawatan ke rumah orang-orang tua, ahli-ahli

jawatankuasa mengadakan kutipan wang dan memberi hadiah atau menyediakan "ang pow" kepada orang-orang tua. Lawatan ini dijalankan setiap tahun. Mengadakan satu himpunan ahli-ahli kemudian menawarkan biasiswa untuk menjayakan sekim bantuan biasiswa kepada yang kurang mampu. Dalam merayakan Hari Wanita pada setiap tahun di antara bulan Ogos dan September dengan mengadakan jamuan makan di restoran atau dewan serta acara-acara hiburan seperti tarian, nyanyian dan cabutan nombor bertuah. Seterusnya bagi projek-projek lawatan dengan mengadakan perbincangan butir-butir tempat lawatan, perbelanjaan setiap ahli, menyediakan senarai pendaftaran dan bas sewa khas. Jawatankuasa telah menetapkan bagi lawatan ke Singapura dan Kuala Lumpur.

Bakat pula mengadakan projek-projek seperti nyanyian choir, muzik, tarian, jahitan dan kerjatangan, hiasan dan gubahan bunga, lawatan dan masakan dengan tujuan untuk menyatukan ahli-ahli persatuan, meningkatkan mutu cara menyanyi, untuk hiburan, kesenian dan untuk membina sikap keyakinan pada diri sendiri. Di samping itu untuk memahami asas-asas alat muzik, bermain alat muzik kulintang, angklung, mempelajari tarian asli dan kebudayaan Melayu, meninggikan mutu jahitan dan kerjatangan yang dipilih, mempelajari cara-cara menghias rumah dengan beberapa gubahan bunga yang istimewa, meluaskan ilmu pengetahuan ahli-ahli dan untuk bersukaria dan meninggikan mutu masakan yang ada pada ahli-ahli Bakat.

Bagi nyanyian secara "choir" suara 1, 2 dan 3 lagu bercorak keaslian dan ketenteraman dan juga hiburan sahaja. Untuk alat-alat muzik pula di bahagikan kepada 2 kumpulan di mana kumpulan 1, bermain alat

kulintang dan kumpulan 2, pula bermain alat angklung. Dari segi tarian diajar tarian zapin, tarian joget dan tarian luang. Kelas jahitan dan kerjatangan diajar untuk membuat sulaman, cross stitch, smoking, membuat bunga dan reben, oil painting dan batik printing. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan bagi projek hiasan dan gubahan bunga seperti membuat bunga dengan reben, gubahan bunga ike bana dan gubahan bunga gaya bebas. Bakat jua membuat aktiviti lawatan ke gudang-gudang di kawasan Petaling Jaya dan lawatan muhibbah ke tempat yang sanggup menerima mereka. Bagi projek masakan aktiviti-aktiviti yang dijalankan seperti mengadakan macam cara membuat "pastry", pertandingan masakan kuih dan lauk, hiasan lauk-lauk dan ukiran buah-buahan dan sayur-sayur.

Bidang seterusnya ialah dari segi kebajikan di mana didapati 47.5% daripada projek keseluruhan pertubuhan-pertubuhan yang dikaji adalah berkaitan dengan kebajikan. Di antara pertubuhan-pertubuhan tersebut yang melibatkan diri dari segi ini ialah Badan Amal dan Kebajikan Isteri-isteri (Bakti), Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak, Persatuan Wanita dan Isteri Lembaga Letrik Negara (Pelitawanis) dan Persatuan Keluarga Polis (Perkep).

Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (P.P.W.S.) telah mengadakan Pendidikan Awal Kanak-kanak, Pertukangan tangan, Tahun Antarabangsa Orang-Orang Cacat, Pembangunan Masyarakat, Jamuan, Bimbingan dan latihan dengan objektif untuk memperbaiki kesihatan penduduk di luarbandar, meringankan kerja-kerja kaum wanita yang berjalan berbatu-batu untuk mendapatkan bekalan air bagi keluarga mengadakan berbagai kemudahan

dan latihan terutama kepada kaum wanita, menggalakkan ahli-ahli memberi bantuan kepada orang-orang cacat sempena Tahun Antarabangsa Orang-orang Cacat, di samping memberi kesedaran tentang keadaan orang-orang supaya dapat membaiki gaya hidup terutama bagi ahli-ahli di luarbandar, memberi latihan, kemahiran dan kebolehan kepada ahli-ahli serta membolehkan kanak-kanak 3 - 5 tahun bercampur antara satu sama lain dalam masa dan keadaan yang membina rohani dan jasmani mereka.

Kanak-kanak di kelas-kelas taman kanak-kanak telah diberi peluang membaca, menulis dan menghitung dengan cara tidak formal, bermain, menyanyi membuat kerjatangan dan melukis. Ahli-ahli pertukangan tangan di seluruh negari digalakkan membuat barang-barang pertukangan tangan tradisional dan barang-barang baru yang menggunakan seni pertukangan lama. Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (P.P.W.S.) menolong ahli-ahli yang berminat untuk mengikuti latihan dalam beberapa jenis kraftangan Malaysia, cawangan Sarawak. Kursus-kursus pendek pertukangan tangan diadakan juga oleh P.P.W.S. bagi ahli-ahli di bahagian-bahagian. Setengah dari bahan-bahan yang digunakan juga boleh didapati di P.P.W.S. Hasil pertukangan tangan ini dijual kepada P.P.W.S. yang kemudiannya menjual pula kepada badan-badan yang berkenaan seperti Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, Majlis Kesenian Sarawak dan orang perseorangan. Tempahan-tempahan ada juga diterima daripada orang ramai.

Aktiviti-aktiviti yang dijayakan projek bagi Tahun Antarabangsa Orang-orang Cacat di mana Jawatankuasa Kerja P.P.W.S. telah mendapat bantuan dari beberapa orang dermawan di Sarawak yang akan membayar dan

dua buah tandas curah bagi dua orang lelaki buta berserta sebuah rumah kecil telah diluluskan oleh Pejabat Kemajuan Negeri Sarawak atas permintaan P.P.W.S. Manakala ahli-ahli di seluruh negeri sedang giat menjalankan berbagai usaha untuk mendapatkan wang yang bertujuan untuk membeli alat mesin membuat acuan telinga bagi kanak-kanak pekak. Ahli-ahli dalam daerah Kuching, Sarawak telah menderma pakaian bagi kepada 41 orang kanak-kanak khususnya peserta-peserta koir (kanak-kanak cacat dan tidak cacat) diupacara pelancaran Tahun Antarabangsa Orang-orang Cacat di Sarawak.

Ahli-ahli P.P.W.S. yang mahu mendapatkan bekalan air di kampung-kampung mereka akan memberitahu Pengelola/Kawasan yang akan menyampaikan permintaan itu kepada Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan kerana sekarang Jabatan itu menjaga hal ini. Apabila telah dibuat kajian awal Jabatan itu akan memberitahu P.P.W.S. tentang jenis dan anggaran perbelanjaan membina bekalan air di kampung itu. Jika sekiranya belum ada peruntukan kerajaan bagi projek itu, ahli-ahli P.P.W.S. akan cuba mendapatkan wang yang dikehendaki dengan cara memungut tiap-tiap bulan dari semua keluarga di kampung itu, ini dibuat jikalau dipersetujui oleh penduduk kampung itu. Setelah mendapat sebahagian dari anggaran perbelanjaan yang dikehendaki, P.P.W.S. akan sekali lagi mencuba mendapatkan baki wang yang masih kurang dari Jabatan Perubatan dan Kesihatan atau Pejabat Kemajuan Negeri. Kadang-kadang baki itu dapat diberi dari derma yang diterima oleh P.P.W.S. dari Persatuan Wanita Desa Sedunia. Selalunya Kerajaan memberi perhatian yang tinggi dan bantuan kepada projek-projek yang telah berjaya mendapatkan sebahagian dari anggaran perbelanjaan yang perlu. Kerja-kerja teknikal membina

bekalan air itu dijalankan oleh kakitangan Jabatan Perubatan dan Kesihatan, manakala kerja-kerja lain seperti menebas, menggali dan lain-lain menyediakan sedikit minuman dan kuih untuk pekerja-pekerja sebagai penghargaan. Setelah siap pembinaan, suatu jawatankuasa kampung ditubuhkan untuk menjaga bekalan air itu.

Kerja-kerja menyediakan jamuan dijalankan di Ibu Pejabat dan bahagian masing-masing. Selalunya ahli-ahli mengambil kerja menyediakan jamuan minuman sahaja tetapi adakalanya mereka menyediakan jamuan makan tengah hari ataupun malam. Ahli-ahli membuat kuih dan masakan sendiri. Perkakas pinggan mangkok dan sebagainya adalah disediakan sekali dan ahli-ahli sendiri yang mengatur hidangan di majlis jamuan tersebut. Bagi projek program dan latihan pula di mana bagi kursus bimbingan telah diajar kepada ahli-ahli tentang makanan dan pemakanan, menjaga dan mendidik anak, masakan kesihatan, mengatur pembelanjaan, pergerakan koperasi, kepimpinan perancang keluarga, pendidikan pengguna, pertolongan cemas dan ceramah-ceramah berkenaan rancangan pembangunan, dan tugas-tugas jabatan kerajaan. Manakala untuk kursus latihan diadakan kelas-kelas latihan pertukangan tangan, jahitan, kait-mengait, bercucuk tanam, memelihara ayam dan ikan, mengatur bunga dan kelas taman kanak-kanak.

Persatuan Wanita dan Isteri L.L.N. (Pelitawanis) mengadakan program-program kebajikan kepada keluarga L.L.N. terutama bagi golongan yang berpendapatan rendah seperti perpustakaan untuk kanak-kanak L.L.N., kelas-kelas masak-memasak, jahit-menjahit dan pekerjaan tangan. Tidak ketinggalan temasya sukan diadakan 2 kali setahun dengan tujuan untuk

memberi peluang membaca kepada kanak-kanak L.L.N. Tambahan pula pada masa ini kerajaan menggalakkan pembacaan di kalangan kanak-kanak di negara kota ini. Dengan mengadakan sebuah perpustakaan di L.L.N. kanak-kanak di Lembaga ini terutama dari golongan berpendapatan rendah akan terjamin keselamatan mereka dan ibubapa tidak harus khuatir tentang keselamatan diri anak-anak mereka, serta bertujuan untuk menyatu-padukan semua isteri-isteri L.L.N. dari golongan atas dan bawah dan pekerja-pekerja wanita dari golongan atas dan bawah di samping memperolehi pengalaman.

Perpustakaan yang diadakan itu terletak di Ibu Pejabat L.L.N. Jumlah ahli ialah seramai 421 orang dengan jumlah buku sebanyak 6,969 buah. Perpustakaan ini adalah diuntukkan untuk kanak-kanak iaitu anak-anak L.L.N. Tentang kelas-kelas tersebut diadakan sekali dalam tempoh 2 minggu. Kelas ini juga dibahagikan kepada "Social Committee". "Social Committee" ini terbahagi kepada jawatankuasa-jawatankuasa kebajikan, sosial dan lain-lain. Mereka berjumpa dengan ahli-ahli dan menjalankan kegiatan kelab di bahagian mereka sebanyak sekali dalam 2 minggu. Bagi kegiatan sukan pula akan diadakan dengan semua cawangan 2 kali setahun seperti badminton dan bola jaring.

Persatuan Keluarga Polis (Perkep) telah mengadakan program untuk memberi pengetahuan dan tunjuk ajar kepada ahli-ahli dan keluarga di samping memberi khidmat kebajikan kepada ahli-ahli seperti kursus sivik, kelas masakan, jahitan, pertukangan tangan, lawatan-lawatan kebajikan, kueh hari raya, tadika dengan tujuan untuk menggalakkan peranan berbaik-baik dan semangat persaudaraan di kalangan ahli-ahlinya, menambahkan

pengetahuan am dan meluaskan pandangan ahli-ahlinya menyediakan kemudahan-kemudahan bagi pertukangan-pertukangan tangan, ilmu rumah tangga, pelajaran kesihatan, penjagaan sebelum dan selepas bersalin dan merancangkan keluarga.

Kursus sivik dijalankan dengan bantuan dari Jabatan Penerangan Wilayah. Di sini syarahan telah diberikan kepada ahli-ahli dan keluarga seperti syarahan ugama, dadah, saham nasional dan sejarah Malaysia. Kelas-kelas seperti memasak, jahitan, ugama, pertukangan tangan dan sukan diadakan dengan percuma. Guru-guru yang mengajar adalah dengan cara sukarela. PERKEP juga mendapat bantuan dari Kemas untuk menjalankan kelas-kelas tersebut dengan percuma. Tadika didirikan untuk anak-anak polis. Di pusat ini juga terdapat sebuah tadika yang mempunyai 2 buah kelas dan 2 orang guru.

Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-isteri (Bakti) juga membuat khidmat bakti bagi kepentingan rakyat dan negara dengan mengadakan projek seperti tayangan perdana dengan tujuan untuk mengutip derma bagi pertubuhan-pertubuhan orang-orang cacat di Malaysia. Tayangan perdana itu berjodol "The Empire Strikes Back" yang ditayangkan pada 30hb. Jun 1981 di panggong Cathay, Kuala Lumpur. Filem ini didapatkan dengan percuma dari Syarikat Perfileman. Jualan tiket bernilai \$20.00 bagi tempat khas di atas (reserved), \$5.00 dan \$3.00 bagi tempat-tempat duduk di bawah. Bakti juga berjaya mendapatkan derma secara langsung dari para-para dermawan melalui surat-rayuan yang terhad.

dapati 30% daripada keseluruhan bidang kegiatan. Di antara pertubuhan tersebut ialah Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO) dan "Young Women Christian Association" (YWCA). N.C.W.O telah mengadakan berbagai bidang kegiatan seperti Perayaan Hari Wanita, Seminar menderma mata, Pestaria N.C.W.O, lawatan menyediakan memorandum rancangan 5 tahun N.C.W.O dengan objektif untuk memberi peluang kepada ahli-ahli gabungan N.C.W.O berkenalan antara satu sama lain dengan lebih mesra dan juga merapatkan hubungan antara satu sama lain, menyedarkan ahli-ahli akan faedah-faedah berkenaan Tisu Malaysia dan untuk mendidik mereka mewariskan mata mereka setelah mereka meninggal kelak, mengutip wang dan memberi peluang kepada badan-badan gabungan untuk berjumpa dan berkenalan antara satu sama lain, memberi pengetahuan yang lebih jelas tentang berbagai pekerjaan di Jabatan-jabatan dan Agensi-agensi dan untuk bertindak dengan lebih positif dalam semua sektor dan bahagian bagi membantu kerajaan mencapai matlamat negara.

Hari Wanita telah disambut di peringkat kebangsaan dan peringkat negeri. Tema Hari Wanita pada tahun 1981 ialah "Kewajipan dan tanggungjawab pertubuhan-pertubuhan wanita dalam pembangunan negara dan kemajuan rakyat Malaysia". Hari Wanita pada tahun ini diadakan pada 25hb. Ogos, 1981 di Dewan Bandaraya, Kuala Lumpur, di mana memorandum rancangan 5 tahun N.C.W.O diedarkan kepada wakil-wakil gabungan. Dengan kerjasama MAB, N.C.W.O, telah mengadakan seminar bertajuk "Menderma Mata". Dengan lulusnya Akta Tisu Malaysia oleh Parlimen 1974, telah membolehkan doktor-doktor menjalani pemindahan bahagian anggota dan tisu. Ia juga telah membolehkan seorang menderma matanya selepas meninggal dunia untuk membolehkan orang-orang buta melihat kembali. Borang khas untuk menderma mata telahpun diedarkan pada hari seminar tersebut.

Pestaria telah berlangsung pada 24hb. Ogos, 1980 dan hasil daripadanya sejumlah \$67,000/- telah terkumpul. Kewangan ini telah diperolehi dari jualan tiket-tiket pestaria dan kewangan ini telah diperolehi dari jualan tiket-tiket Raffles.

Rancangan Lima Tahun N.C.W.O tertumpu kepada perkara-perkara berikut seperti pelajaran, peluang-peluang bagi wanita menceburkan diri dalam semua bidang terutama di peringkat membuat keputusan dan dasar dan pekerjaan bagi orang-orang cacat. Bagi program lawatan telah diadakan secara berperingkat-peringkat seperti lawatan ke Bilik Gerakan Negara, Jabatan Perdana Menteri, Pusat Penyelidikan Getah, "Experimental Station" dan Sirim.

YWCA (Pulau Pinang) telah mengadakan projek-projek seperti "Projek Batu Lancang", Bengkel mengenai orang-orang cacat, Bengkel Berita, Sambutan "Diamond Jubilee Besar" (1980), "World YWCA Small Industries Management Workshop" Bangladesh, Pusat kegiatan untuk kanak-kanak yang berumur di antara 6 hingga 14 tahun (Activity Centre) dan Pusat Peluang Terbuka (Opportunity Centre). Projek-projek tersebut dijalankan dengan tujuan untuk memberi peluang kepada kanak-kanak dari golongan berpendapatan rendah agar dapat menghadiri kelas bimbingan kanak-kanak, menolong wanita-wanita di kawasan tersebut supaya dapat bekerja sendiri (tidak semestinya makan gaji) untuk mengambil tindakan yang positif bagi menghindarkan masalah kecacatan, mengadakan satu suasana yang dapat menarik ahli-ahlinya belajar dan menyedari dari kecil bertukar-tukar matlumat bahawa mereka juga mempunyai potensi dan pada masa yang sama mempelajari kemahiran yang baru yang dapat menolong

ini (1921) mengutip wang untuk kegunaan kegiatan dan program YWCA yang sedang berjalan terutama di dalam kegiatan pembentukan kepimpinan di kalangan wanita dan gadis-gadis, supaya mereka akan menjadi seorang yang bertanggungjawab di rumah dan juga terhadap masyarakat seluruhnya, membuka satu jalan bagi persatuan-persatuan sukarela mencapai maksud mereka untuk berbakti kepada orang-orang cacat, memberi peluang kepada wanita-wanita agar dapat mempelajari selok-belok pengurusan, bekerjasama di antara satu sama lain dan juga mencenderungkan mereka semula kepada kemahiran pertukangan tangan secara tradisional dan masak-memasak secara tradisional (menggunakan tangan). Di samping itu ditekankan juga tentang peranan penting seorang pekerja untuk membolehkan rancangan pertubuhan bengkel industri kecil di peringkat gabungan pertubuhan YWCA di Malaysia, untuk mencungkil bakat-bakat di kalangan kanak-kanak serta membentuk dan membimbing mereka supaya mempunyai sifat kepimpinan, bekerjasama dan lain-lain sifat dan kemahiran terpuji.

Bagi menjayakan "Projek Batu Lanchang" telah diadakan kelas untuk mengajar sukanan pelajaran peringkat pra-sekolah kepada kanak-kanak membuka kelas yang mengajar jahit-menjahit, masak-memasak dan juga pekerjaan tangan yang lain. Bagi menjayakan projek bengkel mengenai orang-orang cacat yang bertajuk "Prevention of disability is our responsibility" yang dijalankan selama 3 hari berturut-turut. Bermacam-macam program telah diaturkan seperti ceramah, perbincangan oleh ahli-ahli penan dan majlis soal jawab. Setiap gabungan YWCA di galakkan menghantar seramai 3 orang ahli dan dikenakan bayaran pendaftaran sebanyak \$5/- dan \$55/- untuk bayaran makan dan tempat tinggal. Bengkel berita pula diadakan

selama 3 hari berturut-turut juga. Setiap gabungan YWCA digalakkan menghantar 3 orang wakil, mereka ini juga dikenakan bayaran pendaftaran sebanyak \$5/- seorang. Hanya 30 orang ahli sahaja yang digalakkan mengambil bahagian. Program-program yang telah disediakan seperti forum yang bertajuk "Telling Your Story", majlis komunikasi, nyanyian dan lain-lain.

Perancangan untuk menjalankan projek "sambutan Diamond Jubilee Besar" memakan masa selama 3 bulan untuk menjayakan projek untuk satu Jawatankuasa Besar Pengurusan ditubuhkan "Task Force" oleh kumpulan-kumpulan kecil yang bertanggungjawab terhadap setiap bahagian, di dalam projek ini. Pengambilan wanita perseorangan secara sukarela untuk memberi sumbangan seperti barang-barang makanan, kerjatangan, kewangan dan juga bantuan tenaga. Berhubung juga dengan badan-badan sukarela yang ada berkaitan dengan perkhidmatan orang-orang cacat. Pengumpulan wang untuk menjalankan projek ini melalui pembukaan sebuah "bazaar" yang menjual bermacam-macam kuih dan kerjatangan di peringkat antarabangsa. Semasa "World YWCA Small Industries Management Workshop Bangladesh" dijalankan telah diadakan juga ceramah, perbincangan, lawatan, lawatan sambil belajar, tunjuk ajar dan juga pameran membuat kerjatangan yang telah dianjurkan oleh pertubuhan-pertubuhan yang mengambil bahagian. Penganalisaan telah juga dibuat ke atas industri kecil YWCA Bangladesh di samping mengadakan temuramah dengan gadis-gadis dan wanita yang sedang menjalani kursus latihan dan seterusnya dengan mereka yang telah habis menjalani latihan tersebut di atas.

Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia dan Ilmu Hisab yang dijalankan setiap petang Sabtu (2.30 - 6.00 petang). Menguruskan kegiatan rekreasi seperti sukan, permainan di dalam rumah, khemah kepimpinan dan lawatan ke tempat-tempat yang menarik. Memberi perkhidmatan perpustakaan kecil di kawasan pusat untuk menggalakkan kanak-kanak untuk membaca. Tidak ketinggalan juga mengadakan perkhidmatan "mini library".

Seterusnya salah satu lagi bidang kegiatan yang diberi perhatian ialah bidang ekonomi di mana didapati 25% merupakan daripada bidang kegiatan secara keseluruhan. Di antara pertubuhan-pertubuhan yang bergerak aktif dalam lapangan ini ialah Persatuan Isteri-isteri Kakitangan dan Kakitangan Wanita Petronas (Petronita), Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) dan Gerakan Persatuan Wanita (GPW) Felda.

Petronita telah menjalankan kegiatan ekonomi seperti Gerakan Koperasi, perjualan barang-barang dapur dan alat-alat perumahan, jualan barang-barang dengan objektif projek memberi kemudahan membeli barang-barang dan alatan-alatan dapur secara koperasi dengan harga yang lebih murah dan membantu ahli-ahli mendapatkan barang-barang tertentu di masa perayaan seperti daging pada hari raya dan lain-lain. Gerakan Koperasi berjalan lancar sebagai kegiatan bulanan dan sebagai kegiatan khusus dalam masa-masa menyambut hari-hari perayaan seperti Hari Raya dan Tahun Baru China. Barang-barang dibeli secara borang dari pembekal-pembekal tertentu dan dijual pada ahli-ahli dengan harga yang lebih murah dari harga runcit biasa.

M.T.U.C. pula melaksanakan aktiviti jualan semua aspek wanita dan juga melaksanakan program ekonomi untuk pekerja-pekerja wanita seperti mengadakan "walkathon" dengan tujuan untuk mendapatkan wang agar projek-projek lain dapat dilaksanakan. Hasil daripada projek ini, wang dapat dikumpul berjumlah \$14,000/-. G.P.W. Felda juga mengaturkan pelbagai projek untuk memberi perkhidmatan kepada ahli-ahli G.P.W. dan seterusnya kepada masyarakat rancangan seperti mengadakan projek ekonomi dengan tujuan untuk meninggikan taraf ekonomi dan sosial wanita di rancangan Felda.

Di bidang kegiatan pula didapati 12.5% daripada kegiatan secara keseluruhan. Di antara pertubuhan-pertubuhan yang terlibat ialah Perkumpulan Guru-guru Wanita Sabah, Perkhidmatan Kaum Wanita Kristian (W.S.C.S.) dan Negeri Sembilan Family Planning Association. W.S.C.S. telah mengadakan projek-projek yang berkaitan dengan kesihatan di samping lain-lain aspek dengan tujuan untuk pembangunan wanita dan kanak-kanak di sekeliling gereja dan masyarakat. Melalui klinik-klinik dan pusat-pusat kesihatan, Ibu-ibu diajar mengenai kebersihan dan zat-zat makanan. Kursus jangka panjang dan pendek bagi kelas masakan, jahitan, kraftangan, jagaan kanak-kanak dan lain-lain diadakan juga oleh persatuan ini. Kursus-kursus tersebut dijalankan digereja-gereja. Peserta-peserta kursus ialah dari kawasan estet-estet getah dan kelapa sawit. Pra-sekolah, kelas "nursery" pusat penjagaan kanak-kanak dijalankan di kawasan luarbandar. Mereka yang tidak diberi kemudahan-kemudahan seperti buku-buku sekolah, uniform, yuran "tuition" dan kenderaan ke sekolah. Ini diberikan kepada mereka

yang bersekolah (pra, rendah dan menengah) sahaja. Bimbingan mengenai kegunaan wang, jimat cermat dan yang berkaitan juga diadakan. Lawatan-lawatan ke hospital, rumah orang-orang tua dan rumah kanak-kanak cacat juga diadakan.

Negeri Sembilan Family Planning Association mengadakan projek "Planned Parenthood Women's Development Project" untuk menimbulkan satu kesedaran di kalangan penerima-penerima wanita, ahli-ahli sahabat dan orang-orang awam tentang pentingnya membaiki keadaan kebajikan keluarga. Diadakan kelab-kelab bagi menerangkan keadaan hidup berkeluarga di samping memberi tunjuk ajar mengenai pemakanan, (makanan seimbang) ibu-ibu mengandung dan sebagainya.

Perkumpulan Guru-guru Wanita Sabah juga menjalankan program-program mengenai kesihatan dengan tujuan untuk memperbaiki taraf kesihatan kebersihan rumahtangga penjagaan anak-anak kecil, ibu-ibu mengandung dan kesihatan keluarga masing-masing. Rancangan ini dijalankan dengan menjemput jururawat dan doktor untuk memberi ceramah dalam kesihatan dan kebersihan rumahtangga.

Lima belas peratus daripada kakitangan keseluruhan adalah bidang ugama di antara pertubuhan-pertubuhan yang terlibat ialah Persatuan Bekas Mahasiswa Timur Tengah (Seksi Wanita), Persatuan Keluarga Polis (Perkep) dan Pergerakan Wanita PBB Sarawak, Malaysia. Persatuan Bekas Mahasiswa Timur Tengah (Seksi Wanita) telah mengadakan projek-projek untuk mengujudkan, sebuah tadika Islam, mengeluarkan buku-buku panduan ugama Islam dan ceramah-ceramah ugama dengan tujuan untuk memberi

pendidikan asas kepada kanak-kanak Islam dalam mengenal Allah, Rasul dan cara-cara hidup sebagai seorang Islam, menyampaikan matlumat-matlumat yang benar dan betul kepada wanita-wanita Islam tentang Islam dan hubungannya dengan wanita dan menyampaikan pelajaran dan kefahaman Islam masyarakat wanita Islam.

Tadika Islam masih dalam perancangan. Masalah yang dihadapi ialah tidak mempunyai tempat dan bangunan yang sesuai untuk mendirikan tadika tersebut. Cawangan tempat untuk mendirikan tadika buat masa ini ialah di Kajang atau Bangi atau kawasan-kawasan yang berhampiran dengan Universiti Kebangsaan Malaysia. Tajuk-tajuk buku yang akan dikeluarkan ialah berkaitan dengan Islam dan wanita. Buku-buku dijangka siap pada pertengahan 1982. Harga sebuah dijangka di antara \$3.00 - \$4.00. Buku-buku tersebut akan dicetak oleh percetakan yang dipunyai oleh salah seorang anggota Persatuan. Siri-siri ceramah pula diadakan 2 minggu sekali. Ceramah-ceramah tersebut disampaikan oleh pensyarah-pensyarah tanpa bayaran.

Persatuan Keluarga Polis (Perkep) telah memberi pengetahuan dan tunjuk ajar kepada ahli-ahli dan keluarga serta memberi khidmat kebajikan kepada ahli-ahli dengan mengadakan kelas-kelas ugama untuk menambahkan pengetahuan tentang keugamaan dan meluaskan pandangan ahli-ahlinya. Kursus-kursus sivik dijalankan dengan bantuan dari Jabatan Penerangan Wilayah. Di sini, syarahan-syarahan ugama telah diberikan kepada ahli-ahli dan keluarga. Kelas-kelas ugama juga diadakan dengan percuma. Guru-guru yang mengajar adalah dengan cara sukarela Perkep

dengan percuma.

Pergerakan Wanita PBB Sarawak, Malaysia juga telah mengadakan kelas-kelas ugama untuk memberi khidmat kebajikan kepada ahli-ahli PBB (butir-butir tidak diberikan)

Sepuluh peratus adalah mengenai bidang kegiatan kepimpinan daripada kegiatan secara keseluruhan. Di antara pertubuhan-pertubuhan yang terlibat ialah Persatuan Kelab-kelab Belia Malaysia (MAYC) dan Pertubuhan Wanita Sabah (Pewasa). MAYC telah memberi bimbingan kepada ahli-ahli Wanita MAYC khasnya dan wanita-wanita tempatan amnya, untuk menjadi pemimpin-pemimpin wanita yang gigih, bertanggungjawab, berdisiplin, berharmoni dan sebagainya. Maka MAYC telah mengadakan kursus-kursus kepimpinan Hal Ehwal Wanita MAYC Kebangsaan 1981/82, Kursus Pimpinan Belia 1981 dan Kursus Sivik 1981 dengan tujuan untuk melengkapkan beliawanis dengan kebolehan kemahiran-kemahiran tertentu seperti kecekapan pengurusan kebolehan berpidato dan untuk menjadi pemimpin-pemimpin wanita dan bertanggungjawab, memberi latihan dan memimpin belia-belia gabungan MAYC dalam mentadbirkan sesebuah persatuan belia dengan lebih mengujudkan perpaduan di kalangan belia berbilang kaum dan juga melahirkan konsep percaya kepada diri sendiri serta memberi kefahaman tentang dasar-dasar kerajaan dengan lebih jelas lagi agar pemimpin-pemimpin belia di kelab dapat menyampaikan segala rancangan Kerajaan kepada ahli-ahli, mereka yang masih muda dan baru sahaja keluar dari sekolah.

Seminar Hari Wanita diadakan pada 12.9.1981, Kursus Kepimpinan Hal Ehwal Wanita 1981/82 diadakan dan 7.12.1981 hingga 9.12.1981, Kursus

Pimpinan Belia diadakan pada 14.11.1981 hingga 19.11.1981 manakala kursus sivik pula diadakan pada satu tarikh yang belum ditetapkan (antara bulan April/Mei 1981). Beberapa penceramah telah dijemput untuk memberi ceramah dari pelbagai aspek. Selain dari ceramah, diadakan juga pamiran serta pertandingan-pertandingan kerjatangan seperti pertandingan menjahit menggunakan tangan atau mesin, pertandingan masakan, gubahan buah-buahan dan sayur-sayuran tempatan dan pertandingan alat-alat hantaran pengantin.

Pertubuhan Wanita Sabah mengadakan program kepimpinan Orientasi Kepimpinan untuk wanita-wanita luarbandar dengan tujuan untuk mengajar wanita-wanita di luarbandar cara-cara menyambut dan melayan tetamu di jamuan-jamuan, supaya isteri-isteri pegawai kerajaan di luarbandar lebih cenderung mengambil bahagian dalam perkhidmatan-perkhidmatan dan kegiatan masyarakat, serta untuk wanita-wanita di luarbandar lebih mengambil berat di dalam pekerjaan suami mereka, kawan-kawan dan masyarakat di sekeliling. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan seperti mengadakan ceramah-ceramah, tayangan wayang gambar, demonstrasi dan bengkel-bengkel.

Rumusan

Adalah agak sukar untuk membuat penentuan atau untuk mengkategorikan sesebuah pertubuhan wanita yang telah dikaji kepada corak-corak tertentu. Ini disebabkan setiap pertubuhan wanita itu didapati merangkumi kesemua aspek atau bidang kegiatan. Dari kajian yang dibuat hanya 2.5% sahaja

yang secara jelas menyatakan bercorak politik iaitu Pergerakan Wanita Parti Pesaka Bumiputera Bersatu. (Sila rujuk Lampiran I)

Akan tetapi pada hakikatnya setelah dikaji dan melihat fokas aktiviti dan objektif sesebuah pertubuhan wanita sukarela yang bercorak politik walaupun pertubuhan-pertubuhan tersebut melibatkan diri dengan bidang-bidang kegiatan seperti kebajikan, ekonomi, sosial, pelajaran, ugama dan sebagainya. Pertubuhan-pertubuhan tersebut adalah Wanita M.C.A. Wanita M.I.C. dan Pertubuhan-pertubuhan Wanita UMNO Malaysia. Ingin dijelaskan di sini agak sukar bagi pengkaji untuk menganalisa bidang kegiatan yang dijalankan berbentuk politik kerana seperti yang telah dinyatakan diawal tadi bahawa penglibatan aktiviti mereka secara keseluruhannya merangkumi aspek kebajikan, sosial, ekonomi, pelajaran dan sebagai. Pengecualian dalam hal ini adalah bagi Pertubuhan Pergerakan Wanita Perkasa Bumiputera Bersatu Sarawak yang secara jelas ada menegaskan kegiatan yang bercorak politik dengan mengadakan kursus-kursus politik untuk memberi kesedaran politik kepada kaum wanita khususnya kepada ahli-ahli mereka sendiri di samping memberi khidmat kebajikan.

Di bawah ini disertakan dua jadual untuk menjelaskan lagi kedudukan peratusan bidang kegiatan yang dipelopori oleh Pertubuhan Sukarela Wanita dan satu lagi jadual untuk menjelaskan projek-projek kegiatan yang dijalankan oleh pertubuhan-pertubuhan tersebut.

1. Kebajikan
2. Sosial
3. Pelajaran
4. Ekonomi
5. Organisasi
6. Kebudayaan
7. Kesejahteraan
8. Keseimbangan
9. Kesehatan
10. Keterlibatan

JADUAL A

Bidang Kegiatan Pertubuhan Sukarela Wanita

No.	Bidang Kegiatan	Peratus (%)
1.	Ekonomi	22.5
2.	Pelajaran	77.5
3.	Kebajikan	47.5
4.	Kepimpinan	12.5
5.	Politik	2.5
6.	Sosial	57.5
7.	Rekreasi	12.5
8.	Ugama	10.0
9.	Lain-lain	30.0

Perhatian: 40 buah pertubuhan = 100%

JADUAL B

Projek Kegiatan Pertubuhan Sukarela Wanita

No.	Projek	Peratus (%)
1.	Seminar/Bengkel	35.0
2.	Lawatan	32.5
3.	Tadika	25.0
4.	Seni Rumahtangga	25.0
5.	Ceramah	22.5
6.	Latihan	22.5
7.	Bantuan Kemudahan	17.5
8.	Pungutan Derma	15.0
9.	Kemahiran	15.0
10.	Terbitan	12.5
11.	Bantuan Derma	12.5
12.	Taman Asuhan Kanak-kanak	15.0
13.	Sambutan Perayaan	12.5
14.	Perpustakaan	7.5
15.	Sukan	7.5
16.	Seni Hiburan	7.5
17.	Seni Wanita	7.5
18.	Khidmat Nasihat	7.5
19.	Rawatan	5.0
20.	Lain-lain	30.0

(ii)
Sumber Kewangan Bagi Pertubuhan-pertubuhan Sukarela Wanita Di Semenanjung Malaysia

Setelah pengkaji menganalisa ke atas 40 buah pertubuhan sukarela wanita, dapatlah dibahagikan kepada tiga bahagian utama untuk menyenangkan lagi penganalisaan seterusnya:

- a. Dari Pihak Kerajaan
- b. Berbentuk Sukarela
- c. Bantuan Bukan Dalam Bentuk Wang

(Segala projek yang disebutkan dalam bahagian ini dalam menghuraikan dari sektor mana pertubuhan tersebut mendapat bantuan kewangan sila rujuk Bab IV)

a. Bantuan Kewangan Dari Pihak Kerajaan

Sumbangan dari pihak Kerajaan ini dapat pula dibahagikan kepada empat bahagian yang lebih kecil iaitu dari luar negeri, Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan dan Pentadbiran/Majikan. Dari keempat kategori itu didapati pertubuhan-pertubuhan sukarela lebih banyak mendapat bantuan kewangan dari Kerajaan Persekutuan di mana didapati 22.5% secara keseluruhan-nya. Apa yang dimaksudkan dengan bantuan dari pihak Kerajaan Persekutuan ialah pertubuhan-pertubuhan sukarela telah mendapat bantuan kewangan dari Kerajaan Persekutuan. Di antara pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita yang mendapat bantuan dari Kerajaan Persekutuan ialah Pertubuhan Gerakan Belia 4B, NCWO, Pertiwi dan beberapa buah lagi.

Bagi pertubuhan Gerakan Belia 4B Malaysia dalam menjayakan projek pertandingan hasil kerjatangan dan pameran yang mana memerlukan

perbelanjaan sebanyak \$3,500/- telah mendapat bantuan separuh dari Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan. NCWO juga mendapat bantuan dari Kerajaan (tetapi tidak menyatakan dengan jelas dari Kementerian mana mereka mendapat bantuan sumber kewangan itu). Pertiwi pula dalam menjayakan projek Perpustakaannya telah mendapat bantuan daripada Kementerian Kebajikan Am (tetapi tidak menyatakan berapa jumlah sebenarnya).

Diikuti pula sumbangan atau bantuan dari pihak pentadbiran/majikan yang mana secara keseluruhannya didapati 20% yang diterima oleh pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita. Pentadbiran/majikan bererti pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita yang mendapat bantuan dan sokongan dari pihak majikan dan pentadbiran/pengurusan masing-masing. Di antara pertubuhan yang mendapat bantuan dari pihak pentadbiran/majikan mereka ialah seperti Petronita, Perkep, Pelitawanis dan lain-lain lagi.

Petronita di dalam menjayakan projek mereka telah mendapat bantuan sumber kewangan dan beberapa kemudahan dari pihak majikannya iaitu Petronas.

Perkep juga dalam menjayakan projek-projek mereka telah mendapat bantuan kewangan dan Tabung Polis (majikannya). Pelitawanis juga telah mendapat bantuan kewangan dari majikan mereka iaitu Lembaga Letrik Negara.

Sumbangan seterusnya ialah dari pihak Kerajaan Negeri yang mana secara keseluruhannya didapati 5% yang diterima oleh pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita. Apa yang diertikan dengan bantuan kewangan dan kerajaan negeri bererti kerajaan di negeri masing-masing yang memberikan sumber peruntukan bagi pertubuhan anak negerinya. Dari 40 buah pertubuhan

sukarela yang dikaji didapati hanya dua sahaja pertubuhan yang mendapat bantuan dari Kerajaan Negeri masing-masing iaitu Persatuan Wanita Sabah (Pewasa) dan Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak. Pewasa dalam menjayakan projek Pusat Menjaga Anak bukan sahaja mendapat dari Kerajaan Negeri semata-mata tetapi juga bantuan dari Yayasan Sabah. Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak dalam menjayakan Projek Pekerjaan Tangan telah mendapat bantuan \$5,000/- dari Yayasan Sarawak.

Akhirnya yang mendapat bantuan dalam Kerajaan ini adalah sumber kewangan yang didapati dari luar negeri. Didapati hanya sebuah sahaja (2.5%) pertubuhan yang mendapat bantuan dari luar negeri iaitu Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak. Apa yang difahamkan dengan bantuan kewangan dari luar negeri iaitu bantuan yang diterima selain dari negara kita Malaysia. Didapati Agensi Pembangunan Antarabangsa Sarawak telah menyumbangkan sebanyak \$5,606.25 kepada pertubuhan dari Sarawak ini dalam menjayakan projeknya iaitu Kelas Taman Kanak-kanak.

b. Sumber Kewangan Yang Didapati Hasil Dari Kerja-Kerja Secara Sukarela

Sumber kewangan yang didapati oleh Pertubuhan-pertubuhan Sukarela Wanita hasil dari kerja-kerja secara sukarela dapat pula dibahagikan kepada enam bahagian lagi iaitu, hasil dari pungutan derma, pungutan dari yuran, dari pertubuhan sendiri, dari luar negeri/antarabangsa, dari Pertubuhan Antarabangsa sendiri dan dari hasil jualan.

Dari sumber kewangan hasil dari kerja-kerja sukarela ini didapati hasil dari kutipan yuran merupakan sumber kewangan yang penting

sekali di dalam menjayakan projek-projek mereka di mana secara keseluruhannya didapati 47.5% pertubuhan-pertubuhan sukarela yang mengutip yuran dari ahli-ahli mereka untuk membiayai projek yang di jayakan ataupun sekurang-kurangnya dapat membantu membiayai projek di samping bantuan sumber kewangan dari pihak lain.

Di antara pertubuhan-pertubuhan sukarela yang mengutip yuran dari ahli persatuan mereka ialah Kelab Wanita Antarabangsa (WIC) yang mengutip sebanyak 50 sen seorang dari ahlinya, Pertubuhan Perkhidmatan Kaum Wanita Keristian (W.S.C.S.) dan Persatuan Wanita Kementerian Luar Negeri.

Tidak ketinggalan juga sumber utama kewangan bagi pertubuhan sukarela adalah hasil dari pungutan derma di mana secara keseluruhannya didapati 42.5% adalah datangnya dari pungutan derma bagi menjayakan projek-projek mereka. Pungutan derma ini adalah dalam bentuk mengutip derma dari swasta, orang perseorangan, hasil dari tayangan wayang gambar, pasaria, jamuan makan malam, pertandingan nyanyian dan lain-lain lagi.

Di antara pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita yang menjalankan kegiatan pengutipan derma bagi membiayai projek-projek mereka seperti BAKTI, Persatuan Sosial Wanita-wanita China Melaka (1971), YWCA dan lain-lain lagi. BAKTI untuk membiayai beberapa projek yang telah dirancangkan oleh mereka telah mengadakan satu projek Tayangan Perdana yang mana hasil kutipan derma dari jualan tiket berjumlah \$488,980.73 serta mendapat derma hasil dari buku cenderamata. Persatuan Social Wanita-Wanita China

dari orang ramai. YWCA pula telah mendapat derma dari badan-badan sukarela (tetapi tidak nyatakan dari pihak mana).

Tidak kurang pentingnya bantuan dari pertubuhannya sendiri atau masing-masing bagi pertubuhan sukarela untuk membiayai projek-projek mereka di mana secara keseluruhannya didapati 27.5% adalah dari pertubuhan sendiri. Di antara pertubuhan-pertubuhan masing-masing ialah Persatuan Pandu Putri Malaysia, Persatuan Keluarga Polis (Perkep) dan Young Women Christian Association of Malaysia (Pulau Pinang).

Dalam menjayakan projek-projeknya Persatuan Pandu Putri telah mendapat mengatasi masalah kewangannya dengan mendapat bantuan kewangan dari pertubuhannya sendiri. (Tidak nyatakan berapa jumlahnya) Perkep juga mendapat bantuan kewangan dari Tabung Polis dalam menjayakan projek-projeknya. YWCA juga telah mengeluarkan bantuan kewangan untuk pertubuhannya sebanyak \$4,000/- bagi "Projek Batu Lancang," Bengkel mengenai Orang-orang Cacat sebanyak \$600/- dan "Projek Bengkel Berita" sebanyak \$500/- dari tujuh buah gabungan YWCA.

Pertubuhan-pertubuhan sukarela dalam menjayakan projek telah juga menjalankan operasi perniagaan demi untuk mendapatkan keuntungan agar dapat membiayai projek-projek yang dirancangkan. Secara keseluruhannya didapati 7.5% pertubuhan sukarela menjalankan kegiatan begitu untuk mengatasi masalah kewangan. Di antara pertubuhan sukarela yang menjalankan kegiatan sedemikian ialah Perkep, NCWO dan Gerakan Persatuan Wanita Felda.

Perkep telah mengadakan kutipan wang melalui perniagaan seperti menjual kuih-muih, jahitan dan pertukangan tangan. NCWO begitu juga

dengan Persatuan Wanita Felda telah menjual barang-barang untuk mendapatkan wang dari membiayai projek yang telah dirancang.

Secara keseluruhannya didapati 2.5% adalah bantuan kewangan yang didapati dari luar negeri yang bertaraf antarabangsa. Pertubuhan yang hanya mendapat bantuan kewangan dari luar negeri yang bertaraf antarabangsa ialah Negeri Sembilan Family Planning. Pertubuhan tersebut mendapat bantuan kewangan dari International Planned Parenthood Federation iaitu kira-kira 95% daripada \$15,000/- (kos projek).

Terdapat hanya sebuah (2.5%) pertubuhan sukarela wanita yang mendapat bantuan sumber kewangan dari pertubuhan sendiri yang bertaraf antarabangsa. Pertubuhan tersebut ialah YWCA dalam melaksanakan projek mereka iaitu "World YWCA Small, Industries Management Workshop Bangladesh".

c. Bantuan Bukan Dalam Bentuk Wang

Akhir sekali, Pertubuhan Sukarela Wanita juga telah mendapat bantuan-bantuan berbentuk material dan tidak dalam bentuk wang. Di mana secara keseluruhannya didapati 15% pertubuhan sukarela wanita mendapat bantuan dalam bentuk ini. Di antara pertubuhan sukarela wanita yang mendapat bantuan dalam bentuk ini ialah Petronita, Pelitawanis, NCWO dan lain-lain lagi.

Petronita telah mendapat sebuah bangunan untuk projek Taman Didikan Kanak-kanak yang dihadiahkan oleh Petronas. Begitu juga dengan Pelitawanis telah mendapat sebuah bilik untuk projek perpustakaan

BAB V

MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI DARI SEGI PENGLIBATAN WANITA DALAM PERTUBUHAN-PERTUBUHAN WANITA DI SEMENANJUNG MALAYSIA

Di dalam Bab V ini pengkaji cuba menghuraikan masalah-masalah yang dihadapi oleh Pertubuhan-pertubuhan Wanita baik pertubuhan sukarela wanita mahupun badan wanita agensi kerajaan. Ini disebabkan masalah-masalah yang dihadapi oleh pertubuhan-pertubuhan tersebut adalah lebih kurang sama sahaja. Juga ahli-ahli pertubuhan-pertubuhan tersebut terdiri daripada kaum wanita dan penilaian masyarakat adalah sama ke atas wanita secara keseluruhannya.

Dari penulisan serta pendapat yang diberikan oleh Puan Mazidah Zakaria¹ tentang masalah-masalah yang dihadapi dari segi penglibatan wanita dalam pertubuhan-pertubuhan dapatlah dibahagikan kepada tiga bahagian utama, iaitu:

a. Masalah, sikap dan nilai masyarakat

dari segi penglibatan wanita dalam pertubuhan wanita

b. Masalah kurangnya penglibatan wanita secara individu dalam pertubuhan wanita

c. Masalah sumber kewangan yang dihadapi oleh pertubuhan wanita.

¹ Puan Mazidah Zakaria dalam Berita Harian, Selasa 20hb. April, 1982,
m.s. 15.

a. Masalah Sikap Dan Nilai Masyarakat Dari Segi Penglibatan Wanita Dalam Pertubuhan Wanita

Sejak zaman berzaman lagi dalam sesebuah masyarakat, pembahagian paling asas dibuat ialah atas dasar ciri semulajadi iaitu jantina. Di peringkat paling asas inilah dua kelompok membentuk masyarakat iaitu kelompok lelaki dan kelompok wanita (perempuan). Atas dasar ini jugalah masyarakat menentukan kedudukan dan peranan setiap individu dan menetapkan apa yang diterima dan di praktikkan bagi kedudukan dan peranan lelaki yang dibezakan dari apa yang diterima dan dipraktikkan oleh masyarakat terhadap lelaki dan wanita merangkumi kesemua aspek kehidupan individu.

Sikap dan nilai masyarakat terhadap ciri-ciri "kelelakian" dan "kewanitaan" sebenarnya lahir dari pandangan yang "stereotype". Secara idealnya, seseorang lelaki itu mesti gagah, agresif, bertanggung-jawab, berfikiran waras, tidak emosional, dan kepada kaum lelakilah terletaknya segala tanggungjawab bagi melindungi keselamatan wanita, menjadi pemimpin, menunjuk ajar serta boleh membuat keputusan yang bijak. Sebaliknya wanita secara idealnya pula bagi masyarakat ialah bersifat lemah-lembut, merendah diri, patuh taat-setia, penyabar, kuat bekerja dalam menguruskan hal-hal rumahtangga. Dengan itu mereka beranggapan bahawa kaum wanita tidak perlu cerdik atau berilmu tinggi, wanita yang bijak akan dianggap "luarbiasa", wanita akan dimaafkan jika tidak mempunyai ketetapan dalam pendirian atau dalam membuat sebarang keputusan kerana itu dikatakan sebagai sifat

mengkorbankan kepentingan diri sendiri demi kebahagian orang lain terutama kepada suami dan anak-anak. Wanita amat emosional dan sensitif iaitu ciri-ciri yang paling tidak mungkin atau tidak harus patut dimiliki oleh seseorang pemimpin atau bakal pemimpin.

Namun begitu apabila masyarakat mula berubah dan wanita digalakkan mendapatkan pelajaran yang memungkinkan mereka mendapat pekerjaan di luar lingkungan rumah tangga, dilemma yang paling dihadapi oleh golongan wanita ialah memperseimbangkan tugas dan peranan mereka di luar rumah sebagai pekerja dan ahli pertubuhan manakala di dalam lingkungan rumah tangga pula akan menjadi sebagai isteri dan sekaligus menjadi ibu kepada anak-anaknya supaya nilainya sebagai seorang "wanita" mengikut kehendak masyarakat tetap di pertahankan.

Walaupun di zaman masyarakat mengalami perubahan yang mana kelihatan masyarakat mengubah sikap dan pandangan mereka untuk membenarkan malah menggalakkan wanita melibatkan diri di luar lingkungan rumah tangga akan tetapi pada hakikatnya, masyarakat masih tidak begitu bersedia mengubah sikap, pandangan dan nilai terhadap apa yang telah ditentukan akan tugas, peranan dan kedudukan wanita dan lelaki berdasarkan "stereotyping" berhubung dengan ciri-ciri "kewanitaan" dan "kelakian" yang dikatakan ideal itu. Ditambah lagi dengan alasan bahawa ciri-ciri tersebut sebagai atas kehendak semulajadi dan hukum-hukum ugama serta diperturunkan dari generasi ke generasi seterusnya. Keenggan dan penentangan terhadap perubahan kepada "stereotyping" peranan dan kedudukan ini bukan sahaja terdapat di kalangan kaum lelaki semata-mata bahkan lebih kuat datangnya

dari golongan kaum wanita sendiri samada secara disedari ataupun tidak disedari.

Ekoran dari inilah menyebabkan terdapat berbagai prasangka dan masalah yang timbul dari penglibatan wanita dalam pergerakan atau pertubuhan wanita baik pertubuhan sukarela maupun pertubuhan badan (agensi) kerajaan yang mana melalui pertubuhan-pertubuhan seumpama itu wanita dewasa ini telah mula berani mengorak langkah keluar dari lingkungan yang ditetapkan seperti yang telah dinyatakan di awal penulisan tadi. Dari tinjauan, terdapat beberapa sebab yang sebenarnya memungkinkan hal seumpama itu boleh berlaku.

b. Masalah Kurangnya Penglibatan Wanita Secara Individu Dalam Pertubuhan Wanita

Boleh dikatakan bahawa pergerakan persatuan adalah merupakan satu konsep baru yang ujud apabila masyarakat berubah dari keadaan tradisional kepada satu keadaan yang sebaliknya iaitu keadaan moden. Pada mulanya penglibatan individu di dalam pergerakan masyarakat ataupun pertubuhan ini seratus-peratus mesti dijalankan di luar rumahtangga. Jadi tidak menjadi masalah jika penglibatan seseorang lelaki di dalam pergerakan pertubuhan yang dikatakan berlaku secara "semulajadi" kerana masyarakat telahpun menetapkan tempat lelaki di luar lingkungan rumahtangga. Akan tetapi bagi wanita, penglibatan kegiatan-kegiatan di luar lingkungan rumahtangga, iaitu satu perkara yang bertentangan dengan ciri "ideal" tentang tempat dan peranan

wanita sebenarnya yang telahpun oleh masyarakat sejak dahulu lagi.

Tambahan pula penglibatan wanita dalam pergerakan ini bukan nya sesuatu yang mesti atau terpaksa, seperti melakukan sesuatu pekerjaan untuk menambah pendapatan keluarga, akan tetapi ianya hanya sekadar sukarela semata-mata. Oleh itu kadangkala wanita yang mahu melibatkan diri mereka dalam pergerakan harus bersedia menerima imej yang negatif kerana berani menentang apa yang telah ditetapkan, oleh masyarakat. Dalam hubungan ini juga wanita masih belum bersuami ataupun janda menghadapi masalah dan halangan yang lebih kerana masyarakat tidak menggalakkan penglibatan mereka di khalayak ramai. Wanita yang telah bersuami adalah lebih bebas untuk bergerak di khalayak ramai tanpa mengancam pandangan dan norma masyarakat, tetapi bagi wanita ini juga ada pula masalah lain yang harus dihadapi sebelum mereka boleh berjaya dalam penglibatan mereka. Sebagai contoh, si isteri terlebih dahulu mesti mendapatkan kebenaran di suami untuk bergiat aktif dalam persatuan, mesti menyiapkan terlebih dahulu segala urusan rumahtangga dan lain-lain lagi.

Untuk bergerak di dalam pertubuhan terutama sebagai seorang pemimpin, wanita harus dan perlu mempunyai ciri-ciri yang ditetapkan oleh masyarakat bagi lelaki yang ideal. Sebagai seseorang individu yang lemah-lembut, sedia menurut perintah dan sentiasa merendah diri (iaitu ciri-ciri ideal bagi wanita) tidak akan sesuai untuk menjadi seorang pemimpin. Begitu juga dengan ciri emosional yang dikatakan "typical" bagi wanita. Dalam hubungan ini, tidak ramai wanita bersedia

melatih diri untuk mengubah sifat kewanitaan kepada sifat kelelakian yang dianggap sesuai bagi menjadi pemimpin yang berjaya.

Ketidak sanggupan ini lahir dari perasaan tidak mahu dianggap sebagai lelaki, iaitu satu imej atau pandangan yang boleh menyekat peluang perkahwinan bagi wanita yang belum berkahwin atau imej "mengontrol suami" bagi yang sudah berkahwin. Oleh kerana masyarakat lazimnya memberi nilai paling tinggi kepada perkahwinan, maka setiap individu, terutama wanita mahu supaya peluang untuknya mendapatkan suami yang baik tidak diancam.

Nilai-nilai seperti ini menyebabkan wanita lebih suka menyediakan diri dan berlatih untuk menjadi bakal isteri yang ideal dengan sifat-sifat kewanitaan yang disanjung dan dinilai oleh masyarakat, terutama oleh bakal suami. Ini diperkuatkan lagi oleh didikan, dan galakan ibubapa serta gambaran "wanita sempurna" yang saban hari di sogokkan kepada kita melalui media massa termasuk cerita-cerita dari novel, cerpen, drama, wayang gambar, iklan dan sebagainya. Pandangan beginilah yang secara langsung ataupun tidak merugikan kaum wanita sendiri seperti pendapat Datin Zakiah Hanum Abdul Hamid, Pengarah Arkib Negara yang kaya dengan pengalaman melalui kegiatan cergasnya dalam berbagai kerja-kerja sukarela melalui Pertiwi terutamanya mengatakan:

"Kaum wanita mesti bergiat cergas dalam sebarang persatuan wanita kerana hanya melalui cara ini sahaja, mereka dapat membuat kerja-kerja kebajikan secara tidak langsung membantu pada yang kurang. Melalui kegiatan seumpama ini juga boleh

secara dekat masalah kaum sejenis dan mengeratkan lagi hubungan. Tidak semestinya wanita yang keluar bekerja dan bergiat aktif dalam kerja-kerja sukarela lalai dalam menjalankan tugas-tugasnya di rumah Dalam hal ini, kaum wanita mesti pandai membahagikan masa dan pembahagian masa juga biarlah seimbang antara keduanya. Janganlah diberi tumpuan masa yang lebih dalam satu-satu hal sahaja sedangkan keduanya sama berat dan penting.²

Masalah selanjutnya yang dihadapi oleh kaum wanita yang aktif dalam kerja-kerja amal ialah tentang perbezaan dan pertentangan pandangan mengenai peranan lelaki dan wanita yang mengakibatkan sikap dan nilai yang berbeza terhadap peranan suami dan isteri bagi "tokoh-tokoh" yang melibatkan diri mereka dalam pergerakan. Isteri seorang pemimpin atau tokoh lelaki yang aktif dalam pergerakan sering di sanjung tinggi atas "pengorbanan" yang diberikan kerana menggalakkan dan memahami betapa pentingnya penglibatan suami tadi dalam persatuan. Sebaliknya, seorang suami yang isterinya terlibat secara aktif dalam pergerakan sering "dikasihani" malah ada kalanya dianggap "bodoh" dan "lemah" kerana membenarkan atau membiarkan isterinya terlibat dalam kegiatan pergerakan di luar rumah tangga. Inilah salah satu masalah yang harus dihadapi oleh wanita yang sudahpun bersuami ataupun yang bakal bersuami.

Seperti yang semua maklumi bahawa kegiatan-kegiatan persatuan

²Datin Zakiah Hanum, dalam Berita Harian, 20hb. April 1982, m.s. 15.

memerlukan dedikasi, tenaga, masa dan minat yang kuat. Galakan untuk wanita melibatkan diri hanya terdapat setakat wanita tadi belum bersuami atau hanya sehingga anak pertama dilahirkan sahaja jika dia sudah berkahwin. Sebabnya ialah, semasa masih bujang atau belum mempunyai anak, wanita tadi masih boleh memberikan segala tenaga, masa, minat dan dedikasinya kepada kegiatan-kegiatan pergerakan asalkan sahaja dibenarkan dan diberi galakan oleh ibubapa dan suami. Tetapi tidak lagi apabila sudah berumahtangga dan terutama sekali apabila anak sulung dilahirkan. Keadaan ini biasa terjadi kepada ahli-ahli persatuan yang sangat memerlukan tenaga ahli demi menggerakkan perjalanan dan perkembangan persatuan. Akibatnya seringkali perjalanan projek tergendala dan kadangkala tiada mempunyai orang untuk menjayakan seterusnya.

Masalah memperseimbangkan tugas dan peranan sebagai seorang individu yang mempunyai minat sendiri dalam pergerakan dan sebagai seorang isteri dan ibu yang mempunyai tanggungjawab terhadap rumah tangga timbul lagi. Akhirnya wanita paling banyak hanya dapat memberikan setengah dari seratus peratus sahaja dari tenaga masa dan khidmatnya kepada persatuan, kerana yang selebihnya ataupun lebih dari itu akan atau mesti diperuntukkan dan ditumpukan kepada rumah tangga masing-masing. Pembahagian masa tenaga dan khidmat ini lebih meruncing lagi jika wanita tadi mempunyai pekerjaan di luar rumah. Peranan ini menjadi satu bebanan yang berat bukan sahaja dari segi fizikal tetapi juga dari segi mental dan emosi. Kebanyakan wanita lebih

minatnya terhadap kegiatan persatuan dan menyempurnakan tugas dan peranan sebagai isteri dan ibu, secocok dengan nilai masyarakat.

Samada secara langsung atau tidak langsung sikap dan nilai masyarakat terhadap penglibatan wanita, dalam pergerakan ini juga boleh menghadkan ataupun membendung pilihan bagi wanita. Walaupun didapati masyarakat membenarkan lelaki melibatkan diri dalam apa juga jenis pergerakan, penglibatan wanita agak terbatas dalam erti kata ianya lebih ditumpukan kepada pergerakan-pergerakan yang bertujuan untuk memperbaiki kedudukan dan peranan wanita sebagai ibu dan isteri. Oleh itu tumpuan penglibatan wanita lebih khusus kepada pergerakan kumpulan wanita dan kumpulan kebajikan dengan hal ehwal rumahtangga dan kerajinan tangan seperti sulam-menyalam dan membuat perhiasan, masih tetap dipertahankan. Keadaan ini pengkaji dapati sendiri terhadap pertubuhan-pertubuhan yang dikaji yang masih terdapat hal-hal seperti yang disebutkan itu.

Jarang sekali wanita terlibat dalam pergerakan sebagai kumpulan pendesak seperti kesatuan sekerja, Persatuan Pengguna, dan sebagainya. Malah penyertaan wanita dalam kumpulan-kumpulan seperti Persatuan Peladang dan Koperasi merupakan satu perkara yang baru dalam bidang persatuan profesional, bilangan wanita yang terlibat secara aktif boleh dibilang dengan jari. Masalah kurangnya pilihan dari segi penglibatan wanita ini adalah juga berpunca dari kepentingan mempertahankan imej ideal dan sifat-sifat kewanitaan yang diberi nilai tinggi oleh masyarakat, selain dari masalah praktiknya

seperti kekurangan masa dan pengalaman.

c. Masalah Sumber Kewangan Yang Dihadapi Oleh Pertubuhan Wanita

Setelah pengkaji menghuraikan masalah yang dihadapi oleh ahli-ahli wanita berpersatuan yang timbul akibat dari sikap dan pandangan masyarakat ke atas mereka, tidak ketinggalan juga pengkaji cuba melihat masalah-masalah lain yang biasa dihadapi oleh setiap pertubuhan-pertubuhan wanita di Malaysia. Seperti semua maklumi bahawa setiap pertubuhan pasti atau mesti menghadapi masalah sumber kewangan terutama sekali apabila hendak menjayakan sesuatu program atau projek yang telah dirancangkan. Namun begitu terdapat sedikit perbezaannya di antara pertubuhan agensi kerajaan dan pertubuhan sukarela. Bagi pertubuhan agensi kerajaan, ahli-ahlinya tidak begitu menghadapi masalah sumber kewangan kerana mereka agak senang mendapat pembiayaan dari kerajaan. Akan tetapi bagi pertubuhan-pertubuhan sukarela tidak begitu mudah mendapat bantuan dari kerajaan. Kalaupun kerajaan memberi tetapi terlebih dahulu, sesuatu projek itu mesti diteliti samada ianya mendatangkan kesan dan faedah untuk semua masyarakat khususnya kepada kaum wanita. Namun begitu, ahli-ahli persatuan sukarela berupaya mengatasi masalah kewangan dengan mengadakan projek-projek yang boleh mendatangkan keuntungan seperti kutipan derma, pertandingan bakat, pertunjukan wayang gambar, konsert dan sebagainya. Ini berbeza dengan persatuan agensi kerajaan yang biasanya menyerah bulat-bulat kepada kerajaan untuk mendapat

bantuan penuh dari kerajaan. Namun begitu tidaklah dapat dinafikan akan adanya juga usaha-usaha yang dijalankan untuk mengatasi masalah sumber kewangan seperti yang dijalankan oleh pertubuhan-pertubuhan sukarela.

Masalah-masalah yang telah dipaparkan itu merupakan masalah umum sahaja dan sebenarnya masih banyak lagi masalah yang perlu diselidiki terutama masalah-masalah peribadi. Jadi pengkaji dapati setiap masalah itu perlu diteliti dan difahami sebaik-baiknya sebelum sesuatu langkah tertentu diambil agar dapat menggalakkan lebih ramai kaum wanita bergerak aktif dalam pertubuhan-pertubuhan sukarela. Perlu ditegaskan di sini, perubahan sikap dan nilai masyarakat terhadap peranan dan kedudukan lelaki dan wanita adalah amat penting dan paling asas bagi membolehkan wanita bergerak dengan lebih meluas dan aktif lagi dalam pergerakan pertubuhan wanita khasnya. Akan tetapi perubahan sikap dan nilai masyarakat yang dapat mengubah nilai masyarakat merupakan sesuatu yang abstrak dan subjektif. Akan tetapi ia melibatkan seseorang sebagai individu yang mempunyai hak atas dirinya tetapi harus hidup secara berharmoni dalam masyarakatnya. Jika kehendak kepentingan dan haknya tidak bercanggah dengan nilai dan norma masyarakat maka kenanglah konflik bagi individu itu, begitulah sebaliknya. Juga perubahan sikap dan pandangan seseorang belum dapat menjamin untuk dapat mengubah sikap dan pandangan masyarakat. Pentingnya di sini segala perubahan sikap dan pandangan ini mesti melibatkan keseluruhan masyarakat, baik lelaki maupun perempuan sebelum sikap dan nilai baru dapat diterima, dipraktikkan

dan diperturunkan hingga akhirnya menjadi kebiasaan yang dianggap sebagai "the accepted way of life".

Oleh itu pengkaji sarankan jika kita sama mahu melihatkan penglibatan aktif kaum wanita dalam gerakan hak haruslah diberikan perhatian dan galakan walaupun ianya memakan masa yang panjang. Untuk menjayakannya sikap tolak ansur, dedikasi, ketekunan amat perlu bagi menjayakan sesuatu yang diharapkan. Begitu juga dengan sikap dan semangat yang mesti dipupuk di kalangan setiap pemimpin wanita kerana terpulang kepada generasi muda sahaja yang menentukan kejayaan matlamat ini.

Ingin ditegaskan di sini, perubahan sikap dan nilai yang hendak dilihat berlaku adalah tertumpu kepada perubahan sikap dan penilaian masyarakat terhadap peranan dan kedudukan lelaki dan wanita iaitu; mengurangkan perbezaan yang terdapat kerana untuk menyamakan peranan adalah satu perkara yang tidak mungkin selagi kita dibezakan atas dasar semulajadi kita iaitu lelaki tetap lelaki dan perempuan tetap perempuan. Perubahan sikap ini juga harus mengambil bentuk penilaian yang saksama kepada kedudukan lelaki juga wanita, membuang prasangka atas dasar jantina supaya setiap individu tidak dihalang merebut peluang-peluang hidup semata-mata disebabkan jantinanya. Pengkaji cuba menyorot petikan kata-kata yang diluahkan oleh seorang Pensyarah di Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya iaitu Puan Mazidah Zakaria menyatakan:

"Kaum wanita sebenarnya telah lama aktif, cuma peranan mereka yang kurang diberi perhatian masyarakat sekeliling kerana sikap kurang yakin terhadap kebolehan mereka masih menebal apa lagi wanita itu lebih dikenali sebagai manusia bersifat lemah-lembut Bagaimanapun, sifat semulajadi wanita itu tidak boleh dijadikan alasan oleh golongan tertentu untuk mengeneplikan peranan mereka halangannya, masyarakat tidak menyedari masalah yang harus dihadapi oleh kaum wanita iaitu terpaksa berhadapan dengan kerja rumah dan kerja-kerja luar sekaligus. Oleh itu perasaan saling bantu-membantu serta bertolak ansur pada diri kaum lelaki dan seterusnya masyarakat harus disemai selalu. Semua wanita muh aktif tetapi ikatan rumahtangga sering menyekat kegiatan mereka. Sebab itu, persefahaman penting untuk menggalakkan lebih ramai wanita bergeriat dalam apa kerjaya sekalipun."³

Dalam konteks ini, ia bukanlah suatu kajian sesebuah peristiwa wanita atau kesimpulan pulih bagi peradaban manusia wanita dan kaum tidak boleh ditutupi maklumat diketahui hanya melalui pengalaman pribadi sahaja. Pada akhirnya masyarakat adalah sejati aktiviti-aktiviti tetapnya akan dilaksanakan selain wanita, lelaki dan wanita juga sangat dikesat oleh suatu pelajaran bahwa di kawasan kerajaan seperti bagi kawasan-kawasan bandar,

³ Puan Mazidah Zakaria, dalam Berita Harian, Selasa 20hb. April, 1982, m.s. 15.

BAB VI

RUMUSAN/PENUTUP

Pada keseluruhannya setelah mengkaji lima puluh enam buah pertubuhan sukarela wanita dan badan wanita melalui agensi kerajaan yang telah dikumpul oleh NACIWID dapatlah dibuat beberapa rumusan. Terlebih dahulu ingin dijelaskan di sini bahawa pertubuhan-pertubuhan wanita tersebut adalah mewakili keseluruhan pertubuhan-pertubuhan wanita yang terdapat di Malaysia. Kajian ini juga menganalisa aktiviti-aktiviti pertubuhan-pertubuhan wanita di Semenanjung Malaysia khasnya dalam konteks untuk melihat dan meneliti pencapaian matlamat sesebuah pertubuhan wanita itu. Daripada empat puluh buah pertubuhan sukarela wanita dan enam belas buah badan wanita melalui agensi kerajaan dapatlah dirumuskan bahawa majoritinya mencapai matlamat yang diharapkan. Pencapaian secara keseluruhan ini adalah melalui aktiviti-aktiviti terutamanya aktiviti-aktiviti yang telahpun dijalankan oleh mereka, faedah dan manfaatnya sangat-sangat dirasai oleh semua golongan wanita baik di kawasan luarbandar apatah lagi di kawasan-kawasan bandar.

Ingin dipertegaskan di sini, walaupun darjah objektiviti itu tinggi akan tetapi akibat dari kesedaran yang timbul di kalangan kaum Wanita terutama bagi golongan intelektual dan cendikiawan wanita telah dapat menolong memperbaiki sesuatu keadaan itu sehingga menghasilkan sesuatu kejayaan yang boleh dibanggakan serta disanjung. Bukan sahaja

negeri yang terdiri daripada kaum lelaki telahpun sama-sama memberikan kerjasama untuk pembangunan kaum wanita. Ini dapat dibuktikan dengan sebuah petikan dari bekas Perdana Menteri kita dahulu iaitu Allahyarham Tun Abdul Razak yang mengatakan:

"Kerajaan yang saya pimpin hari ini sentiasa memberi perhatian yang penuh terhadap kemajuan kaum wanita dengan tujuan supaya mereka boleh memainkan peranan yang penting dan menyumbangkan sepenuhnya kepada pembangunan negara"⁴

Dari petikan di atas dapat menggambarkan betapa pentingnya peranan wanita di dalam pembangunan sesebuah negara. Semua pemimpin negara mengakui hakikat ini apatah lagi di dalam negara yang sedang membangun seperti Malaysia ini. Harapan yang digambarkan oleh Allahyarham Tun seperti di atas sentiasa diulang-ulang oleh pemimpin Malaysia yang lain. Di "Seminar Belia dan Pembangunan Di Asia" yang diadakan di Kuala Lumpur dalam tahun 1971, para peserta membuat pengakuan bahawa:

"tidak akan terdapat lelaki yang berpelajaran jika kaum wanitanya (yang mendidik anak-anak) juga tidak berpelajaran".

Puan Rafidah Aziz seorang tokoh wanita yang tidak asing lagi telah pernah berkata bahawa kaum wanita di negara ini perlu sama-sama

⁴ Ucapan ini dipetik dari Perjumpaan Hari Wanita 30hb. Ogos, 1975.

mengorak langkah melibatkan diri di dalam pembangunan negara. Beliau menegaskan tugas wanita bukan semata-mata bekerja di dapur, menguruskan rumah tangga dan menjaga anak-anak tetapi mereka perlu menjalankan aktiviti-aktiviti yang dikehendaki oleh negara yang sedang membangun.⁵

Sebenarnya ramai lagi yang telah memberikan perangsang dan semangat kepada kaum wanita, akan tetapi memadai seperti di atas kerana apa yang didapati dari petikan seperti itu tidak hairanlah kepada sehingga sekarang ini kita dapat katakan bahawa setiap pertubuhan-pertubuhan wanita yang ujud sangat agresif dan begitu aktif dalam menghadapi puncaroba hidup di zaman yang serba moden ini. Ekoran dari ini juga tidak hairanlah kepada kita terhadap penglibatan wanita dalam berbagai bidang yang dahulunya hanya dipelopori oleh golongan lelaki sahaja. Dengan kata lain, kaum wanita dewasa ini telahpun mula mengorak langkah tidak mahu lagi terikat dengan segala ikatan tradisi selagi tindakan-tindakan mereka itu tidak mencemari norma dan nilai hidup terutamanya dari segi ugama. Ini disebabkan Ugama Islam tidak pernah melarang umatnya untuk memperbaiki hidup mereka selagi tidak melampaui batas-batas Sunnah Islam (bagi yang berugama Islam). Kaum wanita juga telah sedar betapa berfaedahnya "berpersatuan" kerana melalui cara itu telah dapat menyalurkan apa sahaja yang terhasrat di hati serta senang mendapat perhatian dari golongan atau pihak tertentu. Memandangkan keadaan inilah menyebabkan lahirnya berbagai persatuan/

⁵ Disenaraikan dari ucapan beliau sewaktu membuka Persidangan Mesyuarat Agong Pergerakan Wanita UMNO, Bhg. Kota Bharu, 17hb. Mei, 1978.

pertubuhan yang mempunyai motif dan matlamat sendiri.

Sebelum pengkaji pergi dengan lebih jauh lagi ingin di tegaskan di sini bahawa jika hendak melihat kejayaan sesuatu program atau aktiviti yang dijalankan dalam skop yang lebih kecil lagi atau pun diteliti di peringkat mukim, daerah sebagai contohnya, atau dihadkan kepada kegagalan projek sesebuah pertubuhan itu memang tidak dapat dinafikan terdapat projek-projek yang terbengkalai atau jika dilihat secara sekali lalu sudah tentu tidak jelas akan faedahnya kepada kaum wanita. Atau juga sesuatu projek yang bakal dijayakan tidak dapat diteruskan oleh sesuatu sebab yang tidak dapat dielakkan. Oleh itu memandangkan pengkaji cuba membuat rumusan secara keseluruhan, maka pengkaji dapati secara majoritinya memanglah lebih banyak kejayaan-kejayaan yang dicapai (melalui aktiviti yang dijalankan) serta pencapaian matlamat yang diharapkan itu amat menggalakkan.

Daripada keseluruhan pertubuhan-pertubuhan wanita yang dapat di Semenanjung Malaysia, terdapat "keanikaan" aktiviti-aktiviti pertubuhan wanita iaitu setiap pertubuhan wanita itu melibatkan diri dalam berbagai aspek seperti aspek ekonomi, politik, sosial, ugama, pelajaran dan sebagainya. Salah satu daripada "finding" iaitu tiada satupun daripada pertubuhan tersebut melibatkan diri dalam satu-satu bidang khusus akan tetapi kelihatan atau jelas kepada pengkaji bahawa pertubuhan-pertubuhan bercampur aduk merangkumi bidang-bidang kegiatan yang telahpun dijelaskan itu. Sebagai contoh ialah pertubuhan-pertubuhan wanita seperti pertubuhan wanita UMNO Malaysia, Pelitawanis, Perkep, Bakat

dan lain-lain lagi yang menjalankan aktiviti-aktiviti pertubuhan mereka merangkumi bidang-bidang kegiatan yang tersebut di atas.

(untuk mengetahui dengan lebih jelas lagi, sila rujuk Bab III dan Bab IV)

Pertubuhan-pertubuhan tersebut kelihatan lebih merupakan

pertubuhan atau persatuan yang bercorak "pertubuhan berkeluarga".

Kenapa pengkaji nyatakan begini adalah disebabkan "pertubuhan-

pertubuhan berkeluarga" itu ditubuhkan dengan segalanya tertakluk

di bawah pengurusan dan pengawasan majikan masing-masing. Sebagai

contoh ialah seperti Perkep, Petronita, Pelitawanis, Bakti, Bakat,

Kesatria, Felda, Felcra dan beberapa buah lagi yang mana boleh di

kategorikan ke dalam "pertubuhan berkeluarga" ini. Contoh yang paling

jelas lagi pengkaji ambil Petronita dan Pelitawanis dan beberapa buah

lagi di mana majikan masing-masing memberikan bangunan tertentu untuk

kegunaan pertubuhan atau untuk menjayakan projek yang dirancang seperti

memberikan bangunan untuk kelas tadika kanak-kanak. "Pertubuhan berkeluarga"

lebih banyak menjalankan aktiviti-aktiviti yang khusus kepada kebajikan

di antara mereka dalam konteks untuk merapatkan hubungan di antara majikan

dan kakitangan serta kebajikan para pekerja dan anak-anak. Apa yang di

dapati daripada "pertubuhan berkeluarga" ini sangat memberangsangkan

dan berjaya sekali. Mereka melibatkan diri dengan begitu aktif sekali

seperti Bakat, Kesatria, Bakti dan lain-lain lagi. Ini dapat dibuktikan

melalui pembacaan dan penglihatan melalui mass media. Oleh itu di

cadangkan ada baiknya agensi-agensi lain mengikut jejak langkah agensi-

agensi lain mengikut jejak langkah agensi-agensi yang telahpun memberikan kesempatan kepada kaum wanita mereka dalam menjayakan serta melakukan kerja-kerja amal dan kebajikan khasnya untuk kaum wanita. Juga disarankan kepada agensi-agensi kerajaan mengikut jejak langkah yang sama untuk meningkatkan keaktifan kaum wanita khasnya.

Di negara kita, Malaysia seperti yang telah dijelaskan bahawa pertubuhan-pertubuhan wanita tidak menampakkan atau mengkhususkan diri mereka ke dalam bidang-bidang tertentu. Namun didapati juga ada di antaranya yang cenderung kepada arah atau corak tertentu seperti NCWO yang lebih merupakan "pressure group" bagi kaum wanita dan M.T.U.C., iaitu lebih merupakan "unionism". Namun begitu, pertubuhan-pertubuhan tersebut masih tidak lari dari penglibatan mereka yang merangkumi pelbagai bidang kegiatan seperti yang telahpun dijelaskan di awal tadi. Oleh itu demi kebaikan kaum wanita perlulah ditingkatkan fungsi NCWO sebagai penyelaras pertubuhan-pertubuhan yang membolehkan NCWO memainkan peranan yang lebih efektif lagi.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa terdapatnya kejayaan-kejayaan yang dicapai dari segi pencapaian matlamat baik bagi pihak pertubuhan sukarela maupun badan-badan wanita agensi kerajaan. Ini boleh dibuktikan dari pembacaan-pembacaan kita di dalam media massa seperti majalah-majalah wanita, surat-surat khabar, radio, talivisyen dan sebagainya. Akan tetapi pencapaian yang diharapkan akan bertambah lagi baik dan berhasil sekali sekiranya individu itu sendiri memahami akan peranan serta tidak segan silu untuk menonjolkan diri bersama-sama

dalam barisan wanita baik di peringkat daerah, negeri maupun di peringkat pusat dengan satu tujuan untuk mempertingkatkan dan memperjuangkan hak-hak asasi dan kepentingan wanita.

Jika hendak membandingkan dari aspek keaktifan di antara pertubuhan sukarela dengan badan wanita melalui agensi kerajaan, dapat dikatakan bahawa memang tidak dapat dinafikan bahawa pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita memang patut diberi penghormatan dan pujian. Dari analisa dapat dirumuskan bahawa pertubuhan-pertuhuhan seperti Bakat, Perkep, NCWO, Pertiwi, MCA, YWCA dan beberapa lagi merupakan pertubuhan yang sangat aktif seperti yang selalu kita baca atau lihat melalui media massa. Kejayaan yang dihasilkan oleh pertubuhan sukarela ini mungkin disebabkan mereka secara bersedia membuat kerja-kerja amal itu, lebih senang bergaul dalam menjayakan projek, tanpa mengirakan upah dan penat lelah. Juga kita dapat ahli-ahli pertubuhan terdiri daripada kumpulan mereka sendiri. Jadi mereka tidak lagi segan silu sama-sama membuat kerja-kerja kebajikan dan sukarela itu.

Manakala badan-badan wanita melalui agensi kerajaan pula pengkaji dapat apa yang dirancangkan serta dilaksanakan itu merupakan tugas-tugas kerja mereka. Dengan ini mereka membuat kerja-kerja tersebut atas dasar ingin menyelesaikan tugas-tugas yang telah diarahkan oleh pihak atasnya. Dengan ini kurang daya inisiatif dalam menjayakan kerja-kerja amal dan kebajikan. Juga didapati apabila ahli-ahli badan wanita itu membuat kerja amal di kawasan luarbandar atau di mana sahaja didapati agak kurang tarikan dari kaum wanita kerana disebabkan oleh

dan terasa rendah diri.

Dari segi perlaksanaan sesuatu program atau aktiviti biasanya pertubuhan sukarela lebih senang untuk menyampaikan atau menjayakan sesuatu program itu kerana biasanya ahli-ahli tersebut adalah orang yang telah bercampur gaul dan rapat dengan kaum wanita khususnya di kawasan luarbandar. Akan tetapi bagi badan wanita melalui agensi kerajaan biasanya merupakan orang asing dari komunitinya yang diarahkan oleh pihak kerajaan sudah tentu agak lambat atau susah mendapat sambutan dari kaum wanita yang tinggal di luarbandar khususnya. Pertubuhan sukarela yang lebih berjaya kerana mereka sedar bahawa mereka mesti bekerja keras dan melahirkan inisiatif sendiri, bertanggungjawab, bersama-sama berkumpulan untuk menjayakan sesuatu projek itu kerana mereka sedar bahawa ditangan mereka mati hidup pertubuhan mereka serta menjaga nama baik persatuan mereka. Manakala bagi badan wanita melalui agensi kerajaan pula berpendapat bahawa apa yang dijayakan itu merupakan badan-badan yang mendapat perhatian dan bantuan dari kerajaan, serta ada setengahnya berpendapat bahawa kerja-kerja tersebut tidak bergaji, bukan satu tanggungjawab yang patut dibebabkan dan memadai sahaja dengan tugas-tugas yang diberikan pada masa-masa pejabat.

Namun begitu memang tidak dapat dinafikan bahawa badan wanita melalui agensi kerajaan ada kejayaan-kejayaan yang dihasilkan dan penganalisaan pengkaji tetapi tidak seperti kejayaan yang dihasilkan oleh pertubuhan sukarela wanita. Salah satu peranan penting yang dinyatakan oleh badan wanita melalui agensi kerajaan ialah terhadap peranan yang

disampaikan melalui media massa. Secara tidak disedari melalui penyebaran dari media massa akan sesuatu projek itu, barulah pertubuhan sukarela mengambil tindakan serta memberi perhatian serta mendapat tahu untuk menyambut seruan kerajaan dan sebagainya.

Dari segi sumber kewangan pula, memanglah sumber ini penting dalam menggerakkan sesuatu projek yang hendak dijalankan. Setiap pertubuhan mengalami masalah yang berbeza di dalam mengalami masalah kewangan. Secara kasar dapatlah pengkaji membuat rumusan bahawa terdapat masalah dan sikap yang berbeza yang dialami oleh ahli-ahli pertubuhan yang bersangkutan dengan hal-hal kewangan. Bagi pertubuhan sukarela seperti yang telah dinyatakan di awal tadi bahawa ahli-ahlinya menyedari dan bertanggungjawab atas apa jua perjalanan pertubuhan mereka begitu juga dari segi kewangan. Dengan ini biasanya mereka membuat kutipan yuran, membuat projek-projek yang boleh mendatangkan keuntungan seperti yang dilakukan oleh pertubuhan sukarela untuk mendapatkan sumber kewangan. Contohnya, seperti NCWO telah mengadakan pamiran dan diselitkan dengan menjual cabutan tiket loteri dengan harga \$1.00 sekeping. Dengan ini biasanya NCWO beroleh keuntungan yang besar. Juga didapati ahli-ahli membuat kerja-kerja tersebut dengan bersungguhannya sehingga dapat mengatasi masalah yang dihadapi. Tidak ketinggalan juga didapati ahli-ahli jawatankuasa tertinggi pertubuhan biasanya terdiri daripada golongan isteri-isteri atasan atau terdiri dari golongan pemimpin wanita yang berpengaruh. Oleh sebab itu agak senang untuk mendapatkan derma dari pihak-pihak tertentu. Ini sesuatu perkara yang memang tidak dapat dihindarkan. Bentuk hadiah wanita melalui seorang lelaki

di antara ahli-ahli mereka yang membuat kesungguhan untuk mengatasi masalah kewangan atau memang tidak dapat dinafikan bahawa terdapat juga kutipan yuran dan derma dijalankan daripada ahli dan orang luar. Akan tetapi biasanya masalah kewangan untuk membiayai sesuatu projek yang dirancang secara langsung mendapat bantuan kewangan dari pihak kerajaan.

Dengan keadaan begini menyebabkan ahli-ahli dari badan wanita tidak sangat memikirkan hal kewangan seperti yang dialami oleh pertubuhan sukarela. Didapati juga ada di antara pertubuhan-pertubuhan wanita itu hanya memikirkan kuantiti projek kerana berpendapat banyaknya kuantiti projek yang dijalankan akan diketahui oleh masyarakat bahawa pertubuhannya aktif dan berkembang maju. Tetapi akibat pendirian yang negatif itu serta tidak langsung memikirkan kualiti projek yang dirancang atau dijalankan sehingga tidak menghasilkan sesuatu yang positif kepada kaum wanita di bandar apatah lagi di kawasan-kawasan luarbandar.

Satu lagi perkara yang memang tidak dapat dinafikan juga ialah didapati pertubuhan-pertubuhan sukarela mahupun badan wanita di bandar lebih aktif dari kawasan-kawasan luarbandar. Ini mungkin disebabkan di kawasan bandar ahli-ahli lebih mudah untuk berhubung, senang mendapat bantuan fizikal dan material, lebih inisiatif dan sebagainya. Adalah diharapkan, untuk mengatasi masalah sumber kewangan yang dihadapi oleh pertubuhan-pertubuhan wanita, fungsi NACIWID sebagai salah satu fungsi penyelaras dapat membantu pertubuhan-pertubuhan wanita yang bukan sahaja menghadapi masalah kewangan tetapi juga lain-lain masalah.

Di sini pengkaji membuat penjelasan bahawa ketiadaan pergerakan wanita yang berjuang secara "direct" untuk hak-hak persamaan, kemudahan dan lain-lain tidaklah bermakna tidak ada jentera yang diusahakan oleh kerajaan untuk menjalankan kerja-kerja menginterasikan wanita dalam pembangunan. Sebenarnya organisasi ini ada dan digelar Majlis Penasihat Kebangsaan mengenai Intergrasi Wanita Dalam Pembangunan (NACIWID) yang ditubuhkan pada 1976. Tetapi setakat ini masih lagi dalam proses merancang rangka tindakannya dan belum disebarluaskan lagi hasil tindakan permulaannya.

Satu lagi perkara yang perlu dipersoalkan iaitu mengapa di Malaysia ini wanita tidak merasakan diri mereka boleh mengidentifikasi dengan sesuatu pergerakan wanita (bukan pergerakan politik), kerana yang ada sekarang ini ialah perkembangan pertubuhan-pertubuhan agak terpencil dan tidak secara "intergrated dan consolidated".

Boleh jadi masyarakat atau pihak-pihak tertentu tidak pernah mencabar kedudukan wanita secara besar-besaran melalui "pressure group" dengan kepimpinan yang konkret melalui cara-cara penyebaran dan penilaian data-data mengenai kedudukan wanita dan masalah yang dihadapinya di berbagai peringkat dan lapangan. Kepimpinan wanita yang tidak tampil ke hadapan untuk membangkitkan semangat kaum wanita dan melambangkan pergolakan nasional seperti Radin Kartini di Indonesia atau Parkhurst di Britain atau juga Kamala Devi di India dan lain-lain lagi.

Lanjutan daripada inilah menyebabkan perubahan yang kita lalui, adalah sangat terang sekali sehingga kita sama-sama tidak mengendahkan

masa jika diperlambatkan perubahan melalui undang-undang negara dijalankan. Persepsi yang salah terhadap pergerakan wanita di Malaysia ini yang sebenarnya tiada juga menjadikan wanita seolah-olah dihadapi dilemma kerana takut-takut tuntutan melalui cara-cara tindakan bersama besar-besaran disamakan dengan cara membuang baju dalam dan berpakaian sarung kaki merah oleh kumpulan-kumpulan pergerakan wanita puak pelampau (extremist) di negara Barat. Oleh itu pada dasarnya, prinsip pergerakan wanita adalah asas kepada kepentingan wanita hanya "modus operandi"nya patut ditentukan oleh kaum wanita sendiri di mana-mana supaya terjalin identiti dari sendiri. Dengan dapat dibuat rumusan bahan pergerakan wanita di Malaysia seperti yang terdapat 20 tahun yang silam tidaklah begitu "implicit" dirasai.

Dengan ini adalah dicadangkan supaya menambahkan funsi-funsi NACIWID amatlah perlu satu Biro Wanita ditubuhkan di Kementerian Buruh ataupun mungkin serta Kementerian (seperti di Perancis) untuk bertanggung jawab ke atas segala hal yang bersangkutan dengan wanita daripada wanita dalam pekerjaan perkilangan, soal-soal menjaga situasi kerja taraf minima yang paling sesuai, gaji dan jumlah waktu bekerja, perkhidmatan wanita di pejabat-pejabat, hak-hak wanita dari segi undang-undang dan status ekonomi lepasan universiti. Badan ini hendaklah digezetkan dalam Parlimen supaya ianya ujud dengan struktur organisasi tersendiri di mana Pengarahnya mesti menjadi ahli kepada kakitangan membuat dasar, Setiausaha Kementerian Buruh dan pekerja-pekerja biro menjadi wakil di merata cawangan di biro-biro atau badan lain di Kementerian Buruh.

Akhir kata, memanglah tidak dapat dinafikan bahawa betapa pentingnya pertubuhan-pertubuhan wanita bukan sahaja kepada kaum wanita bahkan juga kepada perkembangan mental bagi masyarakat di negara yang sedang membangun khasnya. Faedahnya bukan sahaja dirasai oleh kaum wanita semata-mata tetapi menyeluruh kepada anak-anak, generasi muda, tua masyarakat umumnya secara tidak langsung.

1. ~~Malay, English and Chinese. International Conference on Population, Kuala Lumpur, 1981, pp. 101-102.~~
2. ~~Malay, English and Chinese. International Conference on Population, Kuala Lumpur, 1981, pp. 101-102.~~
3. ~~Malay, English, Social Work and Psychology Department, Faculty of Religious Studies, Kuala Lumpur, 1981.~~
4. ~~Siti, Faridah, (ed.), International Symposium on The Social Welfare. Held in Penang, Malaysia, 1981, pp. 101-102.~~
5. ~~Tajuddin, Faridah, Kuala Lumpur, 1981, No. 10.~~

Nota Kaki:

BAB I(I) KONSEP DAN DEFINISI "ORGANISASI"

1. Parson T. dalam Amitai Etzioni, Complex Organizations, A Sociological Reader, Holt, Rinehart of Winston Inc., U.S.A., 1961, m.s. 33.
2. Chester I. Barnard, The Functions of the Executive, Cambridge, Massachusetts, Harvard University Press, 1956, m.s. 72
3. Cycil Sofer, Organisations In Theory And Practices Heinemann Educational Books, London, 1972, m.s. 3
4. Etzioni A. dalam Ibid., m.s. 2
5. Millet, E.J. & Rice, A.K., Systems of Organisations, Tavistock Publications, London, 1967, m.s. 102
6. Philip Selznick dalam Ibid., m.s. 18
7. Smith, Gilbert, Social Work And The Sociology of Organization, Routledge & Kegan Paul, London, 1970, m.s. 3
8. Sills, David L., (eds), The International Encyclopaedia of The Social Sciences, Jilid II, The Mac Millan Co. and The Free Press, 1968, m.s. 297
9. Talcot Parson dalam Ibid., m.s. 33.

Nota Kaki

BAB I(IV) FOKUS TERHADAP KEGIATAN WANITA DALAM
ORGANISASI: SATU TINJAUAN. PERKEMBANGANNYA DI
BEBERAPA BUAH NEGARA LAIN DAN DI MALAYSIA

1. Flexner, Eleanor, Century of Struggle: The Women Rights Movement in U.S.A., Cambridge Press, 1959
2. O' Neil, William, The Women Movement: Feminism in the U.S.A. and England, 1967
3. Owens, Roberts, Organisational Development Memineo, 1975.
4. Wanita, September, 1976
5. Wilkinson, Taul, Social Movement, Mac Millan Press, 1971
6. Wilson, Bryan (ed), Patterns of Sectarianism - Organisation and Ideology in Social and Religious Movement, Heinemann, London, 1967

BAB II: PENGENALAN: ORGANISASI WANITA DI SEMENANJUNG MALAYSIA

² Fatimah Hamidon (Prof.), The Status, Role And Achievement of Women In Malaysia, Kertas Kerja yang dibentangkan dalam Seminar Peranan Wanita Dalam Bidang-bidang Pelajaran Tinggi dan Implikasinya, 14hb. - 15hb. November, 1975, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

³ Sejarah Ringkas Perjuangan Wanita UMNO oleh Penulis Khas Ibu Pejabat UMNO, dalam Buku Cenderamata Jubli Perak Wanita UMNO Malaysia, 25hb. Ogos, 1974, m.s. 7.

BIBLIOGRAFI

1. Amitai Etzioni, Complex Organisations, A Sociological Reader, Holt, Rinehart & Winston Inc., U.S.A., 1961
2. Chester I. Barnard, The Functions of the Executive, Cambridge, Massachusetts Harvard University Press, 1956
3. Cycil Sofer, Organisations In Theory And Practices, Heinemann Educational Books, London, 1972
4. Flexner, Eleanor, Century of Struggle: The Women Rights in U.S.A., Cambridge Press, 1959
5. O' neil, William, The Women Movement: Faminism in the U.S.A. and England, 1967
6. Owens, Roberts, Organisational Development Memineo, 1975
7. Sills, David L., (eds), The International Encyclopedia of the Social Sciences, Jilid II, The Mac Millan Co. & The Free Press, 1968
8. Smith, Gilbert, Social Work And The Sociology of Organisation, Routledge & Kegan Paul, London, 1970
9. Theodore Caplou, Principles of Organisation, Harcourt, Brace & World Inc., U.S.A.
10. Wan Azmi Ramli, Pengurusan, Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., Kuala Lumpur 1981
11. Wilkinson, Taul, Social Movement, Mac Millan Press, 1971
12. Wilson, Bryan (ed), Patterns of Sectariarism - Organisation and Ideology in Social and Religious Movement, Heinemann, London 1967

Makalah-makalah dan Lapuran-Lapuran

1. Wanita, September, 1976
2. Cahaya Lembaga, Bil. 3 Tahun 2 Keluaran Lembaga Kebajikan Perempuan Islam, Jun, 1982
3. Wartanita, Terbitan NACIWID Malaysia, Bil. 1, Feb., 1982
4. Wartnita, Terbitan NACIWID Malaysia, Bil. 1/Okttober 1981
5. Memorandum Untuk Rancangan 5 Tahun, NCWO
6. Lapuran Kegiatan-kegiatan Dan Kejayaan 1979 - 1981 Bagi NCWO
7. The National Council of Women's Organisation Memorandum on the Rights of the Malaysian Child
8. Wanita Malaysia, Pencapaian & Cabaran Masa Depan (NCWO) 1982
9. Rancangan Tindakan, NACIWID 001/78
10. Seminar Wanita Malaysia Masa Kini, Universiti Kebangsaan Malaysia (13hb. & 14hb. Mac, 1979)
11. Dewan Budaya, Jilid 2, Bil. 8, Ogos, 1980